


**Jilid I
Bil. 10**



**Hari Selasa
21hb Disember, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Mengemukakan soalan-soalan tambahan [Ruangan 945]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 946]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 989]

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 1042]**

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.M.S., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N. J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 21hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN
TIMBALAN
YANG DIPERTUA

MENGEMUKAKAN SOALAN-
SOALAN TAMBAHAN

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan-pertanyaan, saya suka hendak memberi sedikit ingatan setelah saya berunding dengan Yang Dipertua. Oleh sebab pada tiap-tiap hari soalan ada lebih daripada 10 soalan sampai ke 18 atau 20 soalan tetapi yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-menteri cuma dapat tidak lebih daripada 8 ataupun 10 soalan. Rasa saya kalau kita mendapat kerjasama yang rapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita cuba seberapa banyak soalan ini dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-menteri. Jalannya ialah kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengemukakan soalan tambahan kemukakan soalan itu lebih dahulu. Jika sekiranya saya tidak faham atau Menteri yang berkenaan tidak faham, barulah saya minta penerangan atau penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya ingat jalan ini dapat Menteri yang berkenaan menjawab lebih daripada apa yang biasa. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat pula

bertanya perkara yang tidak berkait dengan soalan yang dikemukakan ini, saya akan menolak soalan ini. Ini saya haraplah dapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yuan Kee Yong Wee.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LEMBAGA PERPADUAN NEGARA

1. **Tuan Kee Yong Wee** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang meluaskan bidang tugas dan memperkukuhkan Lembaga Perpaduan Negara supaya Lembaga itu dapat benar-benar memberi sumbangan yang lebih besar dalam usaha Kerajaan untuk menubuhkan sebuah masyarakat yang harmoni, progresif dan berdikari.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin menjelaskan bahawa agensi Perpaduan Negara tidak lagi berstatus Lembaga tetapi telah ditarafkan semula menjadi sebuah Jabatan Kerajaan yang biasa dan dinamakan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara mulai awal tahun 1980 apabila Urusetia Rukun Tetangga telah bercantum dengan Lembaga yang dahulu itu.

Mulai daripada 1hb Januari, 1983 panggilan kepada Jabatan ini akan pula diringkaskan kepada Jabatan Perpaduan Negara sahaja.

Bagi menjawab soalan ini seterusnya, sukalah saya menerangkan bahawa Jabatan Perpaduan Negara memang sudah menjalankan beberapa banyar rancangan ke arah perpaduan negara. Akan tetapi adalah menjadi kelaziman kepada Jabatan menjalankan sebahagian besar daripada tugasnya secara senyap-senyap, tanpa publisiti oleh kerana di dalam perkara perhubungan kaum dan perpaduan negara ini banyar isu-isu yang sensitif.

Misalnya, Jabatan Perpaduan Negara ada menjalankan program dialog pada tiap-tiap tahun dalam perkara yang sensitif. Dialog ini diadakan dengan golongan-golongan tertentu berbagai kaum dan majlis dialog ini diadakan secara tertutup kepada akhbar-akhbar. Dialog yang telah dijalankan selama dalam tahun-tahun yang lepas dan dalam tahun ini adalah seperti di dalam soal Dasar Pelajaran yang diadakan dengan golongan penyokong-penyokong pelajaran bahasa China dan sekolah China. Dialog juga pernah diadakan untuk mengenalkan agama masing-masing kepada belia-belia daripada berbagai agama. Jabatan juga telah mengadakan dialog berhubung dengan kerjasama antara peniaga-peniaga bumiputera dan bukan bumiputera yang dihadiri oleh semua golongan kaum yang menjadi ahli-ahli perniagaan. Tidak lama dahulu suatu dialog telah diadakan dengan Pengarang-pengarang akhbar minta kerjasama mereka supaya berhati-hati apabila menyiarkan perkara-perkara yang sensitif berhubung dengan agama dan adat resam kaum-kaum. Ada pun dialog ini akan diteruskan lagi seperti tahun-tahun yang sudah.

Mulai tahun ini Konsep Kejiranan telah diperkenalkan kepada orang ramai secara am dan juga secara khasnya melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Masyarakat dan Rukun Tetangga. Konsep Kejiranan ini diharap akan menguatkan lagi interaksi antara kaum melalui aktiviti-aktiviti kejriranan dan ianya adalah merupakan satu program perpaduan antara kaum dengan bermula di peringkat kawasan kependudukan dan perumahan.

Sebagai Jabatan yang diberi tanggungjawab untuk mencari langkah-langkah dan strategi bagi menyatupadukan rakyat, Jabatan adalah menggunakan pendekatan bermesyuarah dengan golongan-golongan dari lain-lain kaum. Adalah dikira bahawa pendekatan bermesyuarah ini lebih berkesan dari segi jenis tugas dijalankan oleh Jabatan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Kita tidak nafikan Jabatan Perpaduan Negara adalah sangat penting dalam negara kita yang majmuk yang terdiri daripada berbagai kaum dalam negara kita ini dan ini adalah satu langkah yang bijak diadakan terus-menerus.

Rakyat suka tahu sekarang dalam perkembangan perpaduan negara ataupun Rukun Tetangga ini masa sekarang sampai ke tahap berapa ratus seluruh tanahair kita ini. Kita sudah tubuh dan dirikan di bandar-bandar atau di tempat-tempat yang penting yang patut kita dirikan di situ, ada berapa di seluruh tanahair?

Kedua, mengikut Kementerian yang bertanggungjawab dalam perpaduan negara yang penting ini saya sukalah hendak bertanya di manakah satu tempat dalam tanahair kita yang boleh dijadikan contoh tentang pentadbirannya, perjalanannya dan

tanggungjawab Rukun Tetangga di tempat itu yang boleh menjadi contoh kepada seluruh tempat yang kita dirikan Rukun Tetangga dalam tanahair kita ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, di negara kita ada beberapa sektor-sektor Rukun Tetangga dan juga Unit-unit Perhubungan Masyarakat dan mereka telah berkhidmat mencapai perpaduan yang lebih erat di antara penduduk-penduduk tempatan. Akan tetapi malangnya saya tidak dapat memberikan satu angka yang tepat.

Berkenaan dengan contoh, seperti saya katakan tadi cara Jabatan Perpaduan Negara untuk mencapai perpaduan ialah melalui musyawarah dan sekiranya musyawarah berjaya, kami pun tidak akan mengumumkan oleh kerana kalau diumumkan, itu tidaklah menjadi musyawarah.

KERETA-KERETA KEGUNAAN KERAJAAN

2. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan semua Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk menunjukkan tauladan yang baik kepada rakyat dengan cara menggunakan kereta-kereta yang lebih murah dan ekonomi untuk menjimatkan wang negara dan tidak seperti keadaan sekarang di mana Jabatan-jabatan menggunakan kereta-kereta besar dan mahal seperti Volvo dan Mercedes.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, beberapa fakta telah diambil kira apabila menentukan kereta-kereta bagi kegunaan Kerajaan. Adalah menjadi amalan penting mengambil perhatian ke atas jumlah perbelanjaan sepanjang umur perkhidmatan kereta itu iaitu diambil

kira perbagai kos seperti kos harian, kos memperbaiki dan harga alat ganti. Selain dari itu, kereta juga dipilih berdasarkan kepada keadaan tahan lasak terutamanya dari segi jalan-jalan buruk yang ditempuhi di kawasan luar bandar dan mesti pula digunakan dengan kerap tanpa mengalami kerosakan.

Adalah juga dipastikan kereta itu sesuai digunakan oleh peserta-peserta luar negeri semasa diadakan konvensyen atau persidangan antarabangsa dan digunakan oleh mereka yang mengiringi pelawat-pelawat ternama dari luar negeri.

Berdasarkan kriteria-kriteria di atas didapati kereta Volvo dan Mercedes adalah sesuai bagi kegunaan pejabat.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan kegunaan kereta oleh pegawai-pegawai Kerajaan termasuk Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri, jika kita bandingkan dengan Ketua Eksekutif di sektor swasta tiap-tiap mereka ini jika hendak menggunakan kereta jenis Mercedes 280S harganya sebanyak \$130,000 road taxnya dahulu sebanyak \$1,600, sekarang sudah naik dekat \$10,000 yang betulnya \$9,700 setahun jika dibayar oleh syarikat. Juga 2-3 tahun lepas gaji pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan sudah naik. . . .

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, tadi adalah saya katakan iaitu hendaklah kemukakan soalan terlebih dahulu. Kalau sekiranya soalan itu tidak dapat juga terang, baru ada penjelasan. Soalan yang diutamakan, mengikut aturan kita soalan itu dahulu. Apa soalnya?

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan saya, Tuan Yang Dipertua, jikalau saya soalkan secara

dahulu, sebelum saya terangkan, sudah juga hendak dijawab. Jika Tuan Yang Dipertua hendakkan.

Timbalan Yang Dipertua: Tidak mengapa, yang menjawab ialah Timbalan Menteri yang berkenaan, Yang Berhormat Dato' cuma menyoal. Apa dia soalnya?

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan saya begini, Tuan Yang Dipertua. Adakah pegawai-pegawai Kerajaan membayar cukai pendapatan daripada kenikmatan yang mereka menggunakan kereta-kereta Kerajaan itu?

Soalan kedua, undang-undang ini dibuat selalunya untuk semua rakyat tetapi bila undang-undang dibuat nampaknya rakyat yang di sebelah luar sahaja yang terkena seperti jimat cermat inilah tetapi di sebelah Kerajaan nampak kereta besar juga, walhalnya pihak swasta mesti membawa counterpartnya daripada luar negeri naik Mercedes juga bukan orang Kerajaan sahaja mesti naik Mercedes.

Itulah soalan saya, Tuan Yang Dipertua.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan soalan yang kedua, saya ingin tegaskan bahawa di negara kita cuma ada satu undang-undang untuk semua rakyat negara kita.

Saya tidak berapa faham soalan pertama, sekiranya Yang Berhormat dapat mengulangi.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Ya, Tuan Yang Dipertua. Di sektor swasta jika sekiranya saya diberi oleh satu syarikat menggunakan kereta dan untuk kesenangan saya bahawa kenikmatan itu akan diquantify secara duit dan duit itu dimasukkan di dalam borang untuk taksiran cukai saya termasuk gaji saya, pendapatan

dividen saya dan juga kenikmatan yang saya terima daripada syarikat seperti kegunaan kereta, kegunaan rumah dan semua sekali diquantify menjadi pendapatan saya. Daripada situlah cukai pendapatan saya dikira sebagai pendapatan penuh untuk tahun ini.

Saya ingin bertanya sama ada perkara ini juga dibuat untuk pegawai-pegawai Kerajaan?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, kereta-kereta yang dimaksudkan ialah kereta-kereta Kerajaan untuk kegunaan Kerajaan dan bukan untuk kegunaan persendirian.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, ini soalan saya.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, duduk sekejap!

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Oh, ada lagi!

Timbalan Yang Dipertua: Rasa saya, bila Tuan Yang Dipertua bercakap, saya minta semua kena duduk, mengikut aturan mesyuarat kita.

Saya nampak soalan yang dikemukakan oleh Dato' tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat menjawab sebenarnya kehendak Yang Berhormat. Adakah diminta Yang Berhormat itu dijelaskan lagi atau hendak menjawab kemudian daripada ini?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, mengikut fahaman saya Yang Berhormat telah menyoal sama ada jenis kereta yang digunakan adalah diambil kira dalam soal gaji dan elaun seorang pegawai Kerajaan dan maksud dalam jawapan saya ialah kereta-kereta yang disebutkan dalam soalan ini ialah kereta-kereta

Kerajaan untuk kegunaan rasmi Kerajaan dan bukan kereta yang diberi untuk kegunaan persendirian.

Timbalan Yang Dipertua: Bagi makluman Yang Berhormat, jawapan itu pun tidak kena sebagaimana soalan. Walau bagaimanapun, apabila Jurutulis menghantarkan kepada Yang Berhormat nanti boleh dijawab kemudian.

Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya ini hendak menyoal, hendak menjawab jugalah.

Timbalan Yang Dipertua: Kalau hendak menjawab, tidak payahlah.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Dan saya harap Parlimen kita ini biarlah terus demokrasi, jangan pula macam tempat belajar hendak tegur Menteri atau tegur Ahli Yang Berhormat ini, sebab rasa saya freedom of speech mesti ada apabila bercakap dan bertanya. Kalau kita hendak control, Tuan Yang Dipertua, tutup sahaja Dewan ini. Pada pendapat saya biarkan terus demokrasi berjalan. Siapa yang bertanya, yang was-was, memang itu dasar sumpah setia kita kepada Dewan ini bagi menjaga keselamatan tanahair dan negara kita. Sebab itu saya hendak menegur juga Tuan Yang Dipertua. Saya harap janganlah sampai macam kanak-kanak dengan guru pula menghadap Tuan Yang Dipertua ini, hendak suruh murid begitu begini. Saya meneruskan di Dewan ini, saya harap teruskan merdeka bertanya, merdeka Menteri-menteri menjawab. Tetapi saya bersetuju dengan jawapan Tuan Yang Dipertua tadi, jawab biarlah tepat, jangan Menteri jawab melepas batuk di tangga sahaja, maafkan saya, tetapi tidak banyak Menteri serupa ini.

Jadi, sekarang saya hendak bertanya. Di sini saya menegur bukanlah berdasarkan hasat dengki kepada Yang Berhormat Menteri-menteri ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang kita kasihi semua, sama ada yang memakai Mercedeskah atau apa jenis kereta sekalipun yang sebenarnya tidak ada masalah zaman dulu; tetapi apabila kita analisa kehendak Perdana Menteri kita sendiri yang kita semua hendak menjadi contoh ini Perdana Menteri sendiri, Menteri-menteri sendiri, pegawai-pegawai Kerajaan sendiri sebagaimana kata sahabat saya Yang Berhormat tadi rakyat kita disuruh cermat, jaga baik-baik dan jangan buang wang. Tetapi adakah kita juga sudah sampai masa memikirkan tidak usahlah pakai motokar-motokar besar, tetapi cara yang sederhana, yang boleh rakyat nampak, orang yang bercakap itu betul. Jadi saya hendak bertanya sekarang adakah kereta yang dicadangkan oleh Perdana Menteri kita ala-Malaysia yang akan datang ini boleh Menteri yang berkenaan menyatakan boleh kita pakai sama ada pihak Menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan supaya menjimatkan wang negara.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, insya Allah (*Ketawa*).

MINYAK DI DASAR LAUT TRENGGANU

3. Dato' Yap Peng minta Perdana Menteri menyatakan dengan terjumpanya minyak di dasar laut Trengganu sama ada Kerajaan akan melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri itu pada tahun-tahun akan datang. Jika ya, nyatakan butir-butir projek tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, sejajar dengan matlamat pembangunan negara, Kerajaan

memang akan melaksanakan program-program pembangunannya di tiap-tiap negeri termasuk negeri Trengganu. Di Trengganu khasnya dengan adanya sumber minyak dan gas dijangka bahawa berbagai-bagai industri yang berasaskan dua sumber ini akan tertarik ke negeri itu. Projek-projek yang berasaskan gas dan minyak yang sedang dilaksanakan sekarang ialah seperti berikut:

- (i) terminal minyak mentah;
- (ii) kilang penapis minyak;
- (iii) loji memproses gas;
- (iv) Stesyen Janakuasa L.L.N. di Paka; dan
- (v) kompleks besi keluli di Teluk Kalong.

PETANI-PETANI DI KAWASAN RUMAH PANJANG

4. Tuan Haji Latip bin Haji Dris minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan pernah membuat sebarang kajian sosio-ekonomi petani-petani di kawasan rumah panjang di pedalaman negeri Sarawak. Jika ada, apakah hasil dan tindakan yang telah diambil.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, berbagai-bagai kajian sosio-ekonomi petani-petani di kawasan rumah panjang di pedalaman negeri Sarawak telahpun dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Pertanian, Jabatan Kesihatan, Muzium Sarawak, Universiti Pertanian Malaysia dan Perbadanan Perkhidmatan Letrik Sarawak (SESCO). Pada keseluruhannya kajian-kajian itu telah menyiasat tentang kedudukan kesejahteraan rumahtangga taraf kesihatan serta kelaziman makanan dan juga sikap penduduk-penduduk terhadap projek-projek pembangunan Kerajaan.

Satu kajian nasional yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi iaitu kajian kesejahteraan rumah tangga telahpun melibatkan kawasan-kawasan petani-petani di rumah panjang di Sarawak. Kajian ini telah mengumpulkan data-data mengenai kesejahteraan hidup isi rumah dan maklum balas yang kemas kini mengenai kekesanan pembangunan. Agensi-agensi Kerajaan Sarawak dan juga Kementerian-kementerian di peringkat persekutuan telah menyediakan dan melaksanakan projek-projek berasaskan kepada hasil kajian-kajian yang telah dijalankan. Kerajaan-kerajaan negeri Sarawak dan Persekutuan telahpun menyediakan projek-projek pertanian dan lain-lain projek dengan tujuan meninggikan taraf sosio-ekonomi petani-petani di kawasan rumah panjang khasnya dan kepada rakyat amnya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

TANAH RIZAB MELAYU DI WILAYAH PERSEKUTUAN

5. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memajukan dengan segera tanah-tanah rizab Melayu yang terbiar di sekitar Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, saya mengakui hakikat bahawa kawasan-kawasan Tanah Simpanan Melayu di Wilayah Persekutuan pada masa ini adalah ketinggalan dari segi pembangunan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain di sekitarnya. Walaupun kawasan-kawasan tersebut mempunyai potensi untuk dibangunkan selaras dengan trend

pembangunan di persekitarannya, kawasan-kawasan tersebut telah ketinggalan dari segi pembangunan oleh sebab beberapa faktor seperti sekatan undang-undang, ciri-ciri fizikal dan keadaan sosio-ekonomi. Aspek perundangan adalah merupakan faktor yang utama yang menyebabkan keadaan sedemikian itu terjadi. Peruntukan yang terkandung di dalam "enakmen" Kawasan Simpanan Melayu 1913 ataupun "Enakmen" Tanah 1897 melarang pemilikan, pemajakan penyewaan, pemindahan hakmilik serta pendudukan kawasan ini oleh orang-orang bukan Melayu. Walaupun peruntukan perundangan ini bertujuan untuk melindungi kepentingan orang-orang Melayu dengan menjamin kekekalan pemilikan tanah di Kuala Lumpur oleh orang-orang Melayu, ianya juga telah membawa kesan menghalang eksploitasi sepenuhnya potensi pasaran Tanah-tanah Simpanan Melayu.

Hasil dari kesedaran tentang masalah-masalah membangunkan kawasan-kawasan Tanah Simpanan Melayu dan potensi kawasan-kawasan tersebut untuk dibangunkan, Kementerian Wilayah Persekutuan telahpun mengambil satu langkah untuk merancang beberapa dasar dan strategi yang bertujuan untuk memajukan kawasan-kawasan itu supaya selaras dengan aliran pembangunan di kawasan-kawasan di sekitarnya.

Dasar-dasar tersebut terkandung di dalam Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur dan sebaik sahaja deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur ini diluluskan, Kementerian Wilayah Persekutuan akan memberi keutamaan untuk melaksanakan dasar-dasar tersebut dengan tujuan untuk membangunkan Kawasan-kawasan Simpanan Melayu. Pada dasarnya pembangunan lot-lot Tanah Simpanan Melayu akan dijalankan oleh pemilik-pemilik

sendiri. Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain pula akan memainkan peranan untuk menggalakkan dan membuka jalan supaya pembangunan kawasan tersebut dapat dipertingkatkan. Di antara langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi-agensi Kerajaan ialah untuk menyediakan dan meningkatkan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas. Kemudahan-kemudahan dan infrastruktur akan ditinggikan mutunya dan akan disepadukan dengan kawasan-kawasan di persekitaran Kawasan Simpanan Melayu.

Langkah kedua yang akan dijalankan ialah untuk menetapkan satu perbadanan yang khusus yang bertanggungjawab untuk membangunkan Kawasan-kawasan Simpanan Melayu. Perbadanan ini mungkin merupakan satu perbadanan yang sedia ada atau suatu perbadanan baru yang akan ditubuhkan. Perbadanan ini juga akan bertanggungjawab untuk memberikan khidmat kepakaran dalam bidang teknik, kewangan dan organisasi untuk memudahkan pembangunan Kawasan Simpanan Melayu. Perbadanan ini juga akan bertanggungjawab untuk memberikan segala galakan kepada pemilik-pemilik tanah untuk memajukan lot-lot mereka sama ada dengan memberikan khidmat kepakaran, bantuan kewangan ataupun secara usahasama.

Kajian juga sedang dijalankan terhadap undang-undang tanah serta "Enakmen" yang dikuatkuasakan ke atas tanah-tanah rizab Melayu dan jika ia didapati perlu perakuan akan dibuat untuk meminda undang-undang yang berkenaan agar ia lebih sesuai dengan konsep pembangunan moden sekarang ini di peringkat Wilayah Persekutuan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Sementara untuk menantikan projek-projek ini akan dijalankan oleh Kementerian Wilayah, saya ingin tahu bolehkah pihak Kementerian menyediakan kemudahan-kemudahan asas buat sementara waktu menantikan pelan-pelan ini; sediakan kemudahan-kemudahan asas seperti air, api, jalan, tempat permainan dan sebagainya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa perancangan seluruh kawasan di Wilayah Persekutuan termasuk kawasan-kawasan Rizab Melayu pada masa-masa ke hadapan adalah diselaraskan dengan Pelan Tempatan dan Pelan Tindakan yang akan dibuat selepas sahaja draf Pelan Struktur ini diluluskan. Ini bermakna bahawa langkah-langkah selanjut boleh diambil mulai sekarang supaya disediakan kemudahan-kemudahan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, memandangkan konsep rancangan pembangunan yang akan dibuat oleh Kementerian Wilayah Persekutuan terhadap keadaan tanah-tanah Simpanan Melayu di Wilayah Persekutuan, adakah pihak Kementerian ini menjemput Kerajaan-kerajaan Negeri di seluruh negara bagi mencontohi perancangan yang serupa di kawasan-kawasan tanah Simpanan Melayu yang dianggarkan oleh pakar-pakar undang-undang dan pakar perundangan akan pupus di dalam tempoh 15 tahun yang akan datang.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya tidak berapa jelas dengan soalan Ahli

Yang Berhormat itu tetapi pada pandangan saya beliau bermaksud bahawa sama ada langkah-langkah patut diambil supaya undang-undang yang berkaitan dengan tanah ini diselaraskan kalau itu maksud Ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya kuasa dari segi tanah sebagaimana yang diketahui adalah terletak kepada Kerajaan Negeri dan setiap negeri ada undang-undang tertentu dari segi cara untuk melaksanakan program di atas tanah-tanah Rizab Melayu.

Bagi peringkat Wilayah Persekutuan sebenarnya selain daripada Undang-undang yang berkenaan dengan tanah Rizab Melayu ini ada undang-undang tertentu—Enactment tertentu umpamanya mengenai kawasan Kampung Bahru yang tertentu yang terpaksa dikaji dengan lebih mendalam, kerana kita berpendapat sebahagian daripada peruntukan yang sedia ada itu telah menyebabkan kawasan-kawasan ini tidak dibangunkan selaras dengan kawasan-kawasan lain. Oleh sebab itu soalan Ahli Yang Berhormat itu sama ada kita ada menjemput negeri-negeri lain untuk sama-sama membincangkan masalah ini, setakat ini tidak ada dan bukanlah saya fikir dalam bidang fungsi Kementerian Wilayah untuk menjemput wakil-wakil Kerajaan Negeri, sebab di peringkat Persekutuan pun ada Majlis Tanah Negara yang bertanggungjawab dalam hal menyelaraskan undang-undang khususnya berkenaan dengan tanah Rizab Melayu.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud: Tuan Yang Dipertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan memberi tahu sama ada Kementerian Wilayah Persekutuan bercadang mengesyorkan kepada Kerajaan meminda undang-undang yang berkenaan di Wilayah

Persekutuan meletakkan tanggungjawab untuk membangunkan tanah-tanah Rizab Melayu yang terbiar di dalam Wilayah Persekutuan di atas pemiliknya dengan memestikan mereka itu membangunkan ataupun memajukan tanah Rizab Melayu yang terbiar di Wilayah Persekutuan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi di dalam perakuan Pelan Struktur Kuala Lumpur kita akan mengkaji dengan lebih lanjut semua aspek undang-undang yang ada khususnya dari segi hendak membangunkan kawasan Rizab Melayu tadi dan di dalam langkah kita menyediakan Pelan. Tempatan dan Pelan Tindakan faktor undang-undang itu perlu dikaji dengan lebih mendalam. Mengikut keadaan yang ada sekarang ini belum ada peruntukan yang mewajibkan di dalam undang-undang itu pemilik-pemilik tanah membangunkan tanah-tanah terutama di dalam kawasan Rizab Melayu. Sebab itulah daripada sejumlah lebih kurang 2,900 ekar sebahagian besarnya 32% adalah diduduki bagi tujuan residential ataupun tempat tinggal dan 49% daripadanya adalah untuk pertanian dan tidak dibangunkan, sebab tidak ada peruntukan dalam undang-undang yang mewajibkan. Walaupun begitu, dalam segi kita menyediakan Pelan Tempatan dan Pelan Tindakan ada kuasa-kuasa tertentu di bawah peruntukan undang-undang yang diberi kepada Menteri Wilayah Persekutuan yang boleh secara tidak rasmi ataupun secara rasmi memaksa tuan-tuan tanah membangunkan tanahnya selaras dengan konsep pembangunan Wilayah Persekutuan. Jadi ini ada diperuntukkan di bawah undang-undang yang baharu dipinda di Parlimen yang memberi kuasa kepada Menteri Wilayah Persekutuan untuk menguatkuasakan dan ini kita

akan laksanakan selaras dengan pembetulan Pelan-pelan Tempatan dan Pelan-pelan Tindakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya amat terkejut mendengar Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan menyebutkan yang tanah kawasan Melayu masih belum dibuat apa-apa tindakan yang sewajar. Sepatutnya saya kata di Kuala Lumpur ini mahulah mencerminkan kepada seluruhnya baik orang luar atau orang dalam sepatutnya dicerminkan hak bumiputera itu dibuka dengan tidak menunggu lagi orang-orang Melayu yang ketiadaan itu tetapi yang sebenarnya Kerajaan yang bertanggungjawab patut membuat satu penyeliaan yang teliti bagi membangunkan supaya kampung-kampung Melayu bertaraf sebagai lain-lain kawasan di Kuala Lumpur ini. Alangkah malunya tempat negerinya sendiri ketinggalan zaman dan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengatakan tidak ada apa-apa buat tindakan yang tertentu dalam hal ini. Saya harap demi kebaikan negara kita pada masa akan datang khususnya seluruh kampung-kampung ataupun kawasan Rizab Melayu ini harus diambil ingatan dan menjadikan ia sebagai kampung yang moden macam lain-lain juga supaya menggambarkan Wilayah Kuala Lumpur ini bumiputera dan bukan bumiputera adalah bersama dalam kemajuan Kerajaan kita sekarang. 2,900 ekar pada pendapat saya amat kecil Rizab Melayu di negerinya sendiri, di ibu negara yang menjadi contoh kepada kita semua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri baik dalam Pelan Induk, pelan raksaksa bandaraya kita akan datang supaya menumpukan ini, tumpuan yang utama supaya tanah Rizab Melayu ini dimodenkan mengikut sepatutnya. Sepatutnya perkara ini 10 tahun yang lalu tanah-tanah Rizab Melayu ini dimodenkan

mengikuti keadaan-keadaan yang baik bagi negara kita, bolehkah begitu Yang Berhormat?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Sebenarnya boleh, Tuan Yang Dipertua, sebab kuasa ada kepada kita. Tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi ada constraint—sekatan-sekatan—dari segi undang-undang dan juga sikap tuan-tuan pemilik tanah Melayu sendiri yang tidak suka dibangunkan. Sebab itu saya sebutkan tadi walaupun ada sekitar kawasan Kuala Lumpur ini pesat membangun, kawasan Rizab Melayu masih ketinggalan bukan tidak ada pembangunan tetapi ketinggalan apabila dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain kerana beberapa faktor. Di antaranya ialah kerana boleh terdapat setengah-setengah kawasan Rizab Melayu ingin kekal begitu dengan tidak disentuh oleh pembangunan yang moden. Oleh sebab itu kita mendapati kesulitan apabila kita hendak melaksanakan rancangan itu.

Yang kedua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi sebahagian besarnya boleh dikatakan keseluruhan kawasan-kawasan Rizab Melayu ini dimiliki oleh orang-orang persendirian. Bermakna tanggung-jawab bagi membangunkan kawasan Rizab Melayu ini adalah terletak kepada bahu pemilik-pemilik tanah. Walaupun begitu pihak Kerajaan melalui Kementerian Wilayah memang sentiasa mengambil langkah-langkah bagi menyediakan dan memperbanyakkan kemudahan-kemudahan asas di kawasan Rizab Melayu dan saya pastilah walaupun sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita sudahpun ada undang-undang dan juga sudah ada satu pelan yang menyeluruh maka insya Allah dengan rancangan-rancangan yang akan dijalankan di kawasan-kawasan Rizab Melayu nanti akan dapat dibangunkan

setanding dengan kawasan-kawasan lain di peringkat Wilayah Persekutuan.

JANJI DUA BANK ASING MENGENAI EKUITI

6. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan yang telah dicapai sehingga kini mengenai pengumuman janji-janji dua bank asing yang terbesar di Malaysia bagi memenuhi dasar Kerajaan ke atas menyusun semula ekuiti mereka.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, barangkali Ahli Yang Berhormat merujuk kepada pengumuman dua buah bank asing iaitu The Hong Kong and Shanghai Banking Corporation dan the Chartered Bank, untuk menyusun semula ekuiti serta kegiatan mereka bagi memenuhi dasar Kerajaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Suka saya jelaskan bahawa perbincangan-perbincangan mengenai perkara ini sedang berjalan di antara pihak-pihak yang berkenaan. Dalam proses ini, beberapa masalah undang-undang perlu diselesaikan dahulu sebelum penyusunan semula ke atas kedua-dua buah bank tersebut dapat dilaksanakan dengan lancarnya. Oleh itu, penyusunan semula kedua-dua bank ini mungkin akan mengambil masa yang agak lama sedikit. Walau bagaimanapun, pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sedang mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mempercepatkan proses penyusunan semula ini.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, nama bank itu tidak disebutkan di sini tetapi dijawab oleh Timbalan Menteri secara betul. Saya ingin tahu, Tuan Yang Dipertua, perkara ini telah diumumkan dalam 8 bulan yang lepas, kenapa sampai sekarang benda ini tidak lagi bergerak.

Yang kedua, saya ingin bertanya juga bila penyusunan semula milik ekuiti bank-bank ini, sama ada penyusunan semula ini dibuat secara senyap-senyap ataupun diumumkan untuk orang ramai membelinya.

Soalan ketiga, ini bukan dua sahaja bank asing di negara kita, Tuan Yang Dipertua, banyak lagi bank asing di negara kita ini. Saya ingin tahu sama ada arahan ataupun nasihat-nasihat diberi kepada bank-bank asing yang lain daripada dua ini mengikut jejak yang sama yang diambil oleh dua bank terbesar ini.

Yang Keempat, Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu juga galakan-galakan diberi untuk menyusun balik ekuiti bank-bank dan juga syarikat-syarikat yang lain oleh Kementerian Kewangan sama ada 5% yang diberi sekarang iaitu jikalau disusun semula ekuiti mereka sepatutnya yang dibayar 40% cukai syarikat diturunkan kepada 35%, cuma 5% diberikan. Sama ada ini mencukupi menggesa banyak lagi bank-bank ini menyusun semula ekuitinya atau patutkah Kerajaan kita memberi banyak lagi galakan itu, umpamanya 10% diturunkan, menggesakan mereka supaya menyusun semula saham-saham ekuiti mereka dengan secepat mungkin sebelum tahun 1990.

Tuan Sabbarudin Chik: Tuan Yang Dipertua, rasa saya keempat-empat soalan itu ada berkait di antara satu sama lain, maka secara menyeluruh inginlah saya memaklumkan iaitu sewaktu kedua-dua bank ini mengemukakan cadangan-cadangan untuk menyusun semula, pihak Kementerian Kewangan telah meneliti tetapi didapati bahawa cadangan-cadangan yang dikemukakan itu telah tidak dapat diterima oleh sebab kedua-dua bank ini bercadang

mengenakan premium yang agak tinggi ke atas harga saham-saham bank-bank berkenaan.

Selain daripada itu juga, sebahagian daripada saham-saham akan dijual dan wang yang diperolehi daripada saham-saham itu akan dibawa ke luar negeri. Dengan sebab kenaikan saham-saham itu tadi, dan wang yang lebih (extra) dibawa ke luar negeri, maka Kementerian Kewangan memandangkan perkara ini tidak menasabah malah hanya akan merugikan kita kalau kedua-dua bank itu menyusun semula selaras dengan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan tempoh hari, oleh itu kita telah meminta kedua-dua bank, kalau betul-betul hendak menyusun semula, supaya mengemukakan cadangan yang lain. Dan juga, Tuan Yang Dipertua, kita fikir kalau sekiranya mereka tidak mahu juga menyusun, ertinya kalau tidak mahu mengemukakan cadangan-cadangan yang difikirkan menasabah pada pandangan kita, barangkali tindakan-tindakan yang sewajarnya mungkinlah kita ambil. Beberapa tindakan boleh diambil, misalannya, dengan tidak meletakkan sedikitpun wang-wang Kerajaan di dalam bank-bank yang tidak disusun semula seperti bank-bank yang telah dijadikan bank tempatan.

NYAMUK AEDES

7. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan orang yang didenda atas pembiakan nyamuk aedes dan di negeri manakah yang ramai sekali didenda; dan
- (b) sama ada Kementerian berkenaan telah dapat mewujudkan ubat yang khusus bagi mengubati penyakit demam denggi.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab:

- (a) Bagi tahun ini, sehingga bulan Oktober, sebanyak 7,214 kes di Semenanjung Malaysia telah dikompaunkan di bawah kuatkuasa Akta Pemusnahan Serangga-serangga Pembawa Penyakit 1975, kerana pembiakan nyamuk aedes. Selain dari itu, 5 orang telah didakwa di mahkamah dan 3 daripada mereka telah didapati bersalah. Paling ramai bilangan orang dikompaunkan ialah dalam Wilayah Persekutuan, yang melibatkan 2,079 kes.
- (b) Pada masa ini tidak ada ubat di seluruh dunia yang boleh digunakan khusus untuk merawat demam denggi. Hanya rawatan "supportive" sahaja dapat diberikan seperti untuk demam dan penghilangan darah akibat dari demam ini. Oleh kerana penyakit ini disebabkan oleh beberapa jenis kuman virus, penyelidikan sedang dijalankan di beberapa pusat antarabangsa dengan tujuan untuk menghasilkan satu ubat pelalian yang boleh digunakan. Sehingga ini belum ada terdapat satu ubat yang berkesan.

Oleh hal yang demikian, amatlah penting bagi semua orang mengambil langkah-langkah terhadap penghapusan pembawa-pembawa penyakit ini, iaitu nyamuk aedes, yang membiak di dalam dan di keliling rumah. Langkah-langkah ini harus diteruskan oleh kerana nyamuk ini sentiasa berada di dalam negara dan di rantau ini.

Dato' G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan memberi perakuan bahawa kini nyamuk aedes telah dihapuskan atau ada dalam kontrol seluruh negara?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang Dipertua, sukar bagi saya untuk memberi satu jaminan bahawa nyamuk aedes boleh dihapuskan di dalam negara ini oleh kerana nyamuk ini seperti yang tadi saya katakan ialah endemic di sini dan di rantau ini, bukan sahaja di negara ini, bahkan di negara-negara jiran, tetapi memang kita ada pentadbiran untuk kawalan dan jentera untuk mengawal dengan adanya kerjasama orang ramai.

SEKOLAH SEBELAH PAGI

8. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan persekolahan sebelah pagi sahaja di seluruh negara. Jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil ke arah itu dan berapa lama lagikah cadangan itu akan tercapai.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, adalah benar bahawa Kerajaan bercadang untuk mengadakan persekolahan sebelah pagi sahaja di seluruh negara. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah usaha mempercepatkan proses mendapat tapak-tapak untuk pembinaan sekolah di kawasan-kawasan yang dirancangkan serta pembinaan bilik-bilik darjah tambahan di sekolah-sekolah yang ada.

Walau bagaimanapun, bagi negeri yang sudah mempunyai bangunan sekolah dan bilik-bilik darjah serta kemudahan-kemudahan fizikal yang cukup, Jabatan Pelajaran Negeri itu telah mengadakan persekolahan sidang pagi sahaja.

Sebagai contohnya, semua Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil di Melaka telah mengadakan persekolahan sebelah pagi sahaja. Usaha untuk mengadakan persekolahan satu sidang sahaja ini akan diteruskan secara berperingkat-peringkat di negeri-negeri lain.

Kerajaan masih belum boleh memastikan berapa lama cadangan untuk mengadakan persekolahan sebelah pagi sahaja di seluruh negeri boleh tercapai kerana ia bergantung kepada kemajuan pembinaan bangunan-bangunan tambahan untuk bilik-bilik darjah dan sekolah baru seperti yang dirancangkan.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi, saya rasa Kementerian Pelajaran cuma baru memandang satu solution sahaja iaitu menambah bilik-bilik darjah dan juga membina bangunan-bangunan baru. Sebenarnya, ada satu faktor yang penting terdapat di setengah-setengah kawasan bandar dan luar bandar yang berhampiran di mana sekolah-sekolah ini tidak diisi dengan bilangan murid yang sama rata. Maksudnya, Tuan Yang Dipertua, ada sekolah yang jauh sekitar 3 batu, 6 batu di kawasan bandar dan juga terdapat beberapa kelemahan mutu dan sebagainya di sekolah-sekolah yang disifatkan luar bandar itu, maka kecenderungan ibubapa menumpukan menghantar anaknya walaupun dengan membayar tambang dan meninggalkan sekolah-sekolah walaupun baru dibina, kadang-kadang bilik-bilik darjah banyak yang kosong. Jadi, apakah langkah Kementerian Pelajaran untuk menseimbangkan dan menyamaratakan bilangan pelajar-pelajar ini supaya mereka tidak, katalah, dengan izin, migrate daripada sekolah yang jauh daripada rumahnya bahkan ada sekolah yang hampir

dengan pintu rumah dia tidak mahu pergi. Kalau keadaan ini boleh dapat diatasi dengan berbagai-bagai cara yang akan diselidiki oleh Bahagian Penyelidikan (Research) dan Pembangunan sekolah ini, saya kira lagi lebih cepat kita dapat mengatasi session sebelah pagi pada seluruh negara.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, masalah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita sedar dan ini berlaku bukan di semua sekolah di seluruh negara, tetapi hanya di kawasan-kawasan tertentu macam di Wilayah Persekutuan dan juga di bandar-bandar besar. Keadaan itu berlaku oleh kerana masyarakat umum kita sentiasa (*dengan izin*) brand conscious atau memilih satu-satu sekolah oleh kerana nama sekolah itu adalah popular dan juga pernah kita menghadapi sebelum sekolah dibuka kita dapat juga rayuan-rayuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan termasuk juga Ahli Yang Berhormat Dewan Negara membuat sokongan kepada permohonan ibubapa untuk memilih sekolah-sekolah yang popular itu dan sebab itu kita sentiasa menghadapi masalah begini. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, saya ingat masalah ini tidak menjadi satu masalah yang besar dan di mana yang boleh kita akan membuat susunan untuk memperbaiki keadaan ini.

TERNAKAN—GALAKAN PEKERJA-PEKERJA LADANG

9. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai apa-apa cadangan untuk menggalakkan ternakan di kalangan pekerja-pekerja ladang memandang kepada keinginan mereka dan

kebolehan mereka dalam bidang ini dan sama ada beliau sedar bahawa pengurusan ladang-ladang yang menghalang pekerja-pekerja mereka daripada menternak di ladang-ladang dan ini membazirkan peluang mereka untuk menyumbang kepada usaha negara untuk mencapai keadaan "self-sufficiency" dalam bekalan susu dan daging, serta juga menyusahkan pekerja yang berminat mencari punca pendapatan tambahan melalui ternakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang Dipertua, kumpulan sasaran (target group) untuk semua rancangan ternakan adalah penduduk-penduduk luar bandar dan petani-petani yang berpendapatan rendah. Ini termasuklah juga pekerja-pekerja ladang. Setakat ini penyertaan pekerja-pekerja ladang di dalam ternakan lembu adalah menggalakkan. Galakan memang terus diberikan untuk menambahkan penyertaan, bukan sahaja di dalam bidang ternakan lembu tetapi juga ternakan-ternakan yang lain.

Adalah di antara pengurus ladang-ladang yang tidak gemar pekerja-pekerjanya berternak dan ini adalah dalam bidang kuasa mereka sendiri.

FILEM LUCAH—MENCEGAH KEMASUKAN

10. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah kemasukan filem-filem lucah ke negara ini; dan
- (b) jumlah mereka yang telah ditangkap dan dihukum bersabit dengan kesalahan ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab bahagian (a) Kementerian saya sedang menguatkuasakan sepenuhnya Akta Filem (Penapisan) 1952, Akta Filem (Penapisan) (Disemak) 1971, Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan) 1974, Akta Filem Wayang Gambar (Penapisan) (Pindaan) 1980 untuk mencegah kemasukan filem-filem lucah. Di samping itu tindakan juga diambil untuk mengesan, menangkap dan mendakwa mana-mana pihak yang membawa masuk, mengedar atau menayang filem-filem lucah. Tindakan ini diambil sepanjang masa oleh Kementerian saya. Dalam hubungan ini, sukacitalah saya memohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya memberikan sebarang maklumat kepada Kementerian saya mengenai perkara ini bagi membenteras gejala anti akhlak ini.

Bagi menjawab bahagian (b), dalam tahun-tahun 1981 dan 1982, pihak Kementerian telah mengambil tindakan undang-undang terhadap 22 kes tayangan filem lucah. Dari jumlah ini, 6 kes telah disabitkan kesalahan mereka dan baki 16 kes masih menunggu tarikh perbicaraan.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya tahu bahawa banyak filem-filem lucah itu datangnya daripada balai terbang antarabangsa VIP, saya dengar. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri adakah perkara ini dicegah di situ atau diperiksa betul-betul?

Tuan Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, sebelum saya sentuh soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melaksanakan sesuatu

pemeriksaan yang rapi berhubung dengan filem-filem, video-tape dan juga video disc yang datang daripada luar negeri. Jadi pemeriksaan kita itu dilaksanakan bersama dengan pihak Kastam dan juga Polis pada hari ini. Jadi, kita mengawal bukan sahaja di lapangan terbang, malahan di pelabuhan-pelabuhan dan juga post office serta di stesyen keretapi, umpamanya, Tanjong Pagar, Singapura. Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan yang betul-betul serius dalam masalah ini memandangkan perkara ini jika dibiarkan akan melibatkan sesuatu yang tidak kita ingini. Ini adalah sesuatu yang berkaitan dengan akhlak dan kita sebagai satu bangsa yang bermaruah terpaksa mengawasi soal yang berkaitan dengan akhlak.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya dengar keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada tahun 1981 hingga 1982, 22 kes telah ditangkap dan 6 sahaja telah dapat dihadapkan ke mahkamah dan 16 kes lagi masih menunggu keputusan perbicaraan. Saya hendak bertanya 6 kes yang telah diberi keputusan oleh mahkamah bagaimanakah keputusannya atau hukuman mengikut undang-undang kita apabila seseorang itu telah didapati salah menyebarkan filem lucah ataupun menayangkan filem lucah itu. Bagaimanakah hukumannya adakah dua tahun penjara, tiga tahun penjara atau macam mana?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, kita mengasaskan keputusan-keputusan kita kepada undang-undang yang terdapat pada hari ini. Dari itu kita mematuhi undang-undang Akta Filem Wayang Gambar Penapisan (Pindaan) 1980, Perkara 15A. Jadi, biarlah saya

bacakan dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang Dipertua. (*Dengan izin*):

“Any person who, except in the case where this Act or regulation made thereunder so permits, has in his possession, custody or control any film in respect of which a certificate under Section 9 (2) or 9A (2) has not been issued, shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding \$10,000.”

Jadi, denda yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi \$10,000, Tuan Yang Dipertua.

BIJIH TIMAH—MENINGGIKAN HARGA

11. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan yang diambil oleh Malaysia untuk meniggikan lagi harga pasaran dunia bijih timah berikutan dengan Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa baru-baru ini dan bagaimanakah perjanjian tersebut menekan lombong-lombong bijih timah di negara ini. Apakah rancangan Kementerian untuk membantu pekerja-pekerja lombong yang turut terlibat dalam tindakan Kerajaan menyekat pengeluaran bijih dengan mengurangkan hari bekerja di lombong-lombong bijih timah negara ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, suka saya jelaskan di sini bahawa keadaan kemelesetan ekonomi dunia mempunyai kesan yang muram ke atas harga sebahagian besar bahan-bahan utama, termasuk timah. Usaha untuk meniggikan harga bahan itu di pasaran dunia tidaklah boleh dijalankan oleh Malaysia secara bersendirian dan ianya memerlukan kerjasama di antara negara-negara pengeluar dan juga pengguna. Harga

bahan tersebut tidak dapat dinaikkan sewenang-wenangnya sekiranya permintaan bagi kegunaannya kian berkurangan. Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam memperuntukkan 2 alat bagi maksud menstabilkan harga timah iaitu melalui operasi stok penimbal dan penguasaan kawalan eksport. Buat masa ini kedua-dua alat tersebut telah berkuatkuasa dan hasil operasi ini kita dapati bahawa harga timah di pasaran dunia masih dapat dipertahankan pada paras harga lantai yang ditetapkan oleh Majlis Timah Antarabangsa. Kawalan eksport memanglah merupakan suatu tindakan yang perit bagi perusahaan timah tetapi pengorbanan ini adalah perlu bagi maksud penstabilan harga timah dan menjamin masa depan perusahaan timah. Ini bukanlah merupakan pertama kali kawalan eksport dikenakan ke atas perusahaan timah tetapi bagi tempoh 26 tahun yang lepas kawalan eksport telah dikenakan bagi beberapa tempoh di dalam usaha menstabilkan harga timah dan kejayaan tindakan ini telah terbukti oleh masa. Oleh yang demikian, adalah tidak tepat sekiranya dikatakan dengan mengenakan kawalan eksport Perjanjian Timah Antarabangsa dianggap sebagai menekan ke atas perusahaan bijih timah.

Di samping itu, Malaysia sedang berusaha untuk menubuhkan sebuah Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah yang akan dapat membantu Perjanjian Timah Antarabangsa di dalam menstabilkan harga timah di pasaran dunia antarabangsa. Kerajaan juga sedang menggalakkan penggunaan lebih banyak timah di dalam negeri dan buat masa ini beberapa perusahaan berasaskan timah sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan supaya timah yang dikeluarkan oleh negara ini tidak bergantung sangat harganya kepada pasaran antarabangsa. Berhubung dengan usaha-usaha Kerajaan untuk

membantu para pekerja lombong yang terlibat di dalam kemelesetan perusahaan timah, saya maklumkan bahawa Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tetap bagi maksud ini dan Jawatankuasa ini telahpun mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Kementerian saya buat masa ini sedang menimbang perakuan Jawatankuasa tersebut dan beberapa langkah telahpun dilaksanakan daripada perakuan-perakuan tersebut.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

Dato' Chin Kim Yoong: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 12.

BAHAN-BAHAN UTAMA MALAYSIA—HARGA PASARAN

12. Dato' Chin Kim Yoong (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada memandangkan harga-harga yang buruk bagi barang keperluan asas, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencari pasaran baru sebagai ganti bagi pasaran tradisional untuk barang dagangan ini (misalnya getah, bijih timah, minyak kelapa sawit) dan sama ada beliau boleh mendapat kerjasama dari negeri-negeri yang menghasilkan barang-barang dagangan ini untuk menjamin kestabilan harga barang-barang dagangan ini, jika tidak mengapa?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sentiasa memerhatikan perkembangan harga di pasaran bahan-bahan utama Malaysia seperti getah, bijih timah, minyak kelapa sawit dan lain-lain lebih-lebih lagi pada masa ini, bilamana harga bahan-bahan tersebut berada di paras yang kurang memuaskan akibat kemelesetan ekonomi dunia. Langkah-langkah tertentu, khususnya di bidang pemasaran, seperti berikut

sedang diambil untuk menjamin harga bahan-bahan utama yang munasabah dan berpatutan khususnya bagi pekebun-pekebun kecil:

- (1) Dari segi pemasaran, Kerajaan telah, sedang dan akan mempergiatkan usaha-usaha untuk memperluaskan pasaran bahan-bahan utama Malaysia dengan mengukuhkan pasaran tradisional yang sedia ada dan sentiasa berikhtiar untuk menembusi pasaran-pasaran baru yang berpotensi bagi bahan-bahan utama kita.
- (2) Untuk memudahkan bahan-bahan utama memasuki pasaran-pasaran tradisional dan juga yang baru, Kerajaan sedang mempergiatkan usaha mengadakan perbincangan sama ada di antara dua pihak atau berbagai pihak bagi mengurang atau menghapuskan sama sekali sekatan tarif dan bukan tarif yang dikenakan oleh negara-negara pengguna bahan-bahan utama kita.
- (3) Kita juga sentiasa menghantar misi-misi perdagangan dan pemasaran ke beberapa buah negara terutama negara-negara membangun di Timur Tengah, Afrika, Eropah Timur dan Benua Kecil India.
- (4) Kerajaan juga sentiasa menghantar misi-misi teknikal bagi mengatasi apa-apa masalah dari segi ini yang didapati oleh pengguna-pengguna bahan-bahan utama Malaysia.
- (5) Kerajaan juga menyertai pameran-pameran perdagangan yang diadakan di negara-negara pengguna bahan-bahan utama kita bagi mengekal dan mengukuhkan lagi pasaran bahan-bahan utama kita.

- (6) Untuk mengurangkan penggantungan kepada eksport bahan-bahan utama secara mentah dan untuk mendapat nilai tokok darinya atau value added, Kerajaan kita sedang dan akan menggalakkan supaya bahan-bahan utama kita diproses di dalam negeri dan diekspor dalam bentuk separuh siap atau siap ke negara-negara pengguna.

Hasil daripada usaha-usaha di atas khususnya misi-misi perdagangan, pemasaran dan teknikal, Malaysia telah dapat menembusi beberapa pasaran baru bagi bahan-bahan utama. Kita telah berjaya menjual minyak kelapa sawit, misalnya, ke Mesir, Nigeria (pasaran-pasaran terbaharu) India, Pakistan, Korea dan lain-lain pasaran.

Tuan Yang Dipertua, mengenai kerjasama dengan negara-negara pengeluar bahan-bahan utama, kita sentiasa bergerak ke arah ini bagi bahan-bahan tertentu:

- (a) Bagi Getah Asli, kita telah menubuhkan Persatuan Antarabangsa bagi getah asli yang digelar Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC). Beberapa perkara kepentingan bersama telah dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat ANRPC, terutamanya menyetujui kestabilan pasaran dan harga. Misalnya baru-baru ini melalui Pertubuhan tersebut sektor-sektor industri telah menyekat kemasukan sebanyak lebih kurang 250,000 tonne getah asli ke pasaran untuk menahan kejatuhan harga bahan tersebut.

(b) Bagi timah pula, kita telah mengambil dayausaha untuk menubuhkan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) di kalangan negara-negara Pengeluar utama timah. Antara lain tujuan penubuhan Persatuan ini ialah untuk memelihara kepentingan pengeluar-pengeluar bahan tersebut supaya dapat menjamin pasaran serta harga yang adil dan munasabah kepada pengeluar-pengeluar.

(c) Kita juga menjadi ahli Pertubuhan Lada Antarabangsa iaitu lada sulah yang bertujuan mengawasi harga lada dan bekerjasama dalam menentukan pasaran yang baik.

Jelaslah Tuan Yang Dipertua, bahawa Malaysia sentiasa mempelopori kerjasama di kalangan pengeluar-pengeluar bahan utama bagi menjaga kepentingan bersama di masa ini dan akan datang. Setakat ini kerjasama di kalangan negara-negara tersebut adalah sungguh menggalakkan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

13. Tuan D. P. Vijandaran minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) bilangan sekolah-sekolah rendah aliran Tamil yang telah meminta bantuan bagi membaiki, membaharui dan

membina semula sekolah-sekolah yang berada dalam keadaan uzur;

(b) bilangan sekolah-sekolah Tamil yang Kementerian fikir harus dibaiki, dibaharui atau dibina semula; dan

(c) bilangan sekolah-sekolah yang sedang dibaiki, dibaharui atau dibina semula oleh Kementerian.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat perlu dijelaskan bahawa terdapat dua kategori Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Pertama ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Bantuan Penuh (Milik Kerajaan) dan keduanya ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Bantuan Penuh (Bukan Milik Kerajaan). Sekolah-sekolah dalam kategori pertama diberi peruntukan penuh (100%) bagi membaiki, membaharui ataupun membina bangunan baru sedangkan kategori kedua pula cuma diberi bantuan modal untuk menampung sebahagian daripada kos kerja-kerja yang sama.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya telah mengambil perhatian bahawa sejumlah 95 buah projek untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dalam kategori pertama perlu dilaksanakan. Dari jumlah itu 20 buah projek sudah pun siap dibina, 12 buah projek dalam pembinaan sementara 63 buah projek lagi masih dipertimbangkan dan akan dilaksanakan jika peruntukan mencukupi. Bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dalam kategori kedua sejumlah 278 permohonan diterima di mana 256 daripadanya telah pun diluluskan setakat ini. Projek-projek ini telah dan sedang dilaksanakan.

ASEAN—LANGKAH MENGATASI MASALAH KAMPUCHEA

14. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Luar Negeri menyatakan kemajuan ASEAN dalam membantu membawa bersama ketiga-tiga golongan Kampuchea dalam perjuangan mereka terhadap penduduk berlanjutan oleh negeri-negeri lain dan selain daripada usaha diplomatik oleh negeri-negeri ASEAN, apakah langkah-langkah lain yang sedang dijalankan untuk menjamin bahawa askar-askar pendudukan dari negeri-negeri asing akan menarik diri dari Kampuchea.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tiga golongan rakyat Kampuchea yang menentang penaklukan negara mereka adalah golongan Khmer Rouge yang diketuai oleh Khieu Samphan, golongan Moulinaka yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk dan KPNLF yang diketuai oleh Son Sann. Atas kesedaran bahawa perjuangan untuk membebaskan negara mereka itu adalah merupakan suatu perjuangan yang suci dan serba sukar dan atas kesedaran bahawa perjuangan ini harus dijalankan dengan penuh serius dan bersungguh-sungguh, maka mereka telah pun memutuskan untuk mengenyahkan segala perasaan permusuhan dan persaingan di antara mereka dan bersatu tenaga dengan menubuhkan sebuah kerajaan campuran yang diketuai oleh putera Norodom Sihanouk. Negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia, telahpun memberi beberapa kemudahan dalam pembentukan kerajaan campuran ini. Perlu ditegaskan bahawa pengujudan kerajaan campuran ini adalah hasil kesedaran dan kemahuan golongan-golongan rakyat Kampuchea yang berkenaan sendiri dan tidak ada campurtangan dari negara-negara lain.

Pada masa ini kerajaan campuran ini sedang berjalan lancar dalam memajukan perjuangan mereka.

Negara-negara ASEAN sedang pun berikhtiar dengan berbagai-bagai cara, khususnya di forum-forum antarabangsa; untuk opinion antarabangsa supaya suatu penyelesaian politik yang adil dapat dicari mengenai Kampuchea. Di samping itu kita juga sedang meningkatkan usaha-usaha kita untuk memperingatkan dunia tentang bahaya yang sesebuah negara mencabuli kedaulatan sesebuah negara yang lain. Hasil dari kesedaran ini maka ramai negara-negara dalam dunia ini sekarang sedang pun memberi berbagai-bagai bantuan kepada kerajaan campuran ini dalam usaha mereka membebaskan rakyat dan negara mereka itu.

Di samping itu negara-negara ASEAN dan juga Malaysia sedang pun memberi berbagai-bagai bantuan keperimanasian kepada kerajaan tersebut. Dengan adanya tekanan-tekanan politik, ekonomi dan sebagainya ini, maka kita berharaplah bahawa pada satu hari nanti pihak Vietnam akan menerima hakikat dan menghadapi kenyataan dan bersetuju untuk mengundurkan tenteranya dari Kampuchea di samping bersetuju dalam menyelesaikan soal Kampuchea ini mengikut pengistiharan Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea.

PERDANA MENTERI—UCAPAN DI BANGSA-BANGSA BERSATU

15. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan ucapan Perdana Menteri di Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini dan nyatakan:

(a) reaksi negara-negara Islam terhadap Perdana Menteri kita;

- (b) reaksi Great Britian dan Amerika; dan
- (c) tindakan Kementerian Luar Negeri untuk menyusuli dasar yang diutarakan oleh Perdana Menteri.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri di Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini telah mendapat sambutan yang baik di dalam sidang tersebut kerana ucapan tersebut dianggap tepat pada masanya, terus terang dan membina, khususnya apabila Y.A.B. Perdana Menteri membidas pihak-pihak tertentu yang bertanggungjawab ke atas keadaan politik dan ekonomi dunia yang meruncing hari ini. Y.A.B. Perdana Menteri beharap supaya keselamatan dan keamanan antarabangsa dapat dikembalikan dan ketidakseimbangan ekonomi dunia dapat diperbetulkan.

Negara-negara Islam ternyata menyambut baik dan memuji ucapan Y.A.B. Perdana Menteri itu kerana berani dan berterus terang mengutuk Israel yang menjadi punca utama krisis Asia Barat terutamanya penglibatan Israel di Lubenan. Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri juga dianggap berani oleh kerana kenyataan-kenyataan yang tegas membidas Amerika Syarikat yang bertanggungjawab atas kebuasan tindak-tanduk Israel di Asia Barat. Ahli-ahli Kumpulan 77 (kumpulan negara-negara membangun) telah memuji ucapan Y.A.B. Perdana Menteri yang telah membidas negara-negara maju yang bertanggungjawab ke atas ketidakseimbangan ekonomi dunia hari ini.

Setakat ini Kerajaan Amerika Syarikat dan British tidak menunjukkan sebarang reaksi atau komen terhadap ucapan Y.A.B. Perdana Menteri itu. Walau bagaimanapun, kita percaya Kerajaan

Amerika Syarikat dan British telah mengambil perhatian tentang intisari ucapan Y.A.B. Perdana Menteri itu.

Ucapan Y.A.B. Perdana Menteri sekali lagi telah menegaskan serta menjelaskan dasar-dasar luar negeri Kerajaan Malaysia yang sedia ujud mengenai berbagai masalah dan isu politik serta ekonomi antarabangsa. Di samping itu, ucapan Y.A.B. Perdana Menteri telah juga mengutarakan satu konsep baru untuk mengukuhkan lagi kerjasama antarabangsa seperti yang terdapat dengan adanya Konvensyen Undang-undang Laut—iaitu dengan menjadikan benua Antartika sebagai “Common heritage of mankind” dan tidak dieksploitasikan oleh sebilangan negara-negara sahaja. Kementerian Luar Negeri memang sentiasa berusaha melaksanakan dasar-dasar serta konsep tersebut dan ianya adalah usaha-usaha yang berterusan.

DUTA MALAYSIA—KAWALAN TERHADAP PELAJAR

16. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri diberi kebebasan membenarkan sesiapa sahaja dari warganegara Malaysia mengadakan perjumpaan, memberi syarahan kepada penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Di dalam kebanyakan kes, warganegara-warganegara Malaysia semasa berada di luar negeri tidak meminta kebenaran maupun pertolongan dari Perwakilan kita apabila mereka bercadang untuk mengadakan perjumpaan ataupun memberi syarahan kepada penuntut-penuntut kita di seberang laut.

Salah satu daripada tugas-tugas perwakilan-perwakilan kita di luar negeri secara umumnya ialah menjaga kepentingan warganegara-warganegara Malaysia yang berada di seberang laut. Kerajaan Malaysia melalui perwakilan-perwakilannya tidak menyekat sebarang kegiatan-kegiatan warganegara-warganegara Malaysia di luar negeri selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan pelajar-pelajar yang dibiayai dan dibantu oleh kerajaan. Di samping itu ada kemudahan-kemudahan di seberang laut, seperti dewan, peruntukan kewangan dan sebagainya, tetapi ini boleh digunakan untuk tujuan-tujuan rasmi ataupun untuk tujuan-tujuan yang diluluskan oleh perwakilan-perwakilan tersebut itu sahaja. Walau bagaimanapun Ketua Perwakilan dengan menggunakan kebijaksanaannya adalah berhak meluluskan penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut oleh warganegara-warganegara Malaysia yang berada di seberang laut secara persendirian, sekiranya beliau merasakan perkara tersebut adalah untuk kepentingan negara.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE NEGARA ARAB

17. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) Negara-negara Arab yang dilawati oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini;
- (b) hasil lawatan tersebut dalam bidang ekonomi, pelajaran dan sosial; dan
- (c) sama ada usahawan-usahawan negara-negara yang dilawati bersetuju mengadakan usahasama dengan negara kita.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Dalam lawatannya ke Asia Barat baru-baru ini Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah melawat Republik Arab Mesir dan Jordan.

Lawatan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri ke negara-negara tersebut telah membawa beberapa kejayaan. Dari segi ekonomi, kedua-dua buah negara tersebut telah menyatakan kesediaan menimbangkan cadangan Malaysia mengadakan projek usahasama memproses minyak sawit mentah untuk dijadikan minyak masak khususnya untuk pasaran di Asia Barat. Malaysia juga mencadangkan dibina tangki-tangki pengumpul dan kemudahan-kemudahan penapisan sama ada di Iskandariah, Port Said atau Suez bagi Mesir dan di Pelabuhan Aqaba bagi Jordan.

Dari segi pelajaran, Mesir telah menyatakan kesediannya membantu Malaysia dalam penubuhan Universiti Islam Antarabangsa terutamanya dari segi kakitangan akademik termasuk juga memberi bantuan dari segi pakar-pakar teknikal dalam kerja-kerja membina Universiti tersebut. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri juga telah menyatakan hasrat Malaysia agar Kerajaan Mesir dapat menambahkan tempat-tempat belajar kepada pelajar-pelajar Malaysia dalam bidang-bidang seperti Kejuruteraan, Farmasi, Pergigian dan Perubatan. Mesir bersetuju untuk mengkaji dan menimbangkan permohonan Malaysia itu. Kerajaan Mesir juga bersedia memenuhi harapan Malaysia untuk mendapatkan tenaga pengajar untuk peringkat Institusi Pengajian Tinggi dalam bidang "Tamaddun Islam" dan lain-lain mata pelajaran dan peringkat sekolah menengah tinggi bagi mata pelajaran Bahasa Arab.

Malaysia juga telah mencadangkan supaya ditubuhkan "Pusat Pengajian Asia Tenggara" di Mesir dan

menyatakan kesediaan bagi menyumbangkan bantuan kewangan dan lain-lain keperluan. Kerajaan Mesir bersetuju dengan cadangan Malaysia. Malaysia juga bersedia memperuntukkan biasiswa bagi seorang pelajar Mesir untuk membuat "post-graduate study" dan "penyelidikan" mengenai sejarah perhubungan Mesir-Malaysia. Kerajaan Jordan juga bersedia memberi bantuan dalam kemampuannya dan sebagai langkah permulaan akan menghantar rombongan negaranya ke Malaysia untuk mengkaji bentuk-bentuk yang sesuai dan yang diperlukan oleh Malaysia.

Dari segi sosial, kedua-dua buah negara; Mesir dan Jordan sentiasa mengalu-alukan pertukaran lawatan antara Malaysia dan kedua negara tersebut.

Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah tidak dapat menemui usahawan-usahawan negara Mesir tetapi beliau sempat mengadakan pertemuan dengan Menteri Pelaburannya dan perbincangan-perbincangan mengenai projek-projek ekonomi telah dibuat melalui sebagai mewakili usahawan-usahawan negara tersebut.

Di Jordan, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri berkesempatan menemui usahawan-usahawan negara tersebut dan mengadakan perbincangan secara langsung dengan mereka. Malahan satu rombongan usahawan-usahawan tersebut dijangka akan melawat Malaysia dengan diketuai oleh Speaker Majlis Kebangsaan Jordan dengan disertai oleh anggota-anggota Majlis Kebangsaan Jordan untuk mengkaji cadangan-cadangan yang telah dibincangkan dalam perjumpaan-perjumpaan tersebut.

RUMAH BATU YANG TERBENAM AKIBAT KECUAIAN

18. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa terdapat rumah-rumah batu yang sedang dibina di negara ini dengan tiba-tiba terbenam ke dalam tanah dan ada pula yang condong seperti yang berlaku pada 26hb April, 1982 kepada sebuah bangunan lima tingkat yang hampir siap dibina di Jalan Petani, Pulau Pinang, terbenam dua tingkat ke dalam tanah dan kepada bangunan flet setinggi 16 tingkat di Pulau Pinang, telah condong ketika hampir siap dibina; dan
- (b) pihak manakah yang akan bertanggungjawab sekiranya berlaku keruntuhan yang mengakibatkan kehilangan jiwa dan kerosakan harta-benda penghuni-penghuninya memandangkan banyak flet-flet didapati retak dan pecah sekarang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Saya sedar.

Soalan yang kedua dari Ahli Yang Berhormat adalah terlalu umum bagi menentukan siapakah yang bertanggungjawab. Pihak berkuasa yang berkenaan terpaksa meneliti surat-surat perjanjian dan peraturan-peraturan undang-undang yang ada. Pihak berkuasa tempatan umpamanya adalah diberi kuasa di bawah Seksyen 71 Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 bagi menentukan siapakah yang bertanggungjawab di atas keruntuhan sesuatu bangunan; dan juga diberi kuasa untuk mendenda melalui tindakan mahkamah pihak yang

bertanggungjawab sehingga sebanyak \$50,000 atau penjara tidak lebih dari 10 tahun atau kedua-dua sekali.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Disember, 1982).

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dalam Rang Undang-undang ini, saya suka beritahu ada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap pada hari ini. Jadi, ada satu cara sahaja yang dapat mengatasi masalah ini, mudah-mudahan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian berucap dalam Dewan ini. Sekiranya dapat Ahli-ahli Yang Berhormat pada tiap-tiap orang hendak berucap dalam masa 20 minit sahaja, tolonglah dapat kerjasama ini supaya dapat memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Anggaran cukup 20 minit tidak payahlah saya tegur lagi, baiklah saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain untuk berucap. Maka dengan ini saya jemput Yang Berhormat Tuan H'ng Hung Yong.

3.38 *ptg.*

Tuan H'ng Hung Yong: Tuan Yang Dipertua, kelmarin saya telah buat satu cadangan kepada Kerajaan iaitu di mana dan apabila mungkin Kerajaan hendaklah mendapatkan penglibatan orang ramai dalam merumuskan dasar untuk orang ramai.

Tuan Yang Dipertua, untuk membolehkan masalah-masalah membincangkan dengan lebih bijaksana, saya juga ingin menyeru Kerajaan Pusat supaya menyiarkan kertas-kertas putih dan kertas-kertas hijau apabila patut untuk menunjukkan pemikiran Kerajaan mengenai isu-isu khusus dan untuk memperluasa komen daripada orang ramai, ini akan membantu menjadi usaha membuat keputusan satu proses yang lebih bijaksana dan rasional.

Tuan Yang Dipertua, cadangan saya yang keempat ialah mengenai penglibatan pegawai-pegawai Kerajaan dalam pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar satu daripada objektif utama Kerajaan kita ialah mempertingkatkan taraf, berdikari di kalangan rakyat dan menggalakkan penglibatan mereka dalam kehidupan kebangsaan. Tetapi apa yang kita lihat sekarang adalah sebaliknya, dalam banyak pertubuhan sosial Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri berkhidmat sama ada sebagai Presiden, Pengerusi ataupun Penasihat, lihatlah sahaja kepada Pertubuhan Sukan Kebangsaan kita dan kita akan dapat lihat apa yang saya maksudkan. Kita boleh kira berapa ramai Menteri, Timbalan Menteri dan bekas Menteri yang memegang jawatan dalam badan-badan ini, terdapat juga phenomena seumpama ini di bidang-bidang lain, Tuan Yang Dipertua. Sekarang pun kita terdapat juga Jeneral-jeneral tentera kita, pegawai-pegawai kanan Polis termasuk Ketua Polis Negara dan juga Hakim-hakim yang terlibat dalam syndrome ini. Ada di antara mereka, saya berani katakan membuat kerja lebih ini semata-mata untuk masyarakat, akan tetapi banyak juga yang melakukannya kerana mereka gemar mendapat perhatian.

Saya rasa inilah masanya Tuan Yang Dipertua, bagi Perdana Menteri kita memberikan pandangan baru kepada phenomena ini untuk dua sebab yang baik.

Pertanyaan ialah sebab yang mudah dan nyata adalah kerana Menteri-menteri hendaklah memberikan lebih masa menguruskan Kementerian-kementerian mereka, Jeneral-jeneral dan pegawai-pegawai Polis pula hendaklah menghabiskan lebih banyak masa memikirkan mengenai semangat kakitangan mereka. Mengenai mutu makanan yang mereka makan dan mengenai disiplin dalam Angkatan Tentera. Sementara para hakim pula akan mendapati adalah lebih wajar dan sesuai dengan kedudukan mereka jika mereka tidak mendedahkan diri mereka kepada kritik-kritik orang ramai hasil daripada keputusan-keputusan yang perlu mereka buat bukan di dalam mahkamah, tetapi di padang permainan.

Sebab kedua yang ingin saya berikan ialah bahawa selagi kita tidak menghentikan trend ini kita akhirnya akan menggalakkan satu syndrome mengharapakan orang lain di mana kebanyakan pertubuhan sukan dan sosial akan merasa bahawa mereka tidak boleh mendapatkan apa-apa jika mereka tidak mempunyai seorang V.I.P. untuk mengetuai jawatankuasa mereka. Kemudahan-kemudahan juga tidak akan diberikan kepada mereka, kebenaran-kebenaran akan mengambil masa lama dan wang simpanan pun akan kehabisan jika tidak ada Dato atau Tan Sri yang berikan kepercayaan. Ini semua bercanggah dengan hasrat kita untuk menggalakkan sifat berdikari, ini juga memamatkan usaha kita untuk membina demokrasi penyertaan (participative democracy) yang akan melibatkan rakyat jelata dalam hal-hal umum.

Tuan Yang Dipertua, baiklah kita pulangkan demokrasi kepada orang ramai dan biarlah mereka mengendalikan urusan mereka. Anggota-anggota Kerajaan yang memegang jawatan-jawatan ini seharusnya meletakkan jawatan. Jika ini boleh menyebabkan perpecahan, mereka sekurang-kurangnya hendaklah mengumumkan bahawa mereka tidak mahu dicalonkan di mesyuarat agong yang akan datang.

Berhubung dengan pertubuhan-pertubuhan sukan, kita mempunyai sebuah Kementerian Sukan untuk mengawal kegunaan wang Kerajaan dan untuk menetapkan panduan bagi pencalonan badan-badan sukarela sukan. Pertubuhan-pertubuhan ini seharusnya berjalan tanpa campurtangan daripada mereka yang memegang jawatan Kerajaan ini.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menyentuh dasar luar negeri kita. Saya ingin menyatakan persetujuan saya atas pendirian yang diambil oleh Kerajaan mengenai isu-isu Kampuchea dan Afghanistan. Suka juga saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mengambil inisiatif untuk mengaturkan pertemuan bagi ketiga puak kebangsaan khmer di Kuala Lumpur untuk membentuk satu Kerajaan Campuran. Ini merupakan satu kejayaan besar dalam diplomasi antarabangsa dan ini sekali lagi menunjukkan sikap tanggungjawab negara ini untuk mendapatkan kedamaian, kebebasan dan pengecualian di rantau ini. Bagaimanapun, saya rasa hairan dengan pendirian Kerajaan India mengenai Kerajaan Campuran ini dan saya menyeru Kerajaan supaya jangan teragak-agak berusaha menyakinkan sahabat India kita bahawa mereka hendaklah menyokong kedudukan ASEAN mengenai Kampuchea.

Tuan Yang Dipertua, beberapa bulan kebelakangan ini dunia telah menyaksikan pergolakan yang berterusan di Timur Tengah. Sekali lagi Israel telah melakukan pencerobohan yang nyata, bukan sahaja terhadap rakyat Palestine tetapi juga terhadap rakyat Lubnan. Atas nama keamanan, mereka telah membunuh kaum wanita dan kanak-kanak dengan kejamnya dan dalam mempertahankan kebebasan mereka telah menguasai rakyat negara lain, tetapi janganlah kita lupa bahawa tidak ada peluru Israel boleh ditembak dan tidak ada kereta kebal Israel dapat merempuh sempadan jika tidak kerana sokongan-sokongan moral, kewangan dan politik Amerika Syarikat. Selagi sokongan itu berterusan tidak terdapat penyelesaian bagi masalah Timur Tengah. Kita haruslah mendedahkan kedudukan sebenar dasar Amerika Syarikat dalam hubungan ini dan terus memberikan sokongan sepenuhnya kepada rakyat Palestine supaya satu hari kelak mereka juga akan mempunyai tanahair sendiri.

Mengenai ASEAN pula, saya ingin menyentuh mengenai hubungan kita dengan Negeri Thai. Perdana Menteri kita baru sahaja pulang dari lawatan singkat ke Bangkok dan semua laporan membayangkan bahawa lawatan tersebut berjaya sekali. Terdapat ura-ura bahawa hubungan rapat kita dengan jiran tetangga kita yang paling rapat telah menjadi dingin berikutan satu kenyataan oleh Timbalan Perdana Menteri kita pada bulan Ogos tahun ini yang agak kritis kepada kemajuan yang telah dicapai untuk bersama-sama memerangi pengganas-pengganas komunis di sempadan. Terdapat juga kenyataan-kenyataan yang membayangkan bahawa ada unsur-unsur dalam Kerajaan Thai yang tidak mengenal dengan jelas dasar kita terhadap gerakan pemisahan di sempadan. Dengan ini saya mengalu-alukan

penjelasan mengenai hal-hal ini serta pengesahan bahawa kedudukan perhubungan kita dengan Bangkok tidak pernah lebih baik.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh mengenai agama Islam dan peranannya di negeri ini. Adalah menjadi pengetahuan orang ramai bahawa walaupun Islam adalah agama rasmi tetapi negara kita adalah sebuah negara secular. Apa yang mungkin lebih tepat sekarang ini adalah supaya kita menyedari bahawa Islam juga adalah agama bagi sebahagian besar penduduk negara ini. Untuk tujuan ini sahaja adalah menjadi satu hasrat dan keperluan bagi mereka yang bukan beragama Islam supaya berusaha memahami Islam serta latar belakang kebudayaan dan falsafah masyarakatnya. Adalah mengecewakan dalam masa penduduk-penduduk bukan Islam semakin menyedari mengenai Islam, mereka berbuat demikian dengan belatar belakangkan keganasan dan revolusi di negara-negara seperti Iran. Tidak hairanlah jika ramai penduduk bukan Islam berwaspada dan mencurigai apabila persoalan Islam dibincangkan kerana mereka mungkin mengaitkannya dengan keganasan, keterlaluan dan sikap "demagogue". Sepertimana yang telah saya katakan ini amatlah dikesalkan kerana Islam yang sebenarnya tidak mengajar keganasan dan pemerintahan kuku besi. Islam yang sebenarnya menggalakkan moderasi dan persaudaraan. Islam yang sebenarnya tidak memaksa orang-orang bukan Islam menjadi Islam.

Masalah sekarang ini adalah siapakah Muslimin yang tulen dan siapa yang bukan. Dari apa yang kita baca dalam akhbar-akhbar, Tuan Yang Dipertua, orang Islam sendiri pun keliru apa lagi mereka yang bukan Islam. Perkara yang perlu ditekankan berkali-kali ialah bahawa agama adalah satu isu yang amat sensitif dan

tokoh-tokoh politik hendaklah mendiamkan diri jika mereka tidak mempunyai apa-apa yang masuk akal untuk diperkatakan. Ini adalah satu masyarakat berbilang bangsa dan tidak ada agama yang boleh diamalkan dengan pengesahan tanpa mempertimbangkan kehadiran agama-agama lain serta cara hidup lain yang wujud bersamanya.

Apa yang boleh kita lakukan ialah mendidik diri kita dan anak-anak kita supaya orang-orang Islam dapat memahami orang-orang bukan Islam dan sebaliknya. Ini seharusnya menjadi objektif kita.

3.51 ptg.

Dato' Chin Kim Yoong: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang di dalam perbahasan untuk meluluskan Belanjawan bagi tahun 1983.

Menyentuh tentang peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya ingin merayu kepada pihak yang tertentu supaya kajian-kajian dan usaha jangka panjang dibuat untuk menyelaraskan pelan-pelan induk di setiap pekan dan bandar di seluruh negara yang akan mengambil kira peluang-peluang bagi bumiputera khususnya dan bukan bumiputera amnya untuk mengambil bahagian yang lebih di dalam pembangunan bandar.

Di sini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pakar perunding yang telah berjaya mempamirkan Pelan Induk Kuala Lumpur dengan membuka kawasan perdagangan bebas dan kawasan "commercial zones". Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi teguran di sini bahawa kebanyakan perancangan-perancangan yang ada sekarang khususnya di bandar-bandar dan pekan-pekan di seluruh negara di mana

didapati kawasan-kawasan perumahan atau lebih tepat lagi kawasan "low density area" di mana sesebuah rumah banglo diberi kawasan yang luas dan lebar di antara $\frac{1}{2}$ hingga $1\frac{1}{2}$ ekar, adalah pelan-pelan yang dibuat semasa zaman penjajah dahulu iaitu pelan-pelan yang dibuat ratusan tahun dahulu. Memandangkan begitu pesatnya pembangunan di negara kita sekarang dan sukar bagi pihak tertentu untuk mencari dan mengzonkan tanah bagi kawasan perumahan, saya berpendapat bahawa keadaan ini tidak sesuai lagi memandangkan bahawa harga tanah begitu mahal terutama sekali di kawasan pekan dan bandar.

Saya cadangkan supaya pihak-pihak Perancang Bandar hendaklah meminda syarat-syarat kawasan "low density" ini kepada kadar yang lebih praktikal iaitu seperti kadar-kadar yang didapati di kawasan-kawasan perumahan di Bangsar, di Bukit Damansara, Damansara Utama dan di Taman Tun Dr Ismail.

Tuan Yang Dipertua, pembangunan sesebuah bandar adalah bergantung kepada pembangunan perdagangannya, khususnya Kawasan Perdagangan Bebas. Oleh yang demikian saya mencadangkan tiap-tiap Majlis Perbandaran mesti mempunyai satu rancangan induk untuk jangka masa 10 tahun ke hadapan supaya ia dapat diselaraskan dengan Rancangan Malaysia tiap-tiap 5 tahun sepenggal kerana hanya dengan mempunyai rancangan yang lengkap dan rapi barulah dapat sesebuah bandar membangun dengan tidak diganggu oleh masalah kekurangan tanah, masalah tapak-tapak kediaman biasa dan harga tanah yang melambung dan pihak berkenaan patutlah berikhtiar seboleh-bolehnya menukar daripada tapak kediaman biasa kepada "free-standing commercial zone" sebagai membuka kawasan baru untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang Dipertua, saya suka membawa satu contoh untuk menyokong cadangan saya iaitu tiap-tiap Majlis patut membuat rancangan induk untuk jangka masa 10 tahun ke hadapan. Lapangan Terbang Antarabangsa Subang apabila ia dibina dahulu banyak orang yang mengatakan ia adalah terlampau besar dan pihak Kerajaan telah membazir. Tetapi pada hari ini kita telah mendapati bahawa Lapangan Terbang tersebut telah tidak mencukupi untuk kegunaan penerbangan yang semakin meningkat itu. Nasib baik pihak Kerajaan kita mempunyai tinjauan jangka masa panjang semasa membina Lapangan Terbang tersebut. Dengan jasa baik itu baru dapat kita memperluaskannya pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, dengan rancangan pembangunan luar bandar maka hasil-hasil tempatan nescaya bertambah dengan pesatnya dan ke semuanya akan ditumpukan kepada pekan dan bandar dan penduduk-penduduk desa akan berhijrah ke bandar. Maka adalah tugas Majlis Perbandaran untuk menyediakan peluang dan kawasan perdagangan bebas untuk menerima pembangunan baru itu.

Tuan Yang Dipertua, saya suka mencadangkan supaya "plot ratio" yang dikemukakan oleh pihak penjajah ratusan tahun dahulu kepada pekan dan bandar dikaji semula supaya ia sesuai dengan keadaan negara kita hari ini. Undang-undang yang bersabit dengan pembangunan dan perumahan di negara kita juga patut diseragamkan dan segala proses patut dikhasakan dan dimudahkan supaya pembangunan pekan dan bandar itu dapat dilaksanakan dengan licin dan teratur.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh sedikit lagi saya juga ingin menegur tentang keadaan skim perkhidmatan kakitangan di dalam Majlis

Perbandaran. Memandangkan Majlis Perbandaran yang begitu banyak di seluruh negara, kakitangan di Majlis-majlis ini telah berkhidmat dengan begitu lama tanpa mendapat kenaikan pangkat dan peluang untuk latihan yang sewajarnya. Di tiap-tiap Majlis Perbandaran di seluruh negara tugas mereka ini semakin hari bertambah berat dan saya ingin mengesyorkan supaya satu kajian dibuat di mana Majlis Perbandaran di seluruh negara ini disatukan di bawah pimpinan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu kakitangan di dalam satu-satu bandar itu boleh diberi peluang kenaikan pangkat dan diberi latihan untuk mendapat lebih pengalaman di Majlis Perbandaran yang besar seperti di Kuala Lumpur dengan tujuan dan harapan bahawa mereka ini diberi kenaikan pangkat supaya apabila mereka diberi peluang untuk bertugas di tempat asal mereka akan dapat mempraktikkan rancangan-rancangan yang lebih dinamis dan praktikal.

Tuan Yang Dipertua, dalam perkara pengangkutan iaitu Lebuhraya Timur-Barat, saya ingin memuji pihak yang berkenaan kerana telah membuka satu kawasan yang dahulunya hutan, sekarang sudah dibuka untuk lalu-lintas.

(Tuan Yang Dipertua, *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Saya ingin memberi pandangan kepada pihak yang berkenaan supaya terus memperbaiki lebuhraya ini dengan cara mengadakan infrastruktur-infrastruktur untuk memberi kemudahan-kemudahan supaya rakyat diberi peluang dan galakan untuk tinggal dan membangunkan kawasan-kawasan di sepanjang lebuhraya.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak tentera dan polis dan juga kepada pihak-pihak

yang lain seperti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk mengadakan beberapa projek di sepanjang sekitar lebuh raya ini supaya lebih ramai rakyat menggunakan lebuh raya ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan supaya lebuh raya Timur/Barat dilengkapi dengan kemudahan seperti bengkel-bengkel (worksops) bagi memperbaiki kereta-kereta rosak dan kemudahan gerai-gerai di sepanjang jalan ini.

Akhir sekali saya merayu kepada pihak berkenaan untuk memberi galakan terutama sekali kepada kaum bumiputera untuk membuka tanah di kawasan lebuh raya. Saya lebih suka jika pihak berkenaan dapat memberikan subsidi kepada rancangan-rancangan yang didapati di sepanjang dan di sekitar kawasan lebuh raya ini.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Basharon bin Hanapiah.

4.02 ptg.

Tuan Basharon bin Hanapiah: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Tan Sri memberi peluang kepada saya untuk turun bersama-sama mengambil bahagian untuk membahaskan Belanjawan Negara bagi tahun 1983 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan negara kita pada 15-12-82 yang berjumlah sebanyak \$28,749 juta untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi negara kita.

Tuan Yang Dipertua, izinkanlah saya mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk

mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri negara kita di atas keberanian dan ketegasan Kerajaan pimpinan beliau untuk menaikkan cukai di atas beberapa barang-barang yang tertentu. Kenaikan duty import ke atas beer dan minuman keras dan duti eksais ke atas beer dan stout yang dibuat dalam negeri serta kenaikan duti import dan eksais ke atas tembakau telah mendapat pujian dan sanjungan tinggi bukan sahaja dari seluruh umat Islam tetapi juga mendapat sokongan dari kaum-kaum lain dalam negara kita. Dengan kenaikan duti import dan eksais ke atas minuman keras itu, ini adalah bukti Kerajaan di bawah pimpinan "1M" iaitu Kerajaan Mahathir sedang beransur-ansur untuk melaksanakan undang-undang Islam di dalam negara ini dengan menaikkan cukai ke atas barang-barang yang ditegah oleh Islam yang menjadi agama rasmi negara kita Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, Jabatan Perdana Menteri, iaitu Maksud B. 7, telah diperuntukkan wang sebanyak \$257,506,400. Di antara peruntukan tersebut wang sebanyak \$5,214,900 adalah diperuntukkan pada pentadbiran Agama Islam yang menjadi agama rasmi negara Malaysia ini.

Tuan Yang Dipertua, negara kita telah mencapai kemerdekaan sudah lebih daripada suku abad tetapi malangnya pentadbiran Agama Islam yang menjadi agama rasmi negara kita ini tidak boleh diselaraskan lagi sehingga ke hari ini di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Kedah misalnya dengan pentadbiran dan undang-undangnya sendiri tidak sama dengan pentadbiran dan undang-undang Islam di negeri Johor misalnya. Maka begitulah di negeri-negeri lain dalam negara kita. Ini adalah amat menyedih dan

memalukan seluruh umat Islam di negara ini, seolah-olah pemimpin-pemimpin agama Islam di negara kita tidak mahu bertolak ansur dan bekerjasama serta tidak bersefahaman di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Maka dengan sebab itulah kita dapat melihat sendiri ada negeri di dalam negara kita sendiri di Malaysia ini yang Hari Rayanya lebih awal dari negeri yang lain. Kejadian seperti ini amat memalukan kita kepada umat Islam di negara-negara luar kerana negara-negara mereka tidak biasa berlaku dengan apa yang berlaku dalam negara kita. Pada hal di negara kita ini kita mempunyai Majlis Raja-raja dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menentukan perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan agama. Oleh itu, izinkanlah saya mencadangkan supaya Kerajaan menubuh sebuah Majlis Agama Islam yang anggotanya terdiri daripada wakil tiap-tiap negeri yang diketuai oleh seorang Menteri Pusat untuk memberi panduan dan nasihat kepada Kerajaan ke arah menyatu dan menyelaraskan pentadbiran dan undang-undang Islam dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam iaitu Maksud B. 62, telah diberi peruntukan wang sebanyak \$216,895,900. Kementerian ini di antara lain adalah juga dipertanggungjawabkan untuk melatih pemborong-pemborong bumiputera supaya setaraf dengan pemborong-pemborong bukan bumiputera yang ada dalam negara kita ini. Bersabit dengan perkara ini saya menyokong penuh kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato Musa Hitam di waktu beliau merasmikan pembukaan Mesyuarat Agong Persatuan Pemborong-pemborong Pembinaan Bumiputera Malaysia pada 21-11-82 bertempat di Balai Daya, Pusat Daya

Keluaran Negara, Petaling Jaya, Selangor yang mengatakan Kerajaan akan mengambil tindakan dan langkah-langkah yang tegas dan berkesan terhadap pemborong-pemborong bumiputera yang telah mengalibabakan kerja-kerja mereka. Tetapi sebelum tindakan diambil Kerajaan hendaklah sedar tindakan tegas dan berkesan itu tidak akan berkesan jika tindakan itu hanya diambil terhadap pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Jabatan Kerjaraya sahaja. Pada hal masih banyak lagi bumiputera yang telah mengalibabakan kerja-kerja mereka seperti di Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Telekom dan lain-lain Jabatan lagi. Untuk menghapuskan Alibaba-alibaba ini saya mencadangkan supaya Unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam hendaklah diperkemas dan diperkuatkan lagi dengan menambah pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlatih kerana selama ini unit yang tertentu telah banyak menabur jasanya kepada pemborong-pemborong bumiputera yang tulin, kerana semenjak unit yang tersebut ditubuhkan sehingga ke hari ini sudah banyak pemborong-pemborong bumiputera yang menjadi raja ataupun bapak Alibaba telah ditarik balik pengiktirafan sebagai pemborong bumiputera oleh unit tersebut.

Tuan Yang Dipertua, untuk memudah dan menyenangkan lagi unit ini mengetahui siapakah pemborong-pemborong bumiputera yang telah menjadi Alibaba itu, saya harap dan meminta Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya unit itu bekerjasama yang lebih erat lagi dengan persatuan pemborong-pemborong bumiputera di peringkat pusat dan di peringkat negeri kerana persatuan ini lebih mengetahui pemborong-pemborong yang telah menjadi Alibaba yang sebenarnya.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Perusahaan Awam, iaitu Maksud B. 34, telah diberi peruntukan sebanyak \$254,410,500. Kementerian ini di antara lain adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan permit-permit lori, bas ekspres, bas persiaran dan banyak lagi. Tetapi adakah pihak Kementerian ini sedar lebih daripada 85% dari bumiputera-bumiputera yang telah diberi permit lori dan bas persiaran telah mengalibabkan permit-permit tersebut dengan bayaran bulanan di antara \$100-\$1,200.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga kepada bumiputera yang telah mendapat peruntukan AP (Approved Permit) dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membawa masuk kereta-kereta yang telah terpakai daripada luar negeri dan telah menjual AP-AP tersebut dengan harga bagi satu unit di antara \$500 hingga \$1,000.

Tuan Yang Dipertua, untuk membenteraskan bumiputera-bumiputera seperti yang saya sebutkan itu Kerajaan hendaklah menubuhkan satu badan khas di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk bertindak dan mengawasi bumiputera-bumiputera ini yang mana sekarang ini mereka bebas melakukan apa sahaja kerana tidak ada satu badan khas memerhatikan tingkah dan tindak-tanduk mereka itu.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang saya katakan di awal tadi negara kita sudah mencapai kemerdekaan lebih daripada 25 tahun, dalam masa yang tersebut sudah banyak perubahan-perubahan yang telah berlaku di dalam negara kita. Perubahan-perubahan ini boleh kita lihat dengan mata kita sendiri dengan tidak payah disebutkan satu persatu. Tetapi soal melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan kita di papan-papan tanda perniagaan dan di iklan-iklan adalah amat memalu dan amat mendukacitakan terutamanya kepada

pelawat-pelawat dari luar negeri yang datang ke negara kita ini yang telah mengangap dan menyamakan Bandaraya Pulau Pinang dan beberapa bandar lagi dalam negara kita ini dengan bandaraya-bandaraya di negeri China ataupun Taiwan.

Tuan Yang Dipertua, perbandingan yang dibuat oleh pelawat-pelawat ini bukan kerana Bandaraya Pulau Pinang dan beberapa buah bandar lagi begitu cantik dan bersih tetapi perbandingan itu dibuat kerana bahasa yang digunakan di papan tanda perniagaan dan di iklan di bandar-bandar yang saya sebutkan itu adalah sama dengan bahasa yang digunakan di bandar-bandar di negeri China dan Taiwan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dimanakah letaknya dan nilai Bahasa Kebangsaan negara kita yang kita banggakan itu? Oleh itu, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan tegas yang lebih berkesan lagi untuk mendaulatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan kita di papan-papan tanda perniagaan dan di iklan dengan secara lebih berkesan lagi.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap dan percaya Kerajaan di bawah pimpinan 1M dengan dibantu oleh Yang Berhormat Dato' Musa Hitam janganlah lagi bertolak ansur di dalam penggunaan dan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan kita. Kerana selama ini kita sudah banyak bertolak ansur sehingga ada di antara rakyat di dalam negara kita sendiri yang telah bersikap kasar dan sombong kepada bumiputera yang mewarisi negara ini dan pemimpin-pemimpinnya.

Tuan Yang Dipertua, sebagai seorang rakyat yang taat dan setia kepada negara ini saya berharap perubahan menggunakan Bahasa Kebangsaan kita di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi akan dapat

dilaksanakan dengan segera oleh mereka itu yang mana sehingga ke hari ini masih mempermainkan-mainkan Bahasa Kebangsaan negara kita tanpa menunggu ataupun menanti arahan dari Kerajaan untuk membuktikan taat setia mereka kepada negara ini. Jika tidak, mereka itu bolehlah kita anggap sebagai pengkhianat dan penderhaka yang tidak boleh dimaafkan lagi, mereka ini adalah rakyat yang tidak taat dan setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan negara Malaysia yang kita cintai ini.

Tuan Yang Dipertua, di dalam belanjawan negara kita tahun 1983 yang akan datang ini, Kerajaan telah memperuntukkan wang yang banyak. Di antara peruntukan yang tersebut ialah untuk memberi bantuan untuk membaiki atau mendirikan masjid-masjid, surau-surau, rumah-rumah ibadat dan jalan-jalan ke kampung-kampung di seluruh negara. Oleh itu, saya suka mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kerajaan di atas baik hati dan kemurahan Kerajaan itu.

Tuan Yang Dipertua, kemurahan dan baik hati Kerajaan kita hari ini boleh dikatakan telah keterlaluan sangat. Bantuan-bantuan bukan hanya diberi untuk membaiki atau mendirikan masjid-masjid, surau-surau, rumah-rumah ibadat dan jalan-jalan ke kampung sahaja seperti yang saya katakan tadi, akan tetapi bantuan juga telah diberikan oleh Kerajaan untuk membelikan tikar, jam, kipas angin, kerusi, meja, khemah dan pinggan mangkok. Bantuan serupa ini adalah membazirkan wang rakyat semata-mata dan bukan boleh menguntungkan rakyat, dalam jangka masa yang panjang rakyat boleh menjadi bodoh, pemalas dan tidak tahu lagi hendak berikhtiar sendiri untuk mendapatkan sesuatu hanya

berharap dan bergantung kepada Kerajaan semata-mata.

Oleh itu, Kerajaan hendaklah mengkaji semula dasar bantuan ini supaya bantuan hanya diberi kepada perkara-perkara yang mustahak dan perlu sahaja, yang lain-lain serahlah kepada rakyat sendiri untuk berikhtiar. Sebagai sumbangan dari rakyat kepada negara mereka sendiri maka dengan cara ini barulah timbul kesedaran dan rasa tanggungjawab rakyat terhadap negara akan bertambah kuat kerana rakyat juga turut bersama-sama berbakti kepada negara mereka sendiri.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran telah diberi peruntukan sebanyak \$869,896,000 untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1983 yang akan datang ini. Peruntukan yang tersebut di antara lain ialah untuk mendirikan sekolah-sekolah baru di seluruh negara kita untuk memberi tempat belajar yang lebih selesa dan teratur kepada pelajar-pelajar kita kerana Kerajaan sedar tanpa pelajaran yang cukup sesebuah negara itu tidak akan maju dan berjaya.

Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan mulai tahun 1983 yang akan datang ini Kerajaan tidak lagi bercadang membina bangunan-bangunan sekolah baru dengan cara tender sepertimana yang dilakukan pada masa sekarang ini tetapi Kerajaan bercadang kerja-kerja untuk mendirikan semua sekolah-sekolah baru di sesebuah negeri hanya diberikan kepada satu kontraktor sahaja untuk melaksanakannya. Sekiranya apa yang saya katakan ini benar maka Kerajaan telah tersimpang jauh ataupun telah menyeleweng dari dasarnya untuk memberi peluang kepada pemborong-pemborong bumiputera sepertimana yang selalu dilayangkan kepada pemimpin-pemimpin negara kita. Dengan dasar atau rancangan

Kerajaan untuk membina dan mendirikan bangunan-bangunan sekolah baru bagi sesebuah negeri itu hanya diberikan kepada satu kontraktor sahaja diteruskan juga maka berertilah Kerajaan dengan cara tidak langsung menyuruh atau meminta pemborong-pemborong bumiputera menggulung tikar dari sekarang ini. Oleh itu, saya atas nama seluruh pemborong-pemborong bumiputera dalam negara Malaysia ini merayu dan meminta supaya Kerajaan menghentikan dasar atau niatnya itu dan kekalkan dasar ataupun cara yang lama juga.

Tuan Yang Dipertua, izinkanlah saya menyentuh sedikit Kementerian Pertanian, B. 20 yang telah diberi peruntukan sebanyak \$28,742,300 untuk belanja mengurus dan P. 20 yang telah diberi peruntukan sebanyak \$531,804,280 untuk perbelanjaan pembangunan. Di antara peruntukan-peruntukan yang tersebut ialah untuk mengimport lembu-lembu dari luar negeri untuk diberi kepada petani-petani di seluruh negara untuk dipelihara secara pawah selama tiga tahun. Saya telah diberitahu kebanyakan daripada lembu-lembu yang telah diimport di masa yang lalu telah mati kerana tidak sesuai dengan cuaca dan iklim negara kita dan yang masih pula tidak mahu beranak sepertimana yang diharap-harapkan walaupun berbagai ikhtiar telah dibuat oleh Jabatan Haiwan bagi tiap-tiap negeri tetapi sehingga hari ini tidak juga berjaya.

Tuan Yang Dipertua, bersabit dengan perkara tersebut di atas Kerajaan telah mengalami kerugian beratus-ratus ribu ringgit wang rakyat yang boleh digunakan wang tersebut untuk keperluan rakyat di tempat-tempat yang lain.

Akhir sekali, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1983 yang telah dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil Ahmad.

4.21 ptg.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, saya bangun dan mohon izin untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia baharu-baharu ini. Di dalam Belanjawan 1983 \$28,749 juta lebih saya ingin menyentuh beberapa Kementerian.

Tuan Yang Dipertua, pertama saya akan menyentuh Kementerian Pelajaran B. 27. Saya sungguh merasa dan kecewa mengapa pihak Kerajaan tidak membuat atau mengadakan peruntukan terhadap pembinaan rumah-rumah guru di luar bandar mahupun di dalam bandar. Pada pendapat saya mendirikan rumah-rumah atau quarters bagi guru-guru adalah amat penting dilaksanakan dan ianya merupakan keperluan yang asasi. Saya katakan ini, kerana saya sendiri pernah terdengar banyak sungutan daripada guru-guru sendiri mahupun daripada laporan akhbar-akhbar yang menyatakan terdapat guru-guru di setengah tempat terpaksa menjadikan bilik sekolah dan store room sebagai tempat tinggal mereka di mana mereka mengajar. Begitulah juga terdapat ramai guru-guru yang mengajar di dalam pekan terpaksa menyewa rumah dengan membayar harga sewaan yang sangat tinggi. Saya yakin benar sekiranya pihak Kerajaan tidak mengambil langkah yang positif bagi mengatasi kesulitan tempat tinggal guru-guru yang terlibat ianya akan sedikit sebanyak mendatangkan akibat buruk terhadap pelajaran dan pendidikan. Guru yang 'frust' tidak mungkin menjalankan tugas dengan sempurna dan kesannya nanti tentu dirasai oleh penuntut dan seterusnya

bagi jangka masa panjang negara kita sendiri juga terjejas. Dengan itu saya merayu agar pihak Kementerian Pelajaran mengambil perhatian sepenuh supaya masalah memberikan kemudahan tempat tinggal guru-guru agar dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Perkara yang kedua, Tuan Yang Dipertua, pusat-pusat penuntut di luar negeri P. 27. Memandangkan begitu ramai penuntut kita sedang belajar di pusat-pusat pengajian di luar negeri sesungguhnya wajarlah pihak Kerajaan mengadakan pusat-pusat penuntut di luar negeri. Satu perkara yang harus kita semua ingat ialah semasa berada di luar negeri penuntut-penuntut kita adalah terdedah kepada alam sekeliling dan satu kebudayaan baharu yang terasing sama sekali. Kita semua sedia maklum terdapat ada pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan meracuni fikiran dan mempengaruhi mereka supaya cenderung kepada membina satu sikap anti Kerajaan hingga terdapat pendedaran keset pemimpin politik tertentu di kalangan pelajar-pelajar luar negeri dalam usaha menanam ideologi politik mereka yang paling merbahaya. Jadi, saya suka mengingatkan pihak Kementerian Pelajaran khasnya supaya menetapkan di pusat-pusat penuntut luar negeri berkenaan dengan pegawai-pegawai yang bukan sahaja berkebolehan tetapi juga bertanggungjawab menghadapi dan membenters cabaran yang hebat ini. Pegawai-pegawai berkenaan janganlah bersikap defensif malah hendaklah bersikap ofensif dalam tindakan mereka menjaga dan membetulkan keadaan penuntut-penuntut kita di luar negeri di mana mereka bertugas.

Saya berbalik kepada Kementerian Penerangan B. 26. Tuan Yang Dipertua, peranan Kementerian Penerangan di dalam sebuah negara membangun seperti negara Malaysia ini dengan penduduknya berbagai

kaum adalah amat penting. Peranannya sebagai pembentuk sikap masyarakat menyampaikan maklumat dan sebagai alat perhubungan Kerajaan dengan rakyat memang difahami. Namun begitu, bagi saya Kementerian Penerangan melalui media radio dan TV janganlah lupa bahawa kedua-dua media tersebut memainkan peranan sebagai alat hiburan yang terpenting. Kebanyakan orang menonton TV atau mendengar Radio adalah untuk menghibur. Ramai orang tidak menonton rancangan TV kerana mutu filem atau rancangan yang disembahkan tidak begitu menarik. Walau bagaimanapun, saya dapati pada akhir-akhir ini pihak RTM telah membuat perubahan berani dengan mengadakan pertunjukan-pertunjukan tayangan filem beberapa kali dalam seminggu. Ini adalah satu langkah baik yang dapat memenuhi selera penonton. Saya menyokong, Tuan Yang Dipertua, ura-ura Menteri Penerangan untuk mengadakan lagi satu saluran sistem kaset video bagi bahagian penerangan. Walaupun penekanan diberi terhadap hiburan, namun Kementerian Penerangan janganlah lupa memainkan peranannya membentuk satu keperibadian negara atau kebudayaan melalui rancangan-rancangan yang membina dan menarik.

Sekarang saya pergi kepada Jabatan Telekom B. 59. Ketika negara sedang membangun dengan pesat ini peranan Jabatan Telekom semakin membesar, keperluan orang ramai terhadap kemudahan telefon meningkat dengan cepat dan dengan banyaknya. Saya merayu kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya berusaha membaiki perkhidmatan telekom kerana terdapat setengah-setengah tempat di negara kita misalnya di tempat saya sendiri Pulau Langkawi. Seorang memohon mendapatkan talian telefon terpaksa menunggu hingga 4, 5, 6 bulan baharu

dapat. Ini tentunya menyusahkan orang ramai yang menghendaki perkhidmatan telefon. Begitu juga Jabatan Telekom hendaklah dibaiki dan dibesarkan. Alat-alat mengikut keperluan yang timbul supaya perkhidmatan lebih sempurna.

Mengenai pembinaan telefon di tempat-tempat awam, saya harap pihak Kementerian hendaklah berhati-hati kerana banyak telefon yang telah disediakan oleh Kerajaan telah dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Pihak Kementerian perlulah membuat kajian dengan teliti terlebih dahulu sama ada tempat yang hendak didirikan pondok telefon itu benar-benar sesuai atau tidak supaya tidak berlaku lagi kejadian seperti mana pembaziran wang rakyat.

Tuan Yang Dipertua, dalam B. 26 saya juga ingin menyentuh soal pertahanan negara. Langkah pihak Kerajaan mempermodenkan dan menguatkan angkatan tentera melalui pemodenan alat senjata dan pembinaan pengkalan baharu amat tepat pada waktunya. Pembinaan Pengkalan Laut di Lumut, rancangan pembinaan Pengkalan Tentera Udara, di Kelantan patut kita alu-alukan. Tetapi bagaimanapun saya merasa sedikit dukacita kerana memandangkan pembinaan Pengkalan Merin Polis di Langkawi berjalan dalam keadaan sangat lembab. Mengikut ingatan saya kali pertama hal tersebut dibangkitkan ialah dalam tahun 1974. Malangnya, hingga kini proses pembinaan marine base berkenaan belumpun lagi bermula. Di manakah silapnya? Sya bangkitkan hal ini, Tuan Yang Dipertua, kerana memandangkan buat masa ini pembangunan di Langkawi sedang berjalan dengan lancar dan pesat. Kilang simen, kilang mar-mar, pekan baru di Kuah, di Tanjung Rhu sedang dalam proses pelaksanaan dan lain-lain lagi.

Begitulah juga dengan pembangunan-pembangunan lainnya di bidang pelancongan. Semua ini bila siap nanti memerlukan jaminan keselamatan, lebih-lebih lagi sebagaimana kita semua sedia maklum, Pulau Langkawi adalah sempadan dengan Thailand. Kesemua ini nanti memerlukan jaminan keselamatan dari Kerajaan. Kita tidak mahu melihat atau mengorbankan pembangunan dan kemajuan di Langkawi dengan tidak adanya keselamatannya yang rapi. Sekali lagi saya merayu agar Kementerian berkenaan mempercepatkan pelaksanaan Marine Base di Langkawi.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh, ialah latihan ataupun kursus kemahiran yang diberikan kepada para perajurit. Perajurit kita sebelum mereka bersara ataupun berhenti dari kehidupan sebagai tentera, saya difahamkan mereka itu telahpun diberi latihan, terutamanya dalam bidang perniagaan. Ini tujuan asalnya adalah sangat baik tetapi yang sering terjadi ialah mereka yang berkenaan itu tidak mengikut kursus seperti mana yang sepatutnya. Perkara ini ada terjadi di mana sepanjang yang saya mengetahui askar-askar yang berkenaan tidak mengikut kursus dari sebuah syarikat ataupun kedai. Apabila beliau meminta tarik diri dari firma atau kedai-kedai yang berkenaan, askar-askar tadi tidak pernah mengikut atau mempelajari pengurusan perniagaan seperti mana sewajarnya. Sebaliknya, dalam masa tiga ataupun enam bulan beliau hanya menerima wang ataupun elaun setiap bulan. Ini menjadikan matlamat yang dituju tidak tercapai. Saya merayu agar pihak Kementerian berkenaan memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang Dipertua, seterusnya saya bangkitkan iaitu berhubung dengan masalah ekonomi negara. Sebagaimana kita semua faham

bahawa negara dan dunia seluruhnya mengalami zaman kemelesetan yang membimbangkan. Saya menyokong penuh langkah-langkah berjimat dan lain-lain strategi untuk menghadapi keadaan yang tidak kita pinta ini, terutama memperketatkan urusan perbelanjaan Kerajaan.

Sukalah saya menarik perhatian pihak Kerajaan dalam masalah urusan perbelanjaan ini janganlah diketepikan sama sekali syor-syor yang telahpun dikemukakan oleh Auditor-General Malaysia dalam laporan beliau masa lalu. Mengikut laporan beliau banyak terdapat Jabatan-jabatan Kerajaan tidak mengendalikan kewangan masing-masing dengan sempurna, malah ada yang mengambil sikap tidak ambil peduli. Janganlah pula pihak Kerajaan membiarkan keadaan sedemikian berlanjutan, tambahan dalam keadaan ekonomi negara yang meleset ini.

Menyentuh tentang langkah Kerajaan hendak melaksanakan sistem turnkey dalam bidang pembinaan. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan ini bagi tujuan kepentingan jangka masa pendek. Untuk jangka masa panjang, penggunaan sistem turnkey ini saya harap tidak begitu mendatangkan keuntungan, terutama yang berkaitan dengan pemindahan teknologi baru dari orang asing kepada orang kita Malaysia. Kita berharap pihak Kerajaan dapat memikirkan perkara ini demi keuntungan dan kemajuan negara. Selepas lebih sepuluh tahun Dasar Ekonomi Baru dilancarkan di mana matlamatnya ialah untuk menolong bumiputera melibatkan diri di dalam dunia perniagaan untuk kepentingan masa depan negara.

Saya amat sedih mendengar bahawa masih ada pegawai-pegawai asing di syarikat-syarikat kepunyaan orang asing masih menjalankan dasar

diskriminasi dan menekan pegawai-pegawai bumiputera untuk maju ke hadapan di dalam syarikat di mana mereka itu bertugas. Hal ini sekiranya dibiarkan berlanjutan akan mencabar kewibawaan dan niat murni Kerajaan. Saya merayu syarikat-syarikat asing jangan menekan kemajuan bumiputera sudah berlalu. Kini sudah sampai masanya kita tidak dapat bertolak ansur lagi, sikap dan tindakan tegas patut benar diambil. Kalau perlu dibatalkan sahaja lesen operasi mereka, jangan dibiarkan pengambilan dan penempatan bumiputera oleh syarikat-syarikat asing merupakan benda hiasan semata-mata. Kita semestinya menjaga dan mengekalkan maruah bangsa kita.

Tuan Yang Dipertua, berikutnya sukacita saya menyentuh soal industri pelancongan. Saya difahamkan Kerajaan berhasrat menjadikan benar-benar Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan utama di negara kita ini. Pihak T.D.C. akan mendirikan satu kompleks pelancongan yang sebegitu besar, manakala Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pula berusaha membesarkan lapangan terbang, jeti, pembaikan jalan raya dan lain-lain lagi. Pembinaan dan pembaikan infrastruktur ini memang selaras dengan niat Kerajaan tetapi saya berpendapat ianya belum lagi mencukupi. Sekiranya pihak Kerajaan betul-betul mahu menarik para pelancong ke Pulau Langkawi, langkah-langkah lain perlu juga diambil kira. Melalui Dewan yang mulia ini, saya ingin mengesyorkan agar pihak Kerajaan dapat melaksanakan seperti berikut:

- (1) Pihak T.D.C. hendaklah mendirikan hotel-hotel kelas pertengahan, bukannya menekan pembinaan hotel-hotel kelas antarabangsa sahaja kerana bilangan terbanyak yang

mengunjungi Langkawi adalah mereka yang terdiri daripada para pelancong kelas rendah dan menengah, hanya sedikit sahaja yang terdiri dari kelas atas terutamanya pelancong luar negeri. Itupun mengikut penelitian saya sekarang ini ramai para pelancong dari Barat suka menginap di hotel murah dan kelas bawah juga menengah.

- (2) Mengadakan beberapa buah duty free shop.
- (3) Kerajaan-kerajaan Negeri Perlis, Kedah dan Persekutuan hendaklah bekerjasama membina sebuah jeti yang menganjur ke laut kira-kira 1½ batu dari pantai Kuala Perlis. Ini amat perlu memandangkan dalam keadaan sekarang muara sungai di Kuala Perlis itu airnya sangat cetek, kadangkala kapal ataupun feri yang membawa pelancong terkandas sehingga memakan masa 1½ atau dua jam. Keadaan sedemikian amat menyusahkan kepada para pelancong dari segi masa dan kemudahan. Seandainya jeti yang saya maksudkan dapat dibina di Kuala Perlis, ianya akan memudahkan dan menjimatkan masa para pelancong yang ingin ke Pulau Langkawi dan pulang kemudiannya.

Saya sangat berharap syor dan pandangan saya ini akan mendapat perhatian dari pihak Kerajaan.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, B. 64. Bagi menolong penduduk-penduduk Langkawi, saya merayu supaya dapat benar-benar perhatian daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi menolong penduduk Langkawi menambah pendapatan mereka hasil dari perkembangan dan kemajuan

industri pelancongan ini ialah menerusi penglibatan pihak Kraftangan Malaysia supaya dapat memberi latihan kepada anak-anak tempatan dan melibatkan diri secara langsung dalam cottage industry kerana di Langkawi sebagaimana kita semua sedia maklum, di Langkawi sendiri terdapat banyak bahan-bahan semula jadi seperti batu mar-mar, rotan, akar, buluh dan kayu-kayan.

Sekian ucapan saya, terima kasih.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.

4.40 ptg.

Tuan Haji Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun untuk menyokong di atas dasar Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah yang sama boleh dianggap sebagai dasar belanjawan yang dibuat dengan cermat dan berhati-hati. Saya berpendapat dasar belanjawan ini adalah belanjawan yang adil untuk semua peringkat masyarakat di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya menyentuh Kementerian-kementerian yang berkenaan saya suka mengambil perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini supaya menghormati Dewan yang mulia ini. Saya sungguh kesal ada di antara rakan-rakan kita yang sanggup memperkecil-kecilkan martabat Dewan yang mulia ini sehingga mempertikaikan kewibawaan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka contohkan anggaplah Dewan ini sebagai isteri kita; kalau isteri kita tidak sesuai dengan kita dengan letir dan sebagainya, tinggalkan sahaja kalau wanita itu meminta diceraikan,

tidak payah kita menyuarakan kepada orang ramai masalah diri kita sendiri ataupun isteri kita.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertanian sebab saya tinggal di negeri bercorak pertanian. Baru-baru ini penyakit merah padi telah menyerang negeri Kedah dan Perlis, dan keluasan tanah yang terlibat oleh serangan penyakit itu ialah 15,450 hektar dan kerugian ditaksirkan sebanyak lebih kurang \$50 juta. Bagi saya ini adalah satu bencana yang besar yang menimpa petani-petani di Kedah dan Perlis. Dalam keadaan ini pihak Kementerian Pertanian dapat menilaikan sumbangan mereka selama ini pada petani, dari kejayaan ini pihak Kementerian Pertanian dapat juga mencari formula yang boleh menghindarkan daripada berlaku lagi bencana yang menjejaskan ekonomi petani-petani.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini di atas kejadian penyakit merah padi di negeri Perlis dan Kedah. Ada di antara petani tidak dapat hasil walaupun sebiji padi dengan kerana penyakit merah padi. Ada di antaranya mengerjakan sawah 10-15 relung tidak mendapat hasil walaupun sebiji padi tetapi padi yang ada di dalam petak itu terpaksa dituaikan tetapi hasil bayaran untuk menuaikan padinya terpaksa mencari wang daripada sumber-sumber yang lain. Inilah yang menyedihkan petani pada hari ini. Saya rasa kesal kerana pihak Kementerian Pertanian tidak mengambil satu sikap yang positif bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, penyakit merah padi bukan sahaja menyerang pada musim yang lepas tetapi masih ada juga yang menyerang pada masa ini. Saya berharap Kementerian

Pertanian akan tidak melengahkan masa untuk mengambil sesuatu bagi meringankan beban petani-petani yang saya sebutkan tadi. Saya suka mengesyorkan kepada Kementerian Pertanian beberapa syor untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh petani kita di Kedah, Perlis dan juga di negeri Perak dan sebagainya. Syor-syor saya ialah merayu atau mendesak kepada pihak Kementerian Pertanian supaya mengadakan kembali satu-satu program subsidi racun serangga untuk penanaman padi. Pada masa sekarang pihak Kementerian tidak memperuntukkan bagi racun serangga, apabila penyakit padi menyerang sawah padi petani-petani itu barulah Kerajaan tergesa-gesa untuk mencari peruntukan bagi mendapatkan baja untuk menghapuskan serangan penyakit padi itu, tetapi memakan masa yang banyak sehingga padi itu mati terus. Inilah satu perkara yang agak lemah di atas perkara yang saya sebutkan tadi.

Kedua, menambahkan lagi penggunaan racun serangga kimia bagi jangka masa pendek dan meneruskan dengan mencegah biologi bagi jangka masa panjang. Ini akan memberikan kesan yang positif dalam menyekatkan ulangan hayat vektor atau pembawa penyakit.

Ketiga, saya juga mengesyorkan kepada Kerajaan agar Bahagian Penubangan di Kementerian Pertanian akan mengajar penanam padi itu nilai dan faedah penggunaan baja dan racun serangga. Tidak bermakna jika penanam padi diberi input secara percuma kerana ini hanya akan menyebabkan penanam padi tidak menghargai nilai dan faedah dari penggunaan input-input ini dan bagaimana ia boleh menolong dalam kemajuan pertanian, pengeluaran tanaman, pengurusan ladang serta faedah pendapatan yang boleh diperolehi daripada input-input tadi.

Keempat, mempertimbangkan penggunaan pengawalan secara integrasi di mana pusingan tanaman diutamakan.

Kelima, disebabkan kehilangan sebahagian besar daripada pendapatan penanam padi saya menggesa agar Kerajaan mempertimbangkan pemberian gantirugi kepada penanam-penanam padi sama ada dari bentuk grant ataupun dalam bentuk pinjaman. Ini akan menolong penanam padi dari mencari bantuan kecemasan dari pemberi-pemberi hutang yang akan mengenakan penanam-penanam padi itu kepada faedah pinjaman yang tinggi sama ada secara rasmi ataupun tidak.

Tuan Yang Dipertua, pada tiap-tiap musim Kerajaan telah memperuntukkan berpuluh-puluh juta ringgit untuk memberi subsidi kepada penanam padi. Pada musim yang lepas Kerajaan tidak menggunakan sepenuhnya wang yang diperuntukkan sebagai subsidi kepada petani-petani itu sebab hasilnya mereka tidak dapat, jadi saya rasa wang peruntukan itu masih ketinggalan ataupun masih lebih di tangan Kerajaan. Saya syorkan kepada Kerajaan supaya wang yang lebih itu diberi bantuan kepada petani-petani yang menderita di atas penyakit merah padi itu.

Keenam, satu lagi saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan crop insurance (insurans tanaman) supaya dapat memberi bantuan sekiranya penyakit padi menyerang petani-petani.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya ingin menyentuh mengenai dengan Investment Incentive Act, 1968. Walaupun beberapa bentuk galakan telah diberi namun kemampuan untuk menarik

pelabur-pelabur untuk melaksanakan projek perindustrian di negeri-negeri kurang maju seperti di Kelantan dan Perlis adalah amat terhad. Galakan pelaburan atau insentif yang terdapat sekarang tidak begitu menggalakkan pelabur-pelabur untuk melabur modal di kawasan-kawasan kurang maju, contohnya seperti di negeri Perlis dan juga negeri Kelantan walaupun negeri tersebut letaknya dalam kawasan pembangunan (development area) dan diberi galakan tempat kedudukan, pengecualian cukai yang maksima akan diberi cuma 10 tahun sahaja tetapi di negeri-negeri maju seperti Selangor dan Pulau Pinang pengecualian cukai yang maksima akan diberi selama 8 tahun di bawah taraf perintis. Ini membuktikan bahawa perbezaan pengecualian cukai cuma dua tahun sahaja juga melabur di kawasan negeri maju dan negeri kurang maju. Ini telah menyebabkan pelabur-pelabur lebih tertarik untuk menanam modal di negeri-negeri yang maju. Matlamat Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan di negeri kurang maju didapati tidak begitu berjaya. Ini adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan dari segi strategi pembangunan Wilayah di bawah Dasar Ekonomi Baru di mana akan memastikan pembahagian faedah ekonomi adalah lebih saksama di antara wilayah-wilayah atau negeri-negeri.

Walaupun negeri Perlis letaknya dalam kawasan pembangunan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 negeri tersebut mendapat persaingan hebat untuk menarik pelaburan dengan negeri Kedah. Contohnya pelabur-pelabur lebih tertarik untuk melabur di Kulim, Kedah daripada di negeri Perlis kerana berdekatan dengan pelabuhan tetapi tempoh pengecualian cukai adalah sama. Oleh itu adalah dicadangkan bahawa Kerajaan meminda Akta Galakan Pelaburan dengan memberi tambahan beberapa tahun lagi pengecualian

cukai jika melabur modal di negeri-negeri kurang maju seperti Perlis dan Kelantan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai dengan industri-industri tertentu untuk negeri-negeri kurang maju. Ada beberapa jenis industri yang boleh ditempatkan sama ada di kawasan yang maju ataupun yang kurang maju, jika pilihan diberi kepada pelabur-pelabur tentu sekali mereka akan menempatkan industri mereka di kawasan negeri maju sahaja, yang mempunyai berbagai-bagai kemudahan. Oleh yang demikian kawasan-kawasan yang kurang maju seperti negeri Perlis dan Kelantan tidak akan mendapat peluang untuk mempunyai projek-projek perindustrian. Oleh itu adalah wajar jika industri yang tertentu dikhaskan untuk negeri-negeri kurang maju.

Tuan Yang Dipertua, mengenai dengan subsidi perindustrian kepada Kerajaan Negeri. Sekarang ini pembinaan kawasan perindustrian adalah oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri terpaksa mencari tapak dan membeli tapak jika perlu untuk pembinaan sesuatu industri. Apabila industri itu didirikan, hasilnya yang dapat ialah daripada Kerajaan Pusat, jadi Kerajaan Negeri terpaksa berhutang dan meminjam dari sumber-sumber yang berkenaan untuk mendapatkan tapak dan sebagainya. Oleh itu adalah wajar jika Kerajaan Persekutuan memberi geran pelancaran kawasan perindustrian ini ataupun subsidi perindustrian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua, baru-baru ini ada rungutan daripada orang ramai mengenai dengan minyak petrol. Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah perlu membuat pemeriksaan mengejut di stesyen-stesyen minyak di seluruh negara kerana terdapat stesyen-stesyen minyak yang mencampurkan

minyak petrol dan minyak tanah. Ini adalah rungutan-rungutan orang ramai akhir-akhir ini.

Tuan Yang Dipertua, saya hendak menyentuh berkenaan dengan membina Wisma Persekutuan. Di setengah-setengah negeri ada Wisma Persekutuan, tetapi ada setengah-setengah negeri tidak mempunyai Wisma Persekutuan. Jadi Kerajaan perlu membina Wisma Persekutuan di tiap-tiap negeri yang tidak ada lagi Wisma Persekutuan, Jabatan-jabatan Kerajaan perlu dipusatkan ataupun centralise di satu tempat. Ini adalah untuk membolehkan orang ramai mendapat perkhidmatan yang lebih baik, Kerajaan perlu membina sebuah Wisma Persekutuan untuk menempatkan Jabatan-jabatan Persekutuan di Negeri-negeri yang belum ada lagi.

Pada masa ini terdapat di beberapa buah negeri Jabatan Persekutuan yang menyewa kedai-kedai di bandar-bandar ataupun di bangunan-bangunan yang berjauhan daripada bandar. Ini amatlah mendukacitakan.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi berkenaan dengan kontraktor-kontraktor. Sekarang Kerajaan perlu mengadakan lebih banyak kursus-kursus untuk kontraktor-kontraktor bumiputera di negeri-negeri kurang maju. Kerajaan akan membelanjakan wang yang banyak di negeri kurang maju, malangnya kontraktor-kontraktor ataupun pemborong-pemborong di negeri kurang maju tidak mempunyai keupayaan untuk melaksanakan projek-projek, peluang untuk melaksanakan projek-projek seringkali disambut oleh kontraktor-kontraktor daripada Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar. Kerajaan perlu menggalakkan lebih banyak kursus-kursus untuk meninggikan kemahiran kontraktor-kontraktor bumiputera di negeri-negeri yang kurang maju.

Tuan Yang Dipertua, masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat kita dua tiga hari lepas mengenai dengan menggorek muara sungai. Di Malaysia kita ini selalunya Kerajaan ataupun orang ramai selalu merungut berkenaan dengan muara sungai yang cetek.

Tuan Yang Dipertua, saya syorkan kepada Kerajaan supaya mengadakan satu program ataupun jadual untuk menggorek sungai-sungai ini sepertimana yang dilakukan oleh Kerajaan Siam. Di negeri Siam mereka telah mengadakan satu jentera untuk menggorek muara-muara sungai ini dengan mengadakan jadual-jadual, selepas tempat ini ke tempat itu, tetapi di Malaysia kita ini apabila dirungut oleh orang ramai, barulah Kerajaan pergi ke tempat menggorek muara-muara sungai itu. Jadi contoh seperti yang disebutkan daripada negeri Siam itu adalah memberi faedah dan manfaat kepada kita.

Satu lagi berkenaan dengan ramalan cuaca iaitu dalam Kementerian Pengangkutan, walaupun ramalan, tetapi kerap kali tidak tepat. Jadi saya berasa dukacita dan orang ramai selalu mempermain-mainkan terutama sekali mempermain-mainkan Kerajaan mengatakan Kerajaan membuat ramalan tidak begitu tepat, kadang-kadang dalam radio mengatakan cuaca sungguh baik, tetapi pada masa pemberita ataupun orang yang bercakap itu hujan sedang turun, jadi rasa pelik sedikit. Oleh kerana ramalan di Perlis ini tidak begitu tepat, kerana ramalan cuaca ini dibuat di Pulau Pinang, tidak dibuat, dikaji sedalam-dalamnya di negeri Perlis kerana ramalan ini dibuat di Pulau Pinang, sebab itulah di Kedah dan Perlis ramalan cuaca ini tidak begitu tepat. Jadi saya berharap pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini.

Satu lagi sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Pulau Langkawi tadi, yang mengatakan di Kuala Perlis akan dibuat jeti. Yang sebenarnya di Kuala Perlis ini akan membuat sebuah pelabuhan kecil yang mana peringkat awal sedang dalam proses. Di sini saya menyerulah pihak Kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan pelabuhan kecil ini di Kuala Perlis, kerana Kerajaan Malaysia berura-ura untuk mengadakan atau membuat pelabuhan di Kuala Perlis, tetapi Kerajaan Siam telahpun membina satu pelabuhan kecil berhampiran dengan Kuala Perlis iaitu di satu tempat bernama Temelang. Jadi Kerajaan kita sedang heboh mengatakan untuk menjadikan Kuala Perlis sebagai pelabuhan kecil, tetapi Kerajaan Siam telahpun mengambil kesempatan ini dan telahpun membuat sebuah pelabuhan kecil yang begitu sebuk pada masa ini di satu tempat bernama Temelang, jadi saya menyerulah pihak Kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan pelabuhan kecil di Kuala Perlis ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang Dipertua, negeri Perlis adalah sebuah negeri, walaupun ianya kecil, ianya mempunyai Raja, Menteri Besar dan berbagai-bagai lagi seperti negeri-negeri yang lain. Tetapi sungguh malang sekali ada beberapa pejabat ataupun Jabatan yang masih lagi di bawah negeri Kedah.

Baru-baru ini, Tuan Yang Dipertua, Tuanku Raja Perlis sendiri merungut dalam titahnya merasmikan sebuah bangunan di Kangar, mendesak pihak Kerajaan supaya diasingkan dua Jabatan iaitu Jabatan Polis dan Imigresen. Sekarang C.P.O. dalam negeri Kedah/Perlis dia ada seorang, negeri Perlis tidak ada, jadi dia

tumpang kepunyaan Kedah sahaja, walaupun negeri Perlis kecil, tetapi dia sebuah negeri yang berdaulat ada Raja.

Saya berharap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil perhatian dalam masalah ini supaya Jabatan Polis dan Imigresen patut diasingkan. Kalau kita tidak asingkan, pentadbiran tak dapat berjalan dengan licin dan matlamat "Bersih, Cekap dan Amanah" tidak akan tercapai. Saya ingin mengulangkan, supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengasingkan Jabatan Polis dan Imigresen yang kedua-duanya di Perlis/Kedah sekarang ini diasingkan ke negeri Perlis sahaja, jangan lagi dishare dengan Kedah dan Perlis kerana kalau begitu pentadbiran tidak akan berjalan dengan begitu licin kerana negeri itu berasingan, berlainan raja dan sebagainya dan masalah Bersih, Cekap dan Amanah itu akan tercapai.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Pada masa sekarang ini pembangunan di sempadan-sempadan tidak begitu ketara, sebab itulah penduduk-penduduk di sempadan tidak ada kerja, mereka hanya bekerja menyeludup barang-barang sebab tak ada pembangunan di sempadan. Jadi, saya syorkan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah supaya membuka, memperbanyakkan FELDA ataupun FELCRA di perbatasan atau di sempadan Malaysia/Thai dan ditempatkan bekas-bekas Perajurit dan bekas-bekas Polis, Pasukan Keselamatan sebagai peneroka di FELCRA itu kerana mereka ini tahu selok-belok berkenaan dengan komunis dan sebagainya. Sekarang orang di sempadan ini tak ada kerja apa, kerja dia menyeludup padi, beras dan

sebagainya. Kalau ada rancangan di perbatasan itu, insya Allah, masalah itu dapat diatasi dengan sendirinya.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, kalau kita baca sejarah bagaimana Jepun dapat menyerang Malaysia, iaitu dia masuk melalui Siam ataupun daripada Siam melalui Perlis. Kalau kita baca sejarah itu kita takut kalau-kalau perkara ini akan berlaku lagi. Masalah pertahanan di Perlis itu amatlah penting sekali, Kerajaan patut utamakan pertahanan di negeri Perlis itu. Sekarang saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan kerana menempatkan satu Brigade ke 12 di negeri Perlis itu. Oleh kerana ada Infantry Brigade ke 12 itu maka keadaan keselamatan di negeri Perlis ini agak boleh terkawal. Baru-baru ini Kerajaan telah memotong satu projek yang memberi kebaikan dalam masalah pertahanan di negeri Perlis, iaitu projek yang bernilai \$45 juta dan dalam proses, tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi ini maka projek itu dipotong. Saya rasa walaupun masalah ekonomi ini terjejas, pertahanan ini juga amatlah penting dan saya syorkan perkara ini supaya diteruskan dengan Projek Fasa II untuk projek Brigade ke 12 di negeri Perlis ini patut diteruskan juga.

Masalah Kementerian Luar Negeri pula, saya ingin sentuh sedikit sahaja masalah penerangan-penerangan di luar negeri tentang hal Malaysia kita ini kurang mendapat penerangan yang jelas di luar negeri. Saya biasa pergi, masa itu saya pergi ke Saudi, saya tengok majalah-majalah, risalah-risalah bertimbun-timbun di bilik Kedutaan di sana dan bertanya, mereka ini tidak betul-betul menyebarkan kepada orang ramai tentang menerangkan kedudukan negara kita Malaysia. Kementerian Luar Negeri patut mengambil perhatian yang berat supaya negara

kita ini dapat diketahui umum oleh negara-negara luar negeri sebagaimana yang dikehendaki oleh pemimpin kita pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil masa sedikit lagi berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Baru-baru ini Kementerian Pelajaran telah mengimport guru-guru bahasa Inggeris daripada London, England dan sebagainya, ini memakan belanja yang banyak untuk memberi gaji kepada guru-guru Inggeris yang diimport daripada London ataupun England. Saya syorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil guru-guru kita sendiri dan memberi kursus intensif untuk mengajar bahasa Inggeris kerana ada di antara guru-guru kita ini yang umurnya meningkat 40 tahun dia tidak boleh hendak melanjutkan lagi pelajaran, ambillah guru-guru itu memberi kursus intensif untuk mengajar bahasa Inggeris kepada penuntut-penuntut kita di Malaysia ini, tak payah lagi kita ambil daripada luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, kita selalu melihat dalam suratkhbar kita telahpun merdeka selama 25 tahun masih ada lagi dalam suratkhbar ini sekolah-sekolah yang buruk, yang condong, yang tidak mempunyai atap dan sebagainya. Kita sudahpun merdeka 25 tahun, saya rasa perkara ini tak patut timbul lagi, tak patut ada lagi dalam suratkhbar. Saya menyeru kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah-masalah sekolah buruk dan sebagainya di dalam Malaysia kita ini. Kita berasa malu, dalam suratkhbar kita sebagai penyokong Kerajaan. Kita tengok dalam suratkhbar ini kita berasa malu kerana ada lagi sekolah yang tak ada bumbung, yang senget sebelah sana dan sebagainya. Perkara ini tak patut lagi timbul dalam suratkhbar-suratkhbar mengenai masalah sekolah-sekolah buruk ini.

Sekarang kita tengok negara kita ini juga disebut negara pertanian. Masalah sekolah vokasional ada sekarang, ini untuk memperbanyakkan industri-industri tetapi dalam masalah pertanian kita selalu abaikan. Saya syorkan kepada Kerajaan supaya mendirikan sebuah Sekolah Vokasional Pertanian di negara kita ini supaya kita dapat melatih pemuda-pemuda kita itu supaya cenderung dalam pertanian dan dapat pelajaran yang lebih dalam masalah pertanian.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi berkenaan dengan Kementerian Pelajaran telah mengumumkan yang Kementerian berkenaan akan mengadakan Pejabat Pelajaran Daerah di tiap-tiap negeri, tetapi sekarang ini tidak ada bukti yang menunjukkan Pejabat Pelajaran Daerah ini telah diadakan. Saya menyeru Kementerian Pelajaran supaya apa yang disebutkan dahulu itu dilaksanakan dengan segera kerana ini adalah kepentingan pelajaran. Untuk kita hendak meninggikan taraf pelajaran anak-anak bangsa kita patutlah Pejabat Pelajaran Daerah ini ditempatkan supaya pegawai-pegawai dapat menumpukan mereka itu dengan lebih dekat daripada yang ada sekarang ini.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan Kementerian Kesihatan, sekarang ini masalah kekurangan doktor. Di negeri Perlis adalah sebuah negeri juga tiap-tiap hari kita tengok ada 3 orang doktornya periksa orang, yang seorang itu dia menjalankan tugas emergency. Kadang-kadang ada emergency terpaksa kena tinggalkan, tinggal 2 orang doktor periksa orang ramai, jadi timbul masalah sekarang. Saya menyeru Kementerian Kesihatan supaya mengambil perhatian penuh di atas kekurangan doktor di negeri Perlis pada saat ini dan mudah-mudahan masalah kesihatan ini dapat diatasi di negeri Perlis ini.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kita sekarang ini hendak memandang ke Timur, kita hendak buat kerja banyak.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup!

Tuan Fadzil bin Mahmood: Minta maaf, Tuan Yang Dipertua, 2-3 minit lagi. Kita sekarang hendak buat kerja banyak, ada setengah golongan mendesak Kementerian Penerangan menambahkan lagi rancangan-rancangan TV, kalau boleh 24 jam. Bagi saya rancangan-rancangan yang ada sekarang ini patut dipotong, tinggal hak yang memberi faedah kepada kita sahaja. Kalau rancangan TV ini ada 24 jam, orang-orang kita ini takkan buat kerja, asyik tengok TV sahaja.

Jadi hasrat kita untuk "Memandang ke Timur" itu tidak akan tercapai. Walaupun benda ini tidak begitu ketara tetapi lama kelamaan kita akan taksud dengan TV ini dan kita akan tinggalkan kerja-kerja kita yang manfaat kepada diri kita dan juga kepada bangsa kita.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana sudah sampai masanya saya berundur, saya sekali lagi menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh.

5.11 ptg.

Tuan M. K. Muthusamy: Tuan Yang Dipertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Kita semua sedar bahawa negara kita Malaysia turut menerima kesan akibat kemelesetan ekonomi dunia yang bermula sejak lebih setahun yang lalu. Kesannya adalah ketara sehingga

Jabatan-jabatan Kerajaan dan sektor-sektor swasta terpaksa mengurangkan dan memotong perbelanjaan serta belanjawan mereka.

Tuan Yang Dipertua, tetapi perlu juga disedari bahawa penangguhan projek-projek sedemikian menjejaskan pertumbuhan ekonomi di negara kita. Pada pendapat saya sekiranya sebuah negara ingin maju, kemajuan ini bukanlah dari segi kemajuan fizikal dan pembangunan tetapi juga adalah dari segi akhlak, pemikiran dan kesihatan rakyat.

Tuan Yang Dipertua, kesan tekanan ekonomi amat jelas dan setiap lapisan masyarakat merasainya. Begitu juga dengan rakyat luar bandar iaitu di kampung-kampung dan ladang-ladang. Kerajaan telah menyedari akan hakikat ini dan langkahnya dalam menstabil serta mengekalkan harga-harga barang-barang runcit adalah disambut. Walaupun sudah 25 tahun kita merdeka dan sebahagian besar negara telah mempunyai kemudahan-kemudahan asas, namun ada beberapa bahagian yang amat memerlukan kemudahan-kemudahan seperti jalan raya, elektrik dan air. Di ketika hampir separuh rakyat mempunyai TV warna di rumah, masih terdapat rakyat di luar bandar yang belum boleh menikmati TV hitam-putih.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh Belanjawan 1983 pula iaitu belanjawan di ketika kemelesetan ekonomi, Kerajaan telah cuba mengurangkan pengimportan barang-barang mewah dari luar negeri di samping mengubahsuai cukai-cukai yang lain bagi mendatangkan pendapatan yang sewajarnya. Akan tetapi di dalam konteks berbuat demikian, beberapa perkara telah dioverlooked, umpamanya, duti import dan duti eksais ke atas minuman keras buatan dalam negeri. Kerajaan kurang sedar bahawa

langkah ini menggalakkan kegiatan penapaian samu serta lain-lain minuman keras secara haram.

Tuan Yang Dipertua, kegiatan ini sudah sememangnya wujud di kawasan pendalaman dan telah mengakibatkan kematian, membutakan serta mencacatkan ramai penduduk miskin di ladang-ladang. Kebanyakan penduduk-penduduk ini pula tua dan tidak dapat meninggalkan tabiat minum dengan serta-merta. Apa pula yang cuba mengatasi masalah ini dengan hanya minum minuman keras yang sah tetapi belanja melalui cara ini adalah banyak sekali. Beer atau lain minuman keras tempatan adalah minuman rakyat berpendapatan rendah. Di negara-negara Barat, harga bahan ini tidak banyak berbeza dengan kadar inflasi.

Tuan Yang Dipertua, tindakan Kerajaan besar kemungkinan bertujuan untuk mengurangkan tabiat minum di kalangan rakyat Malaysia. Sebagai satu langkah seketika untuk mengisi Perbendaharaan disebabkan kemelesetan ekonomi dunia, kenaikan 60% duti eksais adalah amat keterlaluan.

Tuan Yang Dipertua, di antara bahan-bahan yang mana semua duti ke atasnya telah dimansuhkan ialah minyak wangi, alat solek dan barang-barang elektrik mewah seperti projektor dan cine camera. Pada pendapat saya kesemua bahan yang disebutkan tadi adalah di antara barang-barang mewah dan seharusnya cukai yang lebih tinggi atau setidak-tidaknya cukai ketika ini harus dikekalkan. Langkah ini pula nampaknya menggalakkan rakyat membazirkan wang mereka untuk barang-barang yang kurang berfaedah di kala kemelesetan ekonomi. Hanya mereka yang berkeupayaan dapat menggunakan peluang keemasan ini.

Tuan Yang Dipertua, pemansuhan cukai bagi barang-barang elektrik keperluan harian seperti radio adalah amat digalakkan. Ini membolehkan rakyat yang berpendapatan sederhana menikmati kemudahan-kemudahan itu. Kebanyakan kedai-kedai belum lagi menurunkan harga-harga barang ini ke tahap yang baru, kononnya kerana mempunyai stok lama. Ada yang memberi diskaun tetapi bila dicampur tolak harganya tidak banyak berubah dari yang lama. Akan tetapi bila duti ke atas sesuatu barang dinaikkan dari yang lama, harganya berubah keesokan hari sahaja, selepas Belanjawan dibentangkan.

Tuan Yang Dipertua, negara Singapura yang dahulunya dekat di mata jauh di hati, sekarang mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan negara kita. Singapura walaupun kecil tetapi ekonominya pesat membangun. Ekonominya hanya bergantung kepada perdagangan import-eksport dan perindustrian. Mereka tidak ada apa-apa potensi tanah serta pertanian seperti kita dan adalah mengaibkan melihat negara sedemikian lebih maju daripada kita. Walaupun mereka mempunyai masalah perumahan tetapi ia diatasi dengan mudah dan segera. Pemohon-pemohon flat tidak perlu menunggu untuk masa yang lama. Kita harus menggunakan hubungan yang baik ini untuk mendapatkan pertolongan serta bantuan dari segi apapun bagi tujuan pembangunan fizikal dan mentaliti.

Dalam dasar "Pandang ke Timur", Singapura juga harus dijadikan contoh di samping Jepun dan Korea. Dalam dasar ini juga lebih banyak latihan anjuran negara-negara Timur harus diberikan kepada rakyat kita supaya menggunakan ethicnya dalam kehidupan sehari-hari, latihan dan sebagainya amat berfaedah dan di bawah galakan pelaburan asing. Rancangan seperti ini sepatutnya

menjadi satu kemestian atau syarat bagi pelabur-pelabur sedemikian. Ini memudahkan mereka daripada mencari pekerja-pekerja yang berpengalaman di samping mewujudkan pekerjaan bagi rakyat.

Tuan Yang Dipertua, di negara kita masih terdapat banyak tanah kosong yang terbiar. Tanah-tanah sebagai ini yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri masing-masing boleh dipajakkan atau lease kepada rakyat, pekebun-pekebun kecil atau syarikat-syarikat, semata-mata untuk mendatangkan hasil kepada Kerajaan dan memberikan serta mewujudkan lebih banyak pekerjaan untuk rakyat.

Tuan Yang Dipertua, adalah perlu disedari bahawa negara kita adalah negara yang ekonominya bergantung kepada pertanian dan kita mempunyai segala potensi dalam hal ini. Umpamanya tanah yang terbiar ini boleh dipajakkan (lease) untuk 5 hingga 25 tahun dan tanaman harus ditukarkan kepada tanaman-tanaman pasaran, tanaman tunai (cash crops) yang lain. Tanah serta iklim kita amat sesuai untuk memperbanyakkan lagi tanaman-tanaman pasaran serta buah-buahan tempatan seperti pisang, tembikai, papaya dan lain-lain lagi. Sekiranya tanah-tanah begini sesuai untuk menanam padi sama ada berteres atau di bendang, pengimportan beras dari luar negeri boleh dikurangkan. Mini padi estet juga boleh diwujudkan pada masa ini walaupun pada ketika ini makanan uji kita tidak terancam tetapi langkah-langkah yang positif mesti diambil supaya kita tidak menempah keadaan demikian di satu masa nanti. Ini juga mengurangkan pengaliran mata wang kita di luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, rancangan Buku Hijau yang diperkenalkan pada permulaan tahun 70an adalah salah satu antara beberapa projek yang gagal disebabkan kurangnya perancangan teliti dan pengawasan

cepat yang selanjutnya bila rancangan itu telah dilaksanakan. Kesilapan adalah satu tabiat manusia tetapi bila ini dijadikan alasan dan amalan yang berterusan sudah tentunya pembangunan dan kemajuan yang dinamik di samping yang kita ada sekarang ini tidak dapat dicapai bila-bila masapun.

Kerajaan juga harus sedar tentang kesusahan yang akan dihadapi dalam pelancaran semula satu rancangan yang terbengkalai atau hampir gagal. Mewujudkan serta memperkenalkan satu rancangan yang baru juga bukannya semudah yang dikatakan.

Tuan Yang Dipertua, sebagai mengakhiri ucapan saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengingatkan bahawa masa yang kita lalui di zaman ini secara amnya dan ketika ini secara khususnya adalah sungguh mencabar dalam kejayaan Kerajaan. Menempuh cabaran-cabaran ini adalah didoakan agar negara dan rakyat jelata sentiasa aman, makmur dan maju.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua atas kemurahan hati memberikan saya berucap di Dewan Negara ini dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1983.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Puan Hafisah Othman.

5.24 ptg.

Puan Hafisah binti Othman: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang nampaknya sungguh realistik dan pragmatik walau keadaan ekonomi sedang meleset di seluruh rantau dunia ketika ini, yang mana Malaysia juga turut sama terlibat dengannya. Dengan itu kita boleh memperakui

bahawa Kerajaan sekarang adalah sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah yang berani mengatur dan membenteng Belanjawan yang sebegitu rupa mengikut kemampuan dan keadaan masa. Prospek ekonomi negara kita akan beransur baik sekiranya pihak yang berkuasa dan bertanggungjawab berikhtiar serta mengambil inisiatif menjalankan dasar-dasar Kerajaan dengan baik dan jujur. Insya Allah segala-galanya akan selamat dan berjaya.

Walau bagaimanapun inginalah saya menyentuh beberapa perkara di dalam Kementerian-kementerian serta agensi-agensi Kerajaan yang disifatkan sebagai jentera yang menggerakkan dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Patutlah juga kita jangka lihat dan mengawasi agar semua matlamat dan tujuan Kerajaan dapat dicapai dengan sempurna serta berkesan untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang Dipertua, buat permulaan, saya ingin menyentuh beberapa masalah mengenai Kementerian Kesihatan dalam beberapa perkara. Perkhidmatan pegawai perubatan dan kakitangan, izinkan saya membentangkan hal kedudukan para doktor yang sentiasa bersungut kerana tidak kepuasan hati terhadap keadaan tanggagaji, status dan lain-lain kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain. Oleh yang demikian menyebabkan para doktor-doktor terlalu bekerja tanpa inisiatif habis tempoh kontrak langsung meletakkan jawatan dengan Kerajaan dan membuka klinik masing-masing. Ada juga setengah-setengah doktor pakar (specialist) sengaja meninggalkan negara ini untuk berhijrah ke Australia, New Zealand, negeri-negeri Timur Tengah dan ke negara-negara asing yang lain untuk mencari kekayaan semata-mata

tanpa mengira keperluan dan peri mustahaknya perkhidmatan mereka kepada bangsa dan negaranya. Ini jelas menunjukkan bahawa ketaatsetiaan mereka terhadap Malaysia adalah berbelah bahagi dan begitulah kepada kebanyakan etika dan moto kedoktoran—"Berkhidmat kepada manusia", telah hilang lenyap dikelabui oleh mata duitan. Sebab-sebab inilah yang menimbulkan masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan di merata-rata hospital khususnya ceruk rantau di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, itu adalah mengenai para doktor yang berhenti berkhidmat dengan Kerajaan dan berhijrah ke lain-lain negara, manakala pakar-pakar perubatan yang enggan bertukar ke negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia pun ketara sekali. Mereka ini apabila diberi tahu sahaja mereka dikehendaki bertukar ke Pantai Timur seboleh-bolehnya mereka ini enggan pergi. Bila sudah tidak ada ikhtiar lain dan terpaksa ditukarkan juga maka mereka mengambil keputusan yang paling senang iaitu terus meletakkan jawatan, buka klinik sendiri untuk mendapat kebebasan dari kongkongan Kerajaan di samping untuk memperolehi pendapatan yang lebih.

Diharapkan dapatlah pihak yang berkenaan mengkaji sedalam-dalamnya mengapakah hal ini boleh berlaku. Apakah buruknya negeri Pantai Timur ini sedangkan rakyat di Pantai Timurlah yang paling mundur sekali dari segi kesihatan.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang berikutnya, ingin saya sampaikan adalah mengenai alat-alat kelengkapan bagi pemeriksaan di hospital-hospital. Didapati hospital-hospital khasnya Hospital Besar di Kota Bharu yang mengambil masa yang begitu lama untuk memberi keputusan pemeriksaan darah, najis

dan lain-lain lagi untuk menentukan penyakit sebenar pesakit berkenaan. Pada kebiasaannya contoh-contoh darah, najis dan lain-lain diambil dari pesakit-pesakit yang berada di dalam wad dihantar ke Hospital Besar Kuala Lumpur untuk dibuat kajian. Dari tempoh contoh-contoh itu diambil, dihantar, dikaji dan dibuat keputusan pesakit yang malang telah meninggal dunia tanpa diketahui dengan lebih mendalam apakah penyakit yang sebenarnya. Dalam masa sebelum keputusan peperiksaan dikeluarkan dalam masa dua atau tiga minggu pesakit-pesakit itu hanya diberi vitamin tanpa rawatan-rawatan yang lebih rapi dan sempurna. Para-para doktor tidak dapat mengambil apa-apa tindakan lagi oleh kerana keputusan peperiksaan belum didapati. Di dalam konteks ini saya harap agar proses pemeriksaan ini dapat dipercepatkan supaya pesakit-pesakit berkenaan diberi rawatan segera dengan harapan dapat disembuhkan penyakit-penyakit yang dideritainya itu. Pihak Kementerian hendaklah mengambil langkah yang positif untuk mengatasi kelemahan yang biasa terjadi sama ada dengan menambahkan alat-alat pemeriksaan yang berkaitan di hospital-hospital tersebut atau menyegerakan lagi jangka masa kajian pemeriksaan.

Tuan Yang Dipertua, mengenai kereta-kereta jenazah pula, yang ditempatkan di hospital-hospital, contohnya saya maklum di Hospital Besar Kota Bharu juga. Di sana didapati hanya dua buah kereta jenazah sahaja diperuntukkan untuk menghantar jenazah-jenazah ke sana ke mari dari hulu ke hilir sampai ke Ulu Kelantan. Cubalah sama-sama kita bayangkan sekiranya lebih daripada dua orang insan meninggal dunia dalam jangka masa yang sama yang mana satu jenazah yang hendak dihantar ke jajahan, misalnya Jajahan Pasir Putih yang terletaknya lebih kurang 40 kilometer yang satu lagi di

Jajahan Kuala Krai Ulu Kelantan sana yang terletaknya lebih kurang 60 kilometer jauhnya dari Hospital Besar. Untuk sebuah kereta jenazah itu balik ke hospital bagi mengambil dan menghantar jenazah yang berikutnya tentulah mengambil masa berjam-jam lamanya. Apakah sanggup keluarga si mati menunggu berjam-jam untuk membawa balik jenazah saudaranya ke kampung halaman masing-masing, nescaya tidak sanggup mereka itu menanggung penderitaan yang sedemikian. Tambahan lagi melambat-lambatkan perkebumian adalah tidak baik dari segi agama Islam yang suci. Jadi bagi mereka yang sedikit berkemampuan sudah tentulah mereka tidak sanggup menunggu kenderaan yang disediakan oleh Kerajaan, lalu mereka menyewa khasnya kenderaan persendirian untuk membawa balik si mati bagi menyegerakan pengebumiannya. Tetapi apakah pula nasib saudara kita yang tidak berkemampuan langsung untuk menyewa kenderaan persendirian? Alangkah malangnya nasib mereka terpaksa juga menunggu kenderaan di hospital. Itupun seandainya kedua-dua kenderaan hospital yang diperuntukkan itu dapat digunakan sepenuhnya. Apa kata kalau yang sebuah itu masuk woksyp dan yang satu lagi rosak di tengah-tengah perjalanan? Alamat sengsaralah dan lagi deritalah yang ditanggung oleh keluarga sendiri.

Dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya berharap agar pihak Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyelesaikan masalah ini sama ada dengan menambahkan lagi peruntukan kereta-kereta jenazah daripada hospital-hospital atau dengan cara lain yang difikirkan lebih baik oleh pihak Kementerian demi untuk kesenangan rakyat negara ini.

Di sini ingin juga saya menyentuh tentang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian khususnya Unit Penyertaan Bumiputera. Unit ini telah lama diwujudkan tetapi tidak memberi faedah sepenuhnya kepada pihak usahawan dan peniaga-peniaga bumiputera, kerana unit ini tidak mempunyai daya untuk mengawasi syarikat-syarikat yang sepatutnya memberi peluang kepada ahli-ahli perniagaan bumiputera. Harap dapat dikaji dan dikuatkuasakan agar rancangan usaha niaga bumiputera sama-sama dapat bersaing dengan yang lain. Tentang usaha sama bumiputera dalam syarikat-syarikat perniagaan perlu juga disemak. Kebanyakan syarikat-syarikat yang bertaraf bumiputera yang mana dikelolakan oleh kaum bumiputera secara tidak rasminya telah mengadakan saham-saham ekuiti kepada Pengarah-pengarah celup bumiputera untuk dijadikan pameran sahaja di dalam laporan mereka kepada pihak Pendaftar Syarikat-syarikat. Pengarah-pengarah bumiputera ini sebaliknya disuruh tandatangani borang-borang kosong bagi ubah milik saham-saham tersebut untuk simpanan mereka yang menguruskan perusahaan itu. Ini bermakna pengarah-pengarah bumiputera tersebut hanya memiliki saham pada kertas sahaja sedangkan pada hakikatnya adalah kosong. Pemilik-pemilik saham kosong ini hanya diberi elaun bulanan yang lumayan demi kepentingan mereka. Praktik serupa ini adalah tidak betul yang mana sepatutnya mereka ini diberi peluang memenuhi saham itu dengan cara pinjaman dan boleh dibayar beransur-ansur kerana syarikat-syarikat ini sentiasa dapat kemudahan dari pihak Kerajaan sebagai taraf syarikat bumiputera.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara lagi saya menyentuh mengenai dengan Kementerian Pelajaran. Saya ingin mempersoalkan mengenai satu

kumpulan guru-guru yang nasib mereka belum ditentukan. Mereka yang saya maksudkan ini adalah guru-guru kontrak Sabah. Pada akhir 1977 seramai 58 orang guru dari Semenanjung yang telah tamat kontrak mereka dengan Kerajaan Negeri Sabah telah kembali ke Semenanjung untuk menyambung semula perkhidmatan mereka sebagai guru-guru di sekolah-sekolah di Semenanjung.

Mengikut syarat kontrak mereka setelah tamat kontraknya lima tahun mereka akan terus bertugas kembali di Semenanjung dengan tidak menjejaskan kedudukan perkhidmatan mereka. Dukacitanya apabila mereka ini kembali ke Semenanjung mereka ditempatkan di sekolah-sekolah dengan gaji sementara banyak ditambah \$5.00 sahaja lebih daripada gaji akhir yang mereka terima di Sabah. Keadaan ini berlarutan sehingga tahun 1982 ini. Mereka telah begitu banyak kerugian dari segi pendapatan dan kemudahan-kemudahan lain seperti pinjaman kenderaan dan pinjaman perumahan. Sara hidup guru-guru ini makin tahun makin bertambah dan ada di antaranya bilangan keluarganya juga telah bertambah.

Pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran secara hitam putih ada menyatakan rasa simpati tetapi mengarah guru-guru berkenaan supaya menghubungi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Ada juga yang telah menerima tawaran jawatan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran tetapi gaji permulaan yang ditawarkan kurang daripada gaji yang akhir diterima di Sabah. Di samping itu mereka ini terpaksa menjalani pemeriksaan doktor, mengangkat sumpah dan melalui tempoh percubaan selama satu hingga tiga

tahun. Kalau mereka ini tidak disahkan di dalam tempoh percubaan berakhir maka perkhidmatan mereka mungkin ditamatkan. Ini bercanggah dengan syarat-syarat kontrak yang mereka tandatangani. Sabah bukannya negara asing, ia adalah sebuah negara di dalam Malaysia, mengapa keadaan seperti ini boleh berlaku menjadikan mangsa satu kumpulan rakyat Malaysia. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat bertindak menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara lagi saya suka menyentuh di dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Adalah diharapkan pihak Kumpulanwang Simpanan Pekerja mempercepatkan proses mengeluarkan wang simpanan yang 45% kepada pencarum-pencarum untuk membeli rumah. Di dalam masa yang sudah-sudah proses ini memakan masa dua hingga tiga bulan. Saya diberi faham bahawa bangunan Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini ada empat tingkat yang mana proses dari tingkat bawah ke tingkat atas untuk mendapat kelulusan mereka memakan masa selama sebulan. Perkara seperti ini tidak patut berlaku lagi kerana Kerajaan telahpun membekalkan berbagai-bagai komputer untuk pegawai-pegawai menjalankan tugasnya dengan senang dan cekap. Di manakah letaknya yang dikatakan Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah?

Tuan Yang Dipertua, maka dengan ini berakhirlah ucapan saya. Sekali lagi saya menyokong penuh Anggaran Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Loo Swee Mok.

5.43 ptg.

Tuan Loo Swee Moh: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas peluang yang diberi kepada saya untuk menyuarakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Perbekalan, 1983. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan serta semua pihak yang terlibat dalam usaha merangkakan dasar-dasar percukaian dan kewangan bagi negara Malaysia

pada tahun 1983. Saya sedar bahawa setelah ucapan Belanjawan disampaikan di Dewan Rakyat pada bulan Oktober, beberapa teguran dan pandangan yang telah diberi terhadap cadangan-cadangan dan syor-syor yang telah dikemukakan.

Pada keseluruhannya saya dapati bahawa cadangan-cadangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia di Dewan Rakyat adalah munasabah memandangkan keadaan ekonomi meleset seluruh dunia dan keadaan ekonomi di negara Malaysia. Walaupun begitu saya perhatikan bahawa perancangan perbelanjaan negara telah dibuat khas bagi tujuan untuk mengatasi keadaan ressesi dan inflasi di negara Malaysia khususnya di seluruh dunia amnya. Strategi-strategi dan langkah-langkah yang telah diambil memang sesuai bagi mempertahankan keutuhan ekonomi Malaysia. Namun demikian adakah langkah-langkah ini yang hanya ditumpukan kepada tindakan-tindakan yang perlu dan patut diambil untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah-masalah ressesi mencukupi? Perlukah kita meninjau ke masa hadapan dan merangkakan apakah yang patut dibuat sebaik sahaja ekonomi negara dan ekonomi dunia pulih semula? Saya berpendapat bahawa perkara ini adalah mustahak sebagai kata pepatah "Sediakan payung sebelum hujan". Kita perlu mengaturkan dasar-dasar kewangan dan percukaian serta langkah-langkah galakan pelaburan yang boleh mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi sebagai persediaan bagi menikmati hasil-hasil selepas zaman ressesi.

Mengikut angka-angka daripada Laporan Buruh yang terbaharu saya dapati bahawa kadar pengangguran di negara Malaysia dijangka akan jatuh ke paras 5.1% dibandingkan dengan kadar 5.3% pada tahun 1962. Ini adalah tanda-tanda bahawa ekonomi

negara Malaysia akan pulih tidak berapa lama lagi. Huraian saya adalah berasaskan kepada hakikat bahawa dalam sesuatu ressesi kadar pengangguran adalah sepatutnya naik akan tetapi Laporan Buruh terbaharu telah meramalkan sebaliknya. Ini adalah satu tanda sihat bagi negara Malaysia dan saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil perhatian terhadap pandangan saya ini supaya kita tidak ketinggalan menikmati hasil-hasil selepas zaman ressesi.

Tuan Yang Dipertua, di Dewan yang mulia ini ingin saya menyentuh satu perkara yang berkaitan dengan kenaikan kadar duti import. Saya perhatikan bahawa pihak Kerajaan sering mengumumkan kenaikan duti import terhadap satu-satu bahan. Saya sedar bahawa langkah ini diambil atas beberapa sebab seperti perlindungan tarif, untuk menjimat wang pertukaran asing dan sebagainya. Saya tidak mempersoalkan hak Kerajaan untuk mengenakan sebarang kenaikan kadar duti tetapi saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan supaya memberitahu pihak yang berkenaan dengan keazaman untuk menaikkan kadar duti ke atas sesuatu bahan terlebih dahulu. Dengan berbuat demikian Kerajaan akan dapat menolong para-para pengimport mengelakkan daripada menghadapi kesusahan akibat daripada kenaikan kadar duti. Saya mengatakan sedemikian kerana terdapat beberapa pihak-pihak di mana pengimport-pengimport mengikatkan perjanjian jualan dengan pembeli-pembeli sebelum mereka membuat perjanjian untuk mengimport barang-barang tersebut. Ini merupakan dengan izin, "forward Commitment" di mana bahan yang berkenaan menelan perbelanjaan yang besar untuk diimport. Kalau dengan tiba-tiba sahaja Kerajaan mengenakan kadar duti import yang baharu terhadap bahan seumpama ini pengimport-pengimport tentu akan menghadapi

kesusahan kerana mereka terpaksa menjual bahan-bahan tersebut dengan harga yang lama.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga menyentuh tentang cara kutipan pembayaran ke atas perkhidmatan oleh Kerajaan. Saya perhatikan bahawa di Petaling Jaya Penguasa Tempatan telahpun memusatkan pusat kutipan hasil bagi menyenangkan pembayar-pembayar. Praktik dan amalan ini patut diperluaskan ke seluruh negara memandangkan dengan cara memusatkan pusat pembayar bil-bil, Kerajaan akan dapat menyenangkan sistem pembayaran bagi pengguna-pengguna. Selain daripada itu jika kita teliti berdasarkan kepada perbelanjaan yang perlu dibelanjakan yang merupakan tambang ataupun minyak kereta mereka pengguna-pengguna berulang-alik daripada satu tempat ke satu tempat yang lain untuk membayar bil-bil, kita akan dapat juga menjimatkan wang pertukaran asing kerana terdapat bahawa bahan minyak yang dikenakan perlu diimport.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali saya ingin menyentuh serba sedikit tentang langkah jimat cermat. Saya ingin membuat cadangan supaya Kerajaan pula memusatkan dan menyelaraskan kerja-kerja pemeriksaan rumah-rumah, kedai-kedai serta kilang-kilang di bawah satu agensi. Pendek kata Pegawai yang memeriksa bil letrik boleh juga memeriksa bil air, lesen-lesen TV, caruman-caruman kepada KWSP dan sebagainya. Dengan berbuat demikian kita dapat menjimatkan tenaga manusia, kerja-kerja yang biasanya dilakukan oleh enam, tujuh pegawai dapat diselaraskan oleh seorang pegawai sahaja dan pada sebelah petang pula pegawai yang berkenaan bolehlah menyampaikan bil-bil yang berkenaan kepada Jabatan-jabatan yang berkaitan untuk mengambil tindakan seterusnya. Masalah

kelebihan tenaga manusia mungkin timbul dalam cadangan ini. Untuk mengatasi masalah ini saya cadangkan supaya pihak Kerajaan boleh menempatkan semula pegawai-pegawai berlebihan ini ke dalam sektor-sektor hasil seperti Jabatan Kastam, pihak Polis dan sebagainya.

Setakat ini sahaja, Tuan Yang Dipertua, dan sekali lagi ingin saya menyuarakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Perbekalan 1983.

5.51 ptg.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar:
Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas kesempatan untuk membahaskan Belanjawan di dalam Dewan yang mulia ini yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Pertama sekali saya suka menyentuh Kementerian Perusahaan Utama iaitu yang telah menyentuh di dalam aktiviti pada tahun-tahun hadapan dan seterusnya iaitu di dalam bidang perlombongan, usaha terus dipertingkatkan bagi mencapai kestabilan harga logam khususnya timah, memastikan bekalan logam yang cukup di pasaran antarabangsa, menjamin keselamatan perlombongan dengan meneruskan usaha-usaha mewujudkan bentuk perundangan yang kemas-kini dan seragam.

Tuan Yang Dipertua, walau apapun konsep perancangan dan aktiviti pada masa hadapan, tetapi masalah pengalaman yang ada pada hari ini bersehubungan dengan kemelesetan ekonomi yang melanda dunia dan juga negara kita tidak terlepas, maka saya suka menyentuh akan nasib yang menimpa kepada beribu-ribu orang pekerja-pekerja lombong terutama sekali lombong-lombong kapal korek di mana baru-baru ini akibat daripada kuota bijih yang telah dikenakan maka

boleh dikatakan kebanyakan majikan-majikan kapal korek ini terutama sekali yang paling nyata PERNAS Charter Management yang banyak mempunyai kapal korek-kapal korek di seluruh negara telah bertindak mengurangkan waktu kerja dan ini mengakibatkan kurangnya pendapatan bulanan kepada pekerja-pekerja itu.

Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, tiga kategori pekerja ini yang sangat tenat dilanda oleh tekanan kurang kerja ini iaitu daripada 26 hari ke 20 hari sebulan.

Sebagai misal, yang dikatakan tukang-tukang yang pada masa dahulu mendapat pukul rata antara \$320 sebulan ke \$366, sekarang ini telah mendapat kurang akibat potongan hari waktu bekerja telah di antara \$96 ke \$109 sebulan.

Kategori yang kedua, penolong tukang yang kekurangan di antara \$68 hingga \$71 sebulan. Pekerja biasa yang lama mendapat kurangan di antara \$70.50 sebulan dan pekerja-pekerja baru mendapat kurangan pukul rata \$48.90 satu bulan. Kepada pekerja-pekerja di kategori ini yang kebanyakannya mempunyai anak yang ramai dan terletak di bawah pendapatan gaji di antara \$300, \$190 sebulan tekanan-tekanan kurangan waktu bekerja ini sangatlah dirasakan dan kita percaya pada masa ini ada di antara pekerja-pekerja ini yang menanggung beban sepuluh orang anak ataupun lapan anak terpaksa hanya cuma makan sekali sehari dan meresankan makanannya kepada bahan-bahan makanan ringan pada waktu sebelah malam.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya tidak meminta pihak Kerajaan untuk memberi subsidi kepada mereka ini, tetapi apa yang patut ditekankan di sini ialah bagi membuka mata pihak-pihak majikan ini yang telah berpuluh-puluh tahun mengaut keuntungan

bijih di negara ini, apakah sumbangan mereka ke arah untuk memperbaiki keadaan hidup dan memberikan bantuan di dalam keadaan meleset ini dan sekiranya keadaan ini berterusan hingga dua, tiga tahun lagi ke hadapan, mungkinlah tekanan-tekanan hidup mereka ini akan bertambah-tambah buruk lagi.

Saya suka menyarankan pihak Kementerian Perusahaan Utama ini akan dapat memanggil pihak-pihak majikan ini untuk sekurang-kurangnya mengesakan pihak-pihak majikan ini terutama sekali PERNAS Charter Management sebagaimana saya contohkan tadi, di dalam keadaan dan saat seperti inilah sepatutnya mereka membantu pihak Kerajaan bagi menyelesaikan masalah sosial yang sungguh menikam ini.

Tuan Yang Dipertua, saya faham pihak-pihak majikan ini tentu akan berdalih kerana mereka juga terlibat dengan kekurangan pendapatan tetapi sebaliknya pihak majikan ini haruslah menyedari bahawa mereka juga patut memotong perbelanjaan "luxury" mereka di dalam syarikat-syarikat ini dan sebaliknya memberikan bantuan-bantuan yang setimpal secara sosial obligation, dengan izin, kepada pekerja-pekerja mereka ini.

Pada masa ini ada ura-ura pihak Kerajaan Negeri-Kerajaan Negeri terutama negeri Perak sendiri yang akan memberikan kebenaran kepada majikan-majikan untuk memohon tanah-tanah yang masih belum digunakan supaya diberikan lesen tumpangan sementara kepada pekerja-pekerja itu tetapi ada beberapa kelemahan-kelemahan daripada keputusan-keputusan Kerajaan Negeri ini yang saya pandang kerana sekiranya lesen-lesen tumpangan sementara ini dikeluarkan atas nama majikan-majikan, tidak atas nama pekerja-pekerja mereka, kemungkinan suatu eksploitasi akan dilakukan oleh majikan-majikan yang

kecil pula mengaut kesempatan ini menanam dan mengusahakan tanah-tanah itu tanpa memberi peluang kepada pekerja-pekerja mereka. Jadi, dalam keadaan inilah kita berharap pihak Kerajaan supaya meneliti dengan rapi akan kebajikan pekerja-pekerja yang berpuluh-puluh ribu ini, yang kebanyakannya adalah rakyat yang sangat menyokong dasar Kerajaan dan membantu Kerajaan di dalam apa juga keadaan sedangkan di dalam keadaan yang tenat yang mereka hadapi ini, pihak majikan nampaknya membisu seribu bahasa terhadap tuntutan-tuntutan dan rintihan jeritan batin yang mereka alami pada saat-saat ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan untuk membincangkan masalah tadbiran tanah yang sehubungan dengan kuasa-kuasa yang ada di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya sangat mengalu-alukan langkah-langkah yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan masalah-masalah permohonan tanah yang beratus-ratus ribu "backlog" yang terdapat di Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara kita ini. Di dalam rangka penyusunan itu yang telah diumumkan ada beberapa cara dan pengumuman yang sangat-sangat saya ingin beri pandangan iaitu pihak Kementerian akan memberikan arahan supaya mempercepatkan proses permohonan tanah ini, maka akan diperkenalkan sistem untuk menjawab dalam tempoh dua minggu kepada setiap ulasan-ulasan daripada jabatan-jabatan yang berkaitan.

Tuan Yang Dipertua, sebagai pengalaman yang pernah berlaku di dalam negeri Perak sendiri, sistem ini pernah diperkenalkan tetapi apa yang kita perolehi sebaliknya ialah ada jabatan-jabatan yang dengan masalah-masalah jabatannya yang tersendiri mendapati surat-surat gesaan dalam

tempoh dua minggu ini tidaklah begitu diendahkan oleh beberapa sebab, maka dengan anggapan bahawa tiada jawapan dalam tempoh dua minggu bererti jabatan itu dianggap bersetuju dan tiada apa-apa ulasan, maka berlakulah apa yang sepatutnya tidak berlaku. Keadaan itu bertambah buruk di mana ada ulasan-ulasan yang sepatutnya diberikan tetapi tidak diberikan, ia menjadi pertelingkahan di antara jabatan-jabatan ini dan tidak mengendahkan kepentingan yang sedia wujud di atas tanah itu. Terjadilah pengeluaran industri-industri ringan, industri-industri perumahan tanpa menghiraukan adanya beberapa pengusaha secara T.O.L., pengusaha tanaman-tanaman yang berharga di atas tanah itu yang tidak mendapat perhatian oleh jabatan-jabatan terutama sekali Jabatan Tanah sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Jadi masalah memperkenalkan supaya menjawab ulasan-ulasan dari Jabatan-jabatan dalam tempoh dua minggu ini, saya rasa haruslah diberi perhatian yang berat.

Satu lagi ialah langkah-langkah untuk mengseragamkan pentadbiran dan juga peraturan-peraturan tanah negara di bawah Kanun Tanah Negara ini. Saya juga mengalu-alukan ura-ura beberapa pindaan-pindaan yang radikal dan progresif yang akan dilakukan kepada penyatuan Kanun Tanah Negara kita ini. Sememangnya kita telah berjaya sejak tahun 1966 yang lalu melalui usaha-usaha yang berpuluh-puluh tahun tidak dapat menyatukan akhirnya kita dapat menyatukan tanah kebangsaan bagi seluruh tanahair kita ini. Dalam segi ini, saya ingin menyentuh Akta Pengambilan Tanah, 1960 di mana dalam peruntukan Akta ini tidak ada menyebut pihak Kerajaan berkuasa untuk mengambil tanah oleh pihak Kerajaan berkuasa untuk mengambil tanah-tanah untuk kepentingan awam bagi tanah-tanah di dalam milik galian

ataupun mining lease atau mining certificate. Ini menjadikan suatu keadaan di mana kepentingan lebuhraya umpamanya daripada Ipoh ke Bidor terpaksa terlambat kerana kebanyakan tanah-tanah di antara Ipoh ke Bidor ini adalah terletak di dalam kawasan perlombongan yang amat luas dan tiap-tiap milik galian itu mempunyai tamat tempoh ataupun luput tempohnya yang berbeza-beza dan kalau ditunggu keseragaman untuk luput tempoh tiap-tiap milik galian ini menjadikan sampai hari kiamat pun kita tidak berkuasa untuk melalui tanah-tanah ini. Jadi dengan itu saya rasa adalah baiknya pihak Kementerian ini mengkaji semula Akta Pengambilan Tanah, 1960 dengan memasukkan kuasa-kuasa kepada Kerajaan supaya membolehkan pihak Kerajaan mengambil alih tanah-tanah yang terlibat untuk kepentingan awam bagi mempercepatkan lagi pembangunan dan infrastruktur di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan untuk menyentuh tajuk Jabatan Perdana Menteri. Salah seorang sahabat kita dalam Dewan ini telah menyentuh tentang kebimbangannya, tentang konsep menerapkan Islam bagi pemerintahan negara kita ini. Kebimbangan ini juga mungkin dirasakan yang sangat ketara oleh sahabat-sahabat kita yang bukan Islam. Saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh Perdana Menteri kita yang baru ini tidaklah dengan tergesa-gesa dan saya kira bukanlah revolusi Iran itu menjadi contoh kepada kebangkitan Islam. Jauh sebelum revolusi Iran itu telah tercetus satu revolusi kemanusiaan, satu revolusi tamaddun dunia yang telah membuka pintu zaman gelap di seluruh dunia ini dengan kebangkitan tamaddun Islam. Dengan ringkasnya, izinkan saya petik ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir di dalam

“International Conference on the problems confronting Islamic Dakwah and Strategy for the Future”, di mana dengan ringkas Dato' Perdana Menteri telah menjelaskan “Islam is spread by wisdom and strategy, wisdom to know and recognise our weaknesses as much as our strength and knowing this, to plan our strategy”.

Saya kira kalau Islam ini telah mendatangkan kebaikan dan perkembangannya dengan damai dan kesejahteraan, saya kira tidaklah perlu menjadi satu perkara yang menakutkan kepada kita, melainkan kita patut bersyukur bahawa walaupun penjajahan telah melanda, walaupun komunis telah tiba, walaupun apa coraknya tetapi negara Malaysia dengan ada beberapa juta umat Islam di negara ini telah dapat hidup dengan harmoni, jauh lebih harmoni dengan kasih sayang dan toleransi yang lebih jauh sempurna daripada negara-negara yang lain. Saya kira inilah intisari daripada konsep yang akan dibawa tidak mendatangkan kecederaan kepada orang-orang lain yang ada yang telah diterima sebagai warganegara di dalam negara ini.

Tuan Yang Dipertua, jurang pemisahan antara pembangunan jasmaniah dengan pembangunan rohaniah di negara kita masih jauh. Kita akui sebagai pembangunan bangsa yang tulin dan kita berterima kasih dan bangga dengan titik-berat yang diambil oleh pihak Kerajaan di dalam melaksanakan prasarana yang hebat-hebat serta mengagumkan seperti pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, universiti-universiti yang menyediakan pula Fakulti Pengajian Islam dan berbagai-bagai lagi, tetapi kita harus sedar, pembangunan rohaniah yang sejati dan menyeluruh tidak tinggal sekadar melengkapkan setiap umat Islam dengan pendidikan dan kesedaran menyeluruh hingga ke akar umbinya

secara berterusan. Jika tiada perengkapan yang berterusan ini dibuat, jadilah dia seperti menyediakan sebuah kem tentera dengan segenap peralatannya dan kemewahannya tetapi setiap anggotanya tidak diberi latihan bagaimana untuk menggunakan alat-alat itu, akhirnya akan kecewa di dalam perjuangan.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang Dipertua, kita juga harus mengkaji semula gerakan Musabaqah Membaca Al-Quran yang berjalan sejak 20 tahun yang lalu. Saya ingin mengingatkan pihak pemberita bahawa mereka harus berhati-hati untuk memahami akan ucapan saya ini, saya tidak bermaksud supaya Kerajaan menutup Musabaqah ini, tetapi mengkaji setelah 20 tahun semua patut kita kaji yang pada pendapat saya berbanding dengan kewangan tenaga dan masa yang begitu banyak kita curahkan sejak dari peringkat mukim ke daerah, ke negeri hingga ke antarabangsa.

Saya berpendapat tidak banyak memberikan kesan di dalam ertikata pertumbuhan serta pengkajian Al-Quran yang sebenar-benarnya hingga ke hari ini. Kita patutlah mencontohi negara jiran timur juga, tetapi ke selatan sedikit iaitu Indonesia, umpamanya telah mengadakan institut pengkajian Al-Quran yang berjaya melatih dan mengeluarkan ramai penghafas-penghafas Al-Quran setiap tahun di dalam jangka 3 tahun setiap tempoh pengkajiannya. Sayogia di pihak kita usaha ini pun patutlah kita buat supaya menyediakan guru-guru kelas bimbingan Al-Quran ini di peringkat kanak-kanak lagi untuk dapat melahirkan dan mencetuskan lebih ramai penghafas-penghafas Al-Quran ini, dengan itu kelak akan dapat mengisi ruang kekosongan yang begitu ketara terdapat pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya ingin menyentuh Kementerian Pelajaran iaitu di bidang tender-tender bagi membekalkan perabot-perabot bagi alat-alat mengajar umpamanya ataupun alat-alat persekolahan yang saya dapati hanya dibolot oleh seseorang pembekal sahaja untuk membekalkan alat-alat, kerusi umpamanya daripada Kuala Lumpur seorang pembekal terpaksa membekalkan ke seluruh pelusuk negara. Apalah salahnya di dalam semangat Dasar Ekonomi Baru ini diberi dan diagih nikmat kek ekonomi ini secara adil supaya saya kira dengan ini dapat menjimatkan perbelanjaan dan dengan itu dapat juga memberi rezeki kepada pemborong-pemborong, tukang-tukang kita yang ada secara kecil-kecilan. Saya kira Kementerian Pelajaran haruslah menyedari bahawa di seluruh negeri-negeri, di seluruh daerah-daerah ada diwujudkan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah dan bolehlah dipulangkan kuasa-kuasa membekal itu kepada budibicara dan bijaksana tiap-tiap Pengarah Pelajaran Negeri dan Daerah menguruskan segala bekalan-bekalan itu. Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, pernah kita dapati daripada Kuantan dibawa suatu barang sebesar kotak ini untuk dihantar ke suatu kampung yang jauh di Hulu Perak, ini sangatlah menghairankan kita, kenapa sistem tender dan pembekalan alat-alat sekolah ini terpaksa dilakukan demikian dibolot dan dimonopoli oleh seorang kontraktor sahaja.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Untuk menghormati Tuan Yang Dipertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong Belanjawan ini dan dengan izin Tuan Yang Dipertua, saya mengundurkan diri.

Timbalan Yang Dipertua: Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak.

6.15 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, saya tidak akan bercakap panjang pada petang ini oleh sebab menghormati masa.

Dalam kita membahaskan Budget tahun 1983, saya suka menyentuh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, iaitu sebagaimana Tuan Yang Dipertua faham ada beberapa buah persatuan alam sekitar yang menuntun pada Kerajaan supaya Kuala Tahan atau Tembeling tidak dijadikan ampangan elektrik, bahawasanya kalau sekiranya terjadi ampangan itu ia mengambil masa dan kawasan yang sangat luas, hampir 80 batu mudak daripada kawasan Tahan hingga ke Ulu Tembeling dan juga mengambil jauh jarak lebarnya tidak kurang daripada 2 batu pada setengah-setengah tempat dan ada setengah-setengah tempat mengambil jarak 10 batu atau lebih.

Tuan Yang Dipertua, Ulu Tembeling ialah satu tempat yang bersejarah di Pahang daripada wujudnya Kerajaan negeri pada masa pemerintahan Pahang dahulu, perang saudara sudah berlaku, maka pihak-pihak yang dahulu negeri inilah yang menaikkan semula Bendahara Wan Ahmad menjadi sultan Pahang dan puak-puak yang menyokong Almarhum Bendahara Wan Ahmad itu ialah puak Jelai, puak Lipis, puak Tembeling dan puak Tok Gajah, itu adalah suatu sejarahnya, Tuan Yang Dipertua. Kemenangan bagi pihak Sultan iaitu pihak Bendahara Wan Ahmad yang akhirnya beliau dilantik bergelar Sultan Ahmad Pahang. Dari tarikh 1892, maka luputlah Pemerintahan Bendahara bertukar kepada Pemerintahan Beraja yakni Bersultan.

Di Ulu Tembeling, Tuan Yang Dipertua, selain daripada tempat simpanan reserve hutan, kayu-kayu yang berharga yang berumur beribu-ribu tahun dan binatang-binatang yang asal dan asli masih tinggal di sana dan kalau sekiranya pihak LLN bercadang hendak membuat juga ampangan bagi kegunaan electricity, maka bahan-bahan purba yang masih ada itu akan tenggelam dan pupus dari muka bumi ini.

Tuan Yang Dipertua, pihak sekolah gambar sendiri mendapat beberapa perkara lama, barang-barang lama, batu-batu yang disahkan berumur lebih 2,000 tahun untuk kegunaan pesawah padi atau penanam padi pada zaman batu dahulu dan ada disimpan sekarang ini di Muzium Negara, iaitu benda yang belum banyak diambil atau dicarigali oleh pihak Muzium negara kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, mengapa kita setelah menerima bantahan daripada pemikiran-pemikiran yang sihat daripada luar dan dalam negeri supaya memelihara hutan-hutan juga khazanah lama yang ada di Ulu Tembeling tidak kita perkirakan baik buruk dari segi sejarah dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua, gerakan ini berlaku pada masa yang akhir-akhirnya ialah dengan keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu bagi mewujudkan satu sistem elektrik yang baik, yang murah daripada jana elektrik ataupun yang boleh menampung air daripada Sungai Jeram dan lain-lain, tetapi bila dibanding dengan harta yang ada, khazanah yang belum dibongkar, kayu yang ribu-ribu tahun akan mati dan juga tempat peluncuran daripada luar negeri akan musnah sama sekali, dengan demikian saya merayu pihak Kerajaan supaya membatalkan rancangan ini. Inilah sahaja tempat-tempat yang menjadi peluncuran di

dalam kawasan pendalaman bagi menengok, menyaksikan binatang-binatang hutan yang ganas, seperti gajah, beruang, harimau dan sebagainya dan ini termasyhur ke serata alam di Asia, di Eropah, Amerika dan lain-lain ke serata dunia bahkan perkara ini telah berlaku pada masa untuk hendak menyelamatkan 6-7 ekor badak, kita telah menjadikan Endau/Rompin sebahagian daripada khazanah negara, 6 ekor badak sahaja, Tuan Yang Dipertua, dan juga beberapa kayu yang lebih umur dan Kerajaan Persekutuan sanggup mengambil 85 ribu ekar tanah akan dijadikan hutan Negara (National Park) Endau/Rompin itu sebagai tambahan kepada Taman Negara.

Saya tidak bercakap di atas penduduk kampung itu. Sebagaimana saya dan tuan-tuan yang lain, kita sombong (proud) dengan tanah tumpah tempat di mana darah kita dilahirkan. Mencintai tanahair tempat tumpahnya darah kita yang mula-mula ke bumi, itu kita sifatkan tempat tumpah darah kita sendiri. Begitu juga orang-orang yang bukan Melayu, iaitu orang India dan Tionghua mungkin mereka beranak di India mereka lebih kasih negara India daripada yang dizahirkan di sini, sekalipun kita dapati di sini mewah, mereka masih tidak memutuskan zuriatnya di India itu sendiri, begitu tebal semangat cintakan tanahair walaupun negeri ini memberinya gambaran dan kedudukan yang baik tetapi mereka masih mengakui, "I am proud I am Indian, born in India", dalam pada itu mereka menghantar duit ke sana-sini. Tetapi Ulu Tembeling bukan sahaja ia masyhur kerana perhutannya, akan tetapi masyhur kerana barang-barang purba yang belum diteroka. Jadi saya minta Dewan ini khasnya dan kepada pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya bercakap sebagai seorang anak negeri itu, saya merasa

sedih jikalau kawasan yang sebegitu luas akan hanya dipenuhi oleh air sedangkan kita tidak mengambil kira melalui bicara isi purba yang masih terpendam. Mari kita siasat, mari kita carigali apakah yang ada dalam kawasan itu sendiri, sesudah kita dapati bahawa tidak ada apa hasil yang boleh dibanggakan, pada waktu itulah kita patut membuat satu ikhtiar, mencari jalan baik dengan persetujuan semua pihak. Ini bukan sahaja kebanggaan rakyat negeri ini terdiri dari orang India, orang Melayu, orang Cina, dibanggakan kerana melindungilah binatang-binatang purba, barang-barang sejarah—perbendaharaan negara yang kekal diabadikan untuk jenerasi kita masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, bantahan ini telah sampai ke pihak antarabangsa. Pihak antarabangsa itu telah memberi pandangan kepada kita dari segi mengekalkan kesan-kesan lama. Jadi saya appeal kepada Dewan ini, kepada pucuk pimpinan kita supaya membatalkan rancangan ini. Kita ada banyak anak-anak sungai lain yang boleh kita buat mini-hydro itu, anak-anak sungai lain boleh kita buat tetapi buat empangan secara besar-besaran begini kalau empangan itu pecah, sebahagian besar rakyat di bawah empangan itu akan karam dan mati. Kalau mereka itu mati, Kerajaan yang ada hari inilah yang bertanggungjawab. Ingat, kamu akan disoal nanti, apa kamu buat, apa kamu lakukan. Saya yakin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan Dato Musa adalah ahli agama yang menganut agama Islam yang tentu mereka percaya apa akibatnya yang tertulis dalam Quran menyatakan sedemikian. Oleh sebab perkara ini belum berlangsung, saya siang-siang memberitahu dan inilah kali pertama saya bercakap di dalam Dewan ini berhubung dengan Empangan Ulu Tembeling atau Empangan Tahan yang akan

dilakukan oleh LLN mengikut kemahuan dan kemajuan sekarang ini supaya dapat kita atasi masalah LLN, masalah api elektrik, tetapi kita tidak fikir kesannya yang akan timbul. Hampir 1/3 negeri Pahang akan lenyap ditimbusi air, di mana tempat duduk rakyat di kawasan pendalaman itu kelak, akan beriringlah mereka ke kawasan-kawasan FELDA sebagaimana yang dilakukan di Perak. Bertitisan air mata yang banyak mengenangkan nasib, rupa-rupanya manusia ini akan hinanya ialah kerana miskin, hina besi kerana karat, tetapi semasa kita berkuasa dengarilah pandangan dan rayuan rakyat, raungan rakyat dan saya tahu penduduk di Ulu Tembeling tidak akan berubah daripada berpindah dari Ulu Tembeling, kecuali dengan titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Biar hancur, biar hanyut—tidak akan berganjak, ini azam mereka. Begitu sekali padu azamnya dan bantahan dari luar yang menyayangi keadaan-keadaan itu.

Saya harap Dewan ini akan dapat menyampaikan, bahkan Menteri yang berkenaan kalau ada akan dapat merujuk kepada yang berkenaan. Marilah kita membincangkan masalah ini di antara kasih sayang di atas cinta kita kepada tanahair, bukan kita memandangi kemajuan yang merosakkan sebahagian besar dari apa yang kita ada di sini. Kita belum tahu, boleh jadi minyak ada di sana sebab kedapatan tanah-tanah yang dibakar boleh hidup apinya. Kita dapati bijih, kita dapati emas, tetapi tidak ada orang mencarigali mengesahkan wujudnya perkara-perkara itu di sana, dengan sebab itu tinggallah kampung pendalaman yang dikatakan Ulu Tembeling itu dengan keadaan sekarang, lebih-lebih lagi apabila Terengganu ada membuka jalan akan membuka bandar di Kampung Raja, di Ulu Terengganu, jauh Kampung Raja cuma sehari perjalanan dengan berjalan kaki. Kalau musim keadaan

boleh mengizinkan kita boleh sampai dalam masa 6 jam. Orang-orang Terengganu mewah dengan keadaannya dan sahabat-sahabat yang di Ulu Tembeling ini akan kucar-kacir pergi ke sana-sini dengan tidak ada dapat apa-apa. Kerajaan mengaku akan cuba memberi 10 ekar tiap-tiap satu keluarga, tetapi manalah sama, tempat jatuh lagi dikenang inikan pula tempat bermain.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya bangkitkan sedikit dalam masalah cukai Kerajaan kita. Kita terpaksa mencukai barang-barang dan setengah-setengahnya kita melepaskan cukai sesuatu barang dengan tujuannya kita boleh seimbangkan pembangunan kita. Pada konsep saya, kita harus tengok masa dan tahap, kalau keadaan dunia tidak begitu baik apa salahnya kita undurkan sedikit pembangunan kita sebab pemerintahan kita ini akan bersambung, dari kita kepada anak kita dan cucu kita. Rome tidak dibangunkan dalam satu malam, mengapa kita hendak cepat, kita gunakan tekanan, cukai sana, cukai sini dan setengah-setengah cukai itu pada pendapat ramai tidak adil tetapi kerana kasih kepada Kerajaan mereka mengaku walaupun dengan hati yang sebal.

Tuan Yang Dipertua, di mana lojiknya sedang kilang kereta kita akan dimulakan pada 1986 baru bermula, kita sudah menghadkan tahun 1983 dengan cukai yang tinggi. Cukai Mercedes Benz 300 \$12,000, kalau kepunyaan kompeni \$36,000, yakni 2 tahun kita bayar cukai kita boleh beli sebuah kereta baru.

Sekarang ini tidak ada siapa yang hendak membeli kereta "luxury", company yang beli barang secondhand pun tidak bersedia membeli kereta-kereta secondhand Mercedes Benz, tetapi bersedia menjual.

Apa sudah jadi ini, apa sebab kita buat sampai begitu keras. Ada cara lain yang kita boleh buat. Biar kita berjalan setapak demi setapak tetapi kita kukuh, jangan berlari 10 tapak tetapi kita cicir. Apa kita mesti membangunkan Kuala Lumpur dengan serta-merta? Rome was not built in a day, *dengan izin*, Rome tidak dibangunkan dalam satu hari. Sedangkan Tuhan sendiri membangunkan alam ini dengan satu ketika; Tuhan jadikan alam ini 2 malam, langit ini 2 malam, isi buminya dalam tempoh 2 malam dan tiap-tiap satu malam itu seribu tahun perhitungan manusia, jadi 6,000 tahun mengikut perhitungan manusia, baru sempurna alam ini. Mengapa Tuhan tidak jadikan serta-merta—"Kun" kata Allah, "fakayun" jawabnya—maka jadi kata Allah, maka jadilah ia. Maka itu patut kita belajar mengambil iktibar bagi kesenangan kita seluruhnya.

Saya tidak ada apa-apa komen mengenai "Pandang ke Timur" pada saya baik dan pandang ke Barat pun mana yang baik boleh ambil. Perkara-perkara yang semacam itu, saya tidak ada apa-apa, cuma menaikkan cukai sampai \$36,000 satu kereta company, \$24,000 orang perseorangan—mohon ditimbang kalau boleh ditarik balik. Kita sebagai Government kita percaya rakyat kita boleh pakai, kereta ini bukan lama, lepas 5 tahun dia condemnlah, kita beli kereta ala-Malaysia pun siap.

Tuan Yang Dipertua, Mesir sudah buat begitu. Fiat ambil daripada Italy, bila siap dipasangnya nama "Gamal Nasser". Saya ingat Tuan Yang Dipertua pun tahu, kereta itu tidak ubah kereta Fiat tetapi namanya dinamakan "Gamal Nasser", yakni kereta Buatan Mesir.

Jadi sekarang ini, bila bercakap dalam Dewan, Menteri kita jawab ini barang betul, saya support projek Dayabumi, UDA sudah mempelajari

bermacam-macam tetapi tidak sebut UDA berapa rugi. Tuan Yang Dipertua, ini keadaan yang saya hadapi, saya pun tidak lama lagi di sini, saya bukan hendak membalas dendam—tidak, saya hendak menengok projek Dayabumi ini berapa banyak Melayu bumiputera boleh masuk. Kalau tidak, indah khabar dari rupa.

Tuan Yang Dipertua, kita telah meletakkan batu asas supaya bersama di antara orang India, Cina dan Melayu, berapa sakit Tuanku Abdul Rahman buat hubungan ini sehingga Dato' Onn keluar daripada UMNO, akhir-akhirnya kita berjaya hingga sampai sekarang ini. Sekarang ini kita melakukan untuk semua kaum. Ada juga kawan-kawan kita hendakkan 10% sahaja untuk satu-satu kaum dan yang lain pula kata itu perkauman. Jadi saya mohon Kerajaan berhati-hati supaya kita tidak akan kerugian pada akhirnya, biar kita lambat. Rakyat tidak begitu berkehendakkan sesuatu barang terlampau cepat dengan keadaan yang ada hari ini. Bila kita sudah ada wang, bila kita sudah jual getah kita dengan harga yang baik, kita beri peluang kepada orang lain menggantikan rancangan yang gopoh-gapah kepada rancangan tersusun dan tidak membebankan rakyat dengan cukai-cukai baru yang membebankan.

Yang kedua, saya minta supaya jangan timbul hasad dengki pemimpin-pemimpin kita. Kalau sekiranya pemimpin-pemimpin kita ada hasad dengki, benci, Allah akan laknati mereka, dunia akan jadi kucar-kacir. Dengan sebab itu kita mesti berbaik dengan semua sekali, kita mesti ingat yang lama, kita cari yang baru supaya keadaan ini boleh stabil, tunjukkan yang baru, jangan yang lama. Saya masih ingat, Tuan Yang Dipertua, apabila Tunku Abdul Rahman keluar dari Jeddah sebagai Setiausaha Agung yang pertama pergerakan negara-negara Islam, dia

balik ke sini cuma disambut oleh lebih kurang 6 orang sahaja, setelah beliau berkhidmat di Jeddah selama 4 tahun, disambut oleh 6 orang sahaja kawan karibnya di Subang dan walhal beliau pergi sebagai mewakili negara kita menjadi Setiausaha Agong Negara-negara Islam yang tempatnya sekarang diduduki oleh Habib Chatty yang baru datang melawat ke Malaysia baru-baru ini. Jadi

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Jadi sebelum saya mencukupi masa saya, Tuan Yang Dipertua, saya hendak beritahu lagi satu iaitu saya menyokong Bil ini, akan tetapi kalau boleh Kerajaan timbangan, cukai itu biarlah rendah sedikit. Ini boleh dibuat kerana kita potong mana yang tidak betul, kita boleh adjust. Jadi kalau sekiranya dapat dibuat macam itu lagi 5 tahun kita dapatlah satu jenis kereta dalam negeri kita ini tetapi dasar kita bebas, tetapi bebas ini secara tekan.

Tuan Yang Dipertua, inilah saya merayu kepada Dewan ini, kepada Yang Berhormat Menteri, tolonglah kurangkan sedikit, \$36,000 ini banyak—hendak bankrup, Tuan Yang Dipertua. Harga getah kalau tidak laku lagi dalam 2-3 tahun ini, 6 company besar akan lingkup—tidak boleh maintain. Jadi apa salahnya kita mengambil, tersalah dahulu tidak jadi hal, tidak malu kita. Tanda kasih kita kepada rakyat kita turunkan sedikit, sekurang-kurangnya kita maintain yang lama sehingga Malaysian car get ready, sama ada atapnya itu atap kereta lembukah, atau rodanya roda emaskah, itu kita tengok. Jadi pada masa ini saya mohon, oleh kerana Tuan Yang Dipertua suruh saya duduk, hanya sekianlah, terima kasih banyak.

6.38 ptg.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang Dipertua, saya bangun turut sama menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1983. Walaupun demikian, izinkan saya untuk bercakap dengan seberapa ringkasnya bagi mematuhi arahan Tuan Yang Dipertua.

Belanjawan tahun hadapan boleh dikatakan sesuai dengan keadaan ekonomi negara kita sekarang ini. Bagi rakyat di negeri Sarawak terutamanya golongan yang berpendapatan rendah, tidak ada yang hendak dibantahkan walaupun melibatkan mereka sedikit sebanyak secara tidak langsung atas cukai-cukai yang dikenakan. Umpamanya cukai jualan dan sebagainya kerana mereka juga sedar sebagai rakyat yang cintakan negara sudah tentu sanggup berkorban sedikit sebanyak di mana negara-negara mengalami kesulitan khususnya seperti keadaan ekonomi pada masa sekarang ini. Kita memang setuju seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Belanjawan 1983 bermaksud meneruskan pertumbuhan ekonomi yang menasabah dan membendung kenaikan harga serta Kerajaan terus membiayai infrastruktur di berbagai bidang dan kemudahan-kemudahan awam, umpamanya bagi negeri Sarawak peruntukan untuk Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak dan lain-lain lagi bagi projek-projek luar bandar.

Di sini suka saya menyentuh di bidang pembangunan bagi negeri Sarawak yang berkait dengan Kementerian Pertanian di mana secara langsung rakyat yang miskin di luar bandar terlibat dengannya. Peruntukan pembangunan bagi penyelidikan pertanian rancangan bantuan lada hitam, mempelbagaikan pertanian, projek kebangsaan dan rancangan subsidi sugu yang

berjumlah semuanya \$19,465,010 bagi anggaran tahun 1983. Ini berkurangan sebanyak \$5,498,520 jika dibandingkan dengan anggaran tahun 1982 seperti diterangkan dalam Kertas Perintah No. 21/82 bagi Anggaran Perbelanjaan 1983. Kelima-lima butiran atau projek yang saya terangkan itu tadi didapati kesemuanya kurang daripada anggaran tahun 1982.

Bagi Penyelidikan Pertanian hanya mendapat tanda \$10 sahaja sedangkan Anggaran bagi Tahun 1982 sebanyak \$1,488,000. Jika dilihat dari Anggaran 1981-1985 yang terdapat di muka surat 174, Buku Belanjawan Persekutuan 1983 sebanyak \$5,000,000 untuk tempoh masa lima tahun dari 1981-1985. Di sini ingin saya mengesyorkan kepada Kementerian Pertanian supaya mengkaji semula peruntukan pembangunan kepada kelima projek yang saya terangkan itu tadi supaya di bidang pertanian bagi kepentingan rakyat dapat dipertingkatkan lagi sejajar dengan hasrat Kerajaan bagi mempertingkatkan taraf hidup pekebun-pekebun kecil, khususnya di negeri Sarawak.

Bagi rancangan bantuan lada hitam mendapat sebanyak \$4,297,000 kurang daripada \$1,807,000 daripada anggaran 1982. Ini sudah pasti tidak begitu menggalakkan bagi penanaman lada hitam di negeri Sarawak sedangkan harga baja yang sangat diperlukan oleh penanam lada hitam di luar bandar tidak turun dan kekurangan anggaran peruntukan kepada rancangan bantuan lada hitam bagi tahun hadapan mungkin juga boleh mengurangkan lagi pengeluaran lada hitam dari Sarawak yang dieksport. Saya berpendapat walaupun harga lada hitam seperti sekarang ini tidak begitu menggalakkan, pihak Kerajaan hendaklah memberi galakan dengan memberi bantuan yang berpatutan

serta jika boleh biarlah hasil lada hitam dari negara kita ini dapat dipertahankan.

Berbalik saya kepada mempelbagaikan pertanian yang mendapat anggaran peruntukan sebanyak \$3,000 juta iaitu kurang hampir \$1 juta daripada anggaran tahun 1982. Untuk mempelbagaikan pertanian, umpamanya, memberi bantuan benih-benih buah-buahan yang mengeluarkan hasil yang baik seperti rambutan, mangga, limau dan lain-lain lagi. Sepatutnya lebih digalakkan lagi dengan adanya banyak buah-buahan tempatan sudah tentu buah-buahan dari negara lain dapat dikurangkan. Ini juga boleh menjimatkan pertukaran wang asing yang boleh menjejaskan ekonomi negara.

Bagi rancangan subsidi sagu pula, jika mengikut anggaran bagi tahun 1981-1985 berjumlah \$4,175 juta, pada anggaran tahun hadapan ialah \$1 juta. Rancangan subsidi sagu ini adalah baru sahaja dimulakan, jika saya tidak silap pada tahun 1981. Tepung sagu salah satu hasil pertanian yang dieksport di samping makanan rakyat tempatan di Sarawak. Sagu adalah satu tanaman yang kekal dan tidak banyak musuh. Sekarang terdapat beberapa buah kilang memproses sagu di Bahagian Ketiga negeri Sarawak. Saya berharap di samping bantuan seperti benih-benih sagu dan alat-alat perkakas, maka bantuan untuk membuat parit juga hendaklah diberi pertimbangan kerana apa yang saya tahu kebun-kebun sagu yang baru sekarang ini jauh dari ulu-ulu anak sungai. Dengan adanya parit yang sederhana besar penanam-penanam sagu juga dapat menanam tanaman yang sesuai di samping itu. Parit-parit seperti ini sangat diperlukan bagi membawa batang-batang sagu keluar dari kawasan tanaman sagu. Tanpa parit atau sungai batang sagu dari kebun sagu yang berjauhan sukar untuk diambil. Di sini suka saya

mengesyorkan kepada pihak berkenaan supaya satu kajian untuk tanaman nenas secara besar-besaran hendaklah dibuat sekarang di Sarawak, supaya negeri Sarawak juga boleh mengeksport nenas dalam tin. Apa yang saya tahu nenas negeri Sarawak lebih manis daripada nenas negeri Johor

Timbalan Yang Dipertua: Betulkah?

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Betul. Sekarang dengan siapnya pelabuhan dalam Tanjung Kendurung, kemudahan-kemudahan untuk mengeksport segala pengeluaran dari negeri Sarawak adaah menggalakkan.

Menyentuh Jabatan Penerbangan Awam Sarawak, di sini terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat bagi memberi anggaran peruntukan pembangunan Lapangan Terbang Kuching peringkat ketiga, bangunan persinggahan baru dan pembangunan semula dan Lapangan Terbang Miri dan Sibu yang berjumlah \$36,000 juta lebih yang diuntukkan kepada JKR bagi membuatnya. Apa yang menjadi perhatian saya, nasib lapangan terbang luar bandar termasuk Lapangan Terbang Kecil Mukah yang hanya mendapat tanda \$10 sahaja. Sedangkan anggaran pada tahun 1982 sebanyak \$300,000 tidak dibelanjakan sebagai yang sepatutnya. Apa yang saya tahu wang itu ditarik balik dan digunakan untuk projek di lain tempat. Oleh itu, saya mendesak pihak yang bertanggungjawab supaya anggaran peruntukan sebanyak \$300,000 pada tahun hadapan hendaklah diberi kepada projek Lapangan Terbang Mukah sebagai mengganti peruntukan tahun 1982. Lapangan Terbang Mukah ini dibuat di masa penjajah dahulu sebelum Sarawak merdeka. Semenjak itu sampai sekarang ini saya tidak nampak apa-apa perubahan dibuat. Kepada

rakyat di sekitar pekan Mukah perhubungan menggunakan udara adalah sangat diperlukan untuk ke Sibu, Bintulu dan Miri. Begitu juga penumpang-penumpang yang hendak datang ke Mukah kerana perhubungan jalan raya sekarang ini belum ada lagi. Perhubungan menggunakan sungai juga begitu jauh dan mengambil masa yang lama. Apa yang selalu dialami oleh penumpang-penumpang pesawat Twin Otter dan BN2 dari Mukah ke tempat-tempat yang tertentu mahupun yang hendak ke Mukah masalah penerbangan selalu dibatalkan dengan tiba-tiba disebabkan Lapangan Terbang Mukah becak disebabkan hujan turun, lebih lagi di masa seperti sekarang ini hari selalu hujan. Masalah Lapangan Terbang Mukah ini pernah beberapa kali kedengaran dalam Dewan Rakyat dan dalam Dewan yang mulia ini sampailah ke hari ini. Seperti yang saya katakan awal tadi anggaran peruntukan untuk lapangan terbang itu sekarang pun kita boleh lihat dalam buku Belanjawan 1983 mencatatkan wang sebanyak \$300,000 untuk anggaran tahun 982, malangnya anggaran peruntukan itu tidak dibelanja untuk lapangan terbang tersebut. Ini sangat mendukacitakan rakyat di daerah itu.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu menerangkan kerugian yang sentiasa berlaku bagi MAS.

Di sini saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan itu bercadang jika sekiranya syarikat swasta yang mahu mengambil alih perkhidmatan MAS boleh diberi pertimbangan untuk mengelakkan kerugian seperti yang dialami oleh MAS selama ini.

Menyentuh Kementerian Perusahaan Utama bagi Anggaran Peruntukan Pembangunan yang diberikan kepada Negeri Sarawak di

dalam beberapa butiran berjumlah semua \$380,000. Nampaknya pada tahun hadapan anggaran peruntukan jauh berkurangan jika dibandingkan dengan Anggaran Peruntukan Pembangunan 1982. Oleh itu, saya berharap mendapat penjelasan daripada pihak berkenaan. Apa yang kita tahu negeri Sarawak salah sebuah negeri yang mempunyai kawasan hutan yang begitu luas dan jenis-jenis pokok hutan pula bermacam-macam terdapat di hutan negeri itu. Oleh itu, segala tugas dan usaha penyelidikan kayu adalah sangat-sangat diperlukan. Bagi menentukan jenis-jenis pokok yang boleh digunakan dan juga yang boleh cepat membesar bagi kepentingan di masa hadapan, kerana keadaan penebangan hutan untuk balak yang banyak memberi faedah kepada hasil Kerajaan harus dipertingkatkan lagi supaya hasil hutan di seluruh negara ini tidak pupus. Hutan atau pokok-pokok hutan adalah satu perkara yang sangat-sangat diperlukan oleh rakyat, khususnya rakyat luar bandar. Banyak rakyat di kawasan pedalaman masih lagi bergantung mata pencarian daripada memungut hasil hutan termasuk seperti rotan, damar dan sebagainya. Di samping itu juga hutan sangat diperlukan untuk tempat kehidupan binatang-binatang liar.

Saya yakin pihak berkenaan khususnya di negeri Sarawak mengawal hutan dengan seberapa baik yang boleh kerana hutan apabila sahaja ditebang pokok-pokok besar tentulah pokok kecil tidak dapat tumbuh dengan cepat dan banyak juga yang kena rosak walaupun ada pokok-pokok yang boleh ditanam cepat membesar tetapi tidak dapat digunakan oleh rakyat yang miskin seperti membuat rumah dan sebagainya. Oleh itu, latihan teknik penyelidikan hutan dan memberi latihan kepada penjaga-penjaga hutan sangatlah diperlukan.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh bahagian Polis di-Raja Malaysia mendapat anggaran peruntukan tahun hadapan berjumlah \$1,329,844 berkurangan sebanyak lebih daripada \$400 juta. Di bidang Pembangunan mendapat anggaran sebanyak \$528 juta kurang hampir \$200 juta daripada anggaran tahun ini. Memang kita akui tugas dan peranan pasukan polis di negara kita ini begitu baik sekali, khususnya di bidang keselamatan negara. Pada hari ini pada keseluruhannya keadaan dalam negara kita ini boleh dikatakan aman sejahtera. Walaupun demikian, tugas-tugas dan perkhidmatan Polis juga masih sangat diperlukan bagi memberi perlindungan kepada negara yang sedang membangun seperti kita sekarang ini. Kita juga mengucapkan tahniah kepada tugas-tugas ahli Ikatan Relawan Rakyat yang boleh membantu pihak keselamatan yang lain di dalam banyak bidang.

Nampaknya anggaran peruntukan untuk Ikatan Relawan Rakyat pada tahun 1983 dikurangkan daripada anggaran peruntukan tahun 1982 ini. Di sini ingin saya mengesyorkan kepada pihak berkenaan supaya Ikatan Relawan Rakyat diperbesarkan lagi. Ini salah satu cara memberi semangat kepada rakyat yang menumpahkan taat setia kepada bangsa dan negara sedikit sebanyak mengorban masa dan tenaga untuk berlatih sebagai ahli-ahli Ikatan Relawan Rakyat.

Seperti yang diketahui dengan peruntukan pembangunan bagi tahun hadapan Balai-balai Polis dan rumah-rumah kediaman di daerah kecil di negeri Sarawak akan dibina. Saya rasa langkah ini sangat sesuai mengikut keadaan di banyak tempat, pekan baru muncul di negeri Sarawak. Tugas-tugas Polis sebagai pegawai keamanan polis juga banyak menolong di bidang yang diperlukan oleh rakyat, kerana ahli-ahli Polis di

peringkat tinggi hinggalah ke peringkat rendah orang yang mempunyai disiplin yang dapat memberi khidmat nasihat kepada rakyat. Memang terdapat juga segolongan rakyat masih berpendapat ahli-ahli Polis itu bertugas untuk memberkas orang yang melanggar undang-undang sahaja. Saya yakin dengan adanya Balai-balai Polis baru di kawasan daerah kecil luar bandar, ahli-ahli Polis dapat memberikan bimbingan bagi menyedari rakyat yang kurang faham atas tugas-tugas dan tanggungjawab Polis. Dengan adanya sikap yang baik seperti ini, saya yakin rakyat luar bandar dapat berdamping dan memberi kerjasama yang diperlukan oleh Polis.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Sekian, terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma dapat memberi dua orang sahaja untuk bercakap tetapi dengan syarat 15 minit bagi seseorang, kerana kita terpaksa memberhentikan persidangan kita pada pukul 7.30 malam. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Tuan Ishak bin Abdul Rahman, berucap 15 minit.

6.58 ptg.

Tuan Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk berucap bagi menyokong Rang Undang-undang yang bertajuk satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang yang disatukan bagi perkhidmatan bagi tahun 1983.

Tuan Yang Dipertua, untuk menghadapi kemelesetan ekonomi dunia dan ekonomi negara, memanglah wajar Kerajaan bersiap

sedia mengambil langkah-langkah yang perlu dan kemelesetan ekonomi itu juga adalah menyentuh negara kita sebagai sebuah negara Malaysia yang sedang membangun dan rakyat haruslah sentiasa bersiap sedia supaya projek-projek pembangunan yang telah dirancangan dapat berjalan dengan lancarnya. Langkah bijak yang diambil oleh Kerajaan sekarang semata-mata mengelakkan kejatuhan ekonomi yang lebih teruk lagi. Rakyat negara ini perlulah bersama-sama dengan Kerajaan untuk menghadapi kemelesetan ekonomi dunia yang mana terlibat dengan secara langsung menjejaskan ekonomi negara. Ini adalah satu pelajaran dan satu pengalaman yang memerlukan seluruh rakyat bersama-sama dengan Kerajaan mengambil langkah positif supaya sedikit sebanyak dapat membendung kemelesetan ekonomi sekarang ini. Langkah bijak Kerajaan dengan memotong sebahagian daripada peruntukan adalah diharapkan keperluan rakyat umum untuk menikmati kemudahan-kemudahan asas tidak akan terjejas. Begitu juga pembangunan-pembangunan pembinaan sekolah-sekolah, klinik-klinik, tempat-tempat ibadat dan pembangunan lainnya akan dapat diteruskan mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua, dengan kejatuhan ekonomi dunia hasil-hasil eksport juga turut terjejas. Harga bahan mentah turun dengan teruknya mengakibatkan pengusaha kelapa, getah, kelapa sawit mengalami kekurangan pendapatan. Kerajaan hendaklah berusaha supaya lebih banyak kilang-kilang memproses bahan-bahan mentah yang diproseskan dalam negara kita sendiri.

Dalam keadaan menghadapi kemelesetan ekonomi, saya berharap supaya tumpuan hendaklah juga diberi kepada kaum petani yang menghasilkan sebahagian daripada

bahan makanan utama negara ini. Usaha-usaha hendaklah dijalankan supaya tanah-tanah terbiar yang banyak terdapat di seluruh negara supaya tanah-tanah itu tidak akan bertambah dari setahun ke setahun.

Selain daripada usaha Kerajaan memberi kemudahan pinjaman subsidi dan kemudahan-kemudahan asas yang lain, Kerajaan hendaklah juga berusaha supaya petani-petani kita mengubah sikap mereka iaitu ke arah menjadi seorang petani moden yang menggunakan alat-alat jentera moden. Kegunaan tanah dapat digunakan dengan lebih ekonomik. Tanaman selain daripada padi patutlah juga digalakkan kepada petani-petani kita.

Dengan penambahan penduduk sekarang, petani-petani hanya mengerjakan keluasan tanah yang amat terhad. Untuk menambah hasil padi yang lebih baik dan melahirkan petani moden serta mengelakkan daripada serangan penyakit-penyakit yang sedang berluasan sekarang, pada mana-mana kawasan pertanian yang perlu dan yang sesuai Kerajaan hendaklah berusaha supaya mewujudkan satu kawasan tanaman padi yang berbentuk estet.

Saya menyokong saranan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, Perdana Menteri kita yang diucapkan oleh beliau di Sungai Burung, Balik Pulau, Pulau Pinang pada 20hb September, 1982, supaya penanaman padi secara estet ini diwujudkan. Dan satu percubaan telahpun dijalankan di satu kawasan seluas 350 ekar di Seberang Perai. Memang dengan cara estet ini kita dapat menjimatkn tenaga pekerja dan dapat membanyakkan hasil yang diperlukan. Dalam percubaan itu pihak syarikat yang telah mengadakan usaha itu hanya memerlukan tenaga pekerja seramai 17 orang lelaki dengan seluas tanah 350 ekar dan 15 perempuan sahaja untuk mengerjakan tanah berbentuk

estet ini dan hasilnya telah didapati 450 kepada 500 gantang pada satu ekar. Berkait dengan ini Yang Berhormat Menteri Pertanian patutlah mengambil tindakan dan memberi kemudahan-kemudahan asas, kemudahan-kemudahan untuk mewujudkan beberapa estet yang perlu dalam usaha Kerajaan menghapuskan tanah-tanah terbiar yang ada di Pulau Pinang khasnya dan di lain-lain negeri yang berkait dengan tanah terbiar itu.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Pulau Pinang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah banyak membawa dan memberi peruntukan-peruntukan yang telah lalu seperti dengan siapnya Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan pembinaan-pembinaan jalan Persekutuan dan sekarang ini Kerajaan sedang menghadapi satu pembinaan jambatan yang menyambung Pulau Pinang dengan tanah besar Semenanjung yang menelan belanja sebanyak \$600 juta yang mana dijangka siap pada tahun 1985 nanti. Sekarang projek tersebut telah siap 28% daripadanya. Saya berharap walaupun kemelesetan ekonomi negara yang sedang dialami sekarang ini, projek ini akan dapat disiapkan pada jangka masa yang ditetapkan iaitu pada tahun 1985.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan dalam usaha pembinaan jambatan Pulau Pinang ini yang mana perhatian yang sungguh-sungguh dan tindakan yang sesuai hendaklah diambil supaya tuanpunya tanah yang terlibat yang mana tanah mereka telah diambil oleh Kerajaan untuk projek ini seramai 152 keluarga itu dapat pembelaan yang sewajar daripada Kementerian yang berkenaan yang mana mereka itu terdiri daripada 107

keluarga Melayu, 33 keluarga Cina dan 12 keluarga India. Mereka ini belum dipindahkan lagi daripada tempat asal mereka yang akan menjadi sebahagian daripada tapak yang akan mewujudkan jambatan untuk menyambung Pulau Pinang dengan Tanah Besar Semenanjung ini. Keluarga yang seramai 152 ini telah diarahkan berpindah ke satu kawasan sejauh kira-kira 11 km daripada tempat asal mereka dan adalah menjadi satu kesusahan kepada mereka ini kerana tempat yang sejauh 11 km iniuduknya dan letaknya di kawasan jauh daripada tempat asal mereka dan tidak ada kemudahan-kemudahan asas seperti mana mereka alami sebelum itu dan kawasan yang mereka tinggal sekarang ini adalah sebahagian daripada tanah pesaka daripada datuk nenek mereka sendiri, duduknya pula dalam Kawasan Perusahaan Bebas Prai. Bayangkanlah bagaimana mereka tinggal di kawasan bandar, kawasan perusahaan akan tinggal di kawasan luar bandar yang jauh daripada kemudahan-kemudahan asas. Adalah juga bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan iaitu akan menyusun semula masyarakat yang mana akan melibatkan 107 keluarga Melayu yang tinggal dalam kawasan bandar akan dipindahkan ke kawasan luar bandar.

Sepertimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain tadi tempat jatuh lagikan dikenang, inikan pula tempat bermain. Mereka ini telah rela menyerahkan sebahagian daripada tanah pesaka datuk nenek mereka untuk projek Kerajaan dan sepatutnya mereka ini dapat perhatian daripada Kerajaan. Saya berharap Kementerian yang berkenaan bersetuju dengan seranan yang disarankan oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu satu kawasan tanah yang dipunyai oleh P.D.C. dalam kawasan perusahaan Prai itu ditukarkan dengan tanah yang diuntukkan oleh

Kementerian di kawasan Juru yang 11 km jauh daripada tempat asal mereka itu. Jadi, saya kira kalau sekiranya pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan perbincangan dengan begitu cermat maka masalah itu tidak akan timbul dan saya yakin bahawa rancangan untuk menyiapkan projek pembinaan Jambatan Pulau Pinang itu dapat disiapkan pada jangka masa yang ditentukan. Ada kenyataan-kenyataan bagi satu pihak yang lain mengatakan bahawa masalah kedegilan penduduk-penduduk tersebut maka usaha memindahkan penduduk itu tidak dapat dijalankan. Pada hemat saya dan tinjauan saya soal kedegilan tidak timbul dan mereka ini telah rela menyerahkan tanah mereka yang begitu berharga yang telah dibayar oleh Kerajaan hanya \$1.20 hingga ke \$2.90 satu kaki, padahal tanah di kawasan itu ialah \$8.00 hingga kepada \$12.00 kepada satu kaki persegi. Jadi itulah harapan saya supaya masalah Kerajaan Persekutuan tidak pula akan menjadi beban kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil alih tindakan memindahkan dan masalah timbul kepada tuanpunya asal tanah yang terlibat dengan pembinaan jambatan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya agak masih ada masa sedikit lagi. Saya suka menyentuh sedikit mengenai dengan Kementerian Pelajaran. Walaupun kita sedang menghadapi zaman kemeselehan ekonomi tetapi adalah diharapkan supaya pembinaan-pembinaan sekolah dan tempat-tempat mempelajari dan menyampaikan pelajaran kepada anak kita tidak akan terjejas. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran kerana langkah-langkah yang positif telah diambil bagi mewujudkan beberapa kawasan, beberapa daerah Pengarah-pengarah Pelajaran di peringkat daerah, kecuali barangkali negeri

Perlis yang mana wakil daripada Perlis tadi menyatakan belum diwujudkan lagi Pengarah-pengarah Pelajaran peringkat daerah ini. Selain daripada itu, saya harap pihak Kementerian patutlah juga mengambil tindakan untuk membanyakkan lagi dan membuka peluang yang lebih banyak kepada kalangan guru-guru dan kalangan Perkhidmatan Pelajaran supaya peluang-peluang kenaikan pangkat lebih banyak diadakan dari masa ke semasa.

Seperti yang kita sedia tahu bahawa pihak Kementerian boleh mengadakan golongan-golongan daripada Perkhidmatan Pelajaran untuk menjadi Atasi di Kedutaan kita di luar negeri dan begitu juga untuk menjadi warden ataupun pengawas-pengawas murid yang berasrama di luar-luar negeri dapat diambil daripada kalangan-kalangan Perkhidmatan Pelajaran tidak seperti sekarang ini kebanyakannya diambil daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam. Dengan cara demikian, akan memberi galakan kepada warganegara ini yang berkhidmat dalam Jabatan Pelajaran peluang naik pangkat yang lebih dan akan menjadi dorongan kepada kakitangan kerajaan di bahagian ini untuk berlumba-lumba menjalankan tugas pada dasar yang kita sedia ada iaitu dengan bersih, cekap dan amanah. Dengan peluang-peluang naik pangkat ini tidaklah menjemukan guru-guru dan kalangan di jabatan ini dalam satu-satu jawatan yang mereka tempuh seperti sekarang kita dapati ada di antara guru-guru kita yang berkhidmat sehingga hampir akan tamat perkhidmatan mereka itu baru naik pangkat tingkatan khas, setengah daripada setengah memegang selama 6 bulan sahaja mereka akan bersara.

Dalam usaha kita melaksanakan sistem 3M juga Kerajaan patutlah mengambil tindakan yang perlu dalam usaha kita melaksanakan dasar

pelajaran ini. Ini suatu usaha yang Kerajaan sedang menjalankan berperingkat tetapi tidak begitu memberi kesan yang lebih kepada sekolah-sekolah di luar bandar Kerajaan hendaklah mengadakan bahan-bahan yang mudah untuk 3M dan Kementerian Pelajaran patutlah mengadakan pusat sumber yang lebih banyak di tiap-tiap daerah dan di tiap-tiap kawasan yang perlu terutamanya kawasan-kawasan luar bandar. Pusat-pusat sumber ini akan banyak memberi kesan kepada murid-murid untuk menilai dan menerima pelajaran menerusi kemudahan-kemudahan yang ada seperti video-tape, kamera-kamera yang mudah dan filem-filem dan sebagainya.

Begitu juga mengenai dengan dasar 3M juga murid-murid kita akan menumpu banyak pandangan kepada bacaan, mengiraan dan menulis. Dalam usaha ini Kementerian sekarang sedang berusaha dalam pembinaan sekolah-sekolah baru untuk mewujudkan bilik yang lengkap, bilik-bilik perpustakaan, bilik-bilik TV, bilik-bilik sembahyang dan sebagainya dan tidak ketinggalan juga usaha-usaha patutlah Kerajaan mengambil tindakan supaya bilik-bilik perpustakaan dan alat-alat perpustakaan itu dikemaskini.

Terdapat sekarang guru-guru perpustakaan yang mengawasi perpustakaan ditugaskan untuk mengajar sepertimana guru-guru biasa, pada hal tugas guru-guru perpustakaan ini adalah tugas yang paling berat. Kalau untuk hendak mewujudkan satu perpustakaan yang lengkap, satu perpustakaan yang betul-betul mengikut sistem yang dikendalikan oleh Perpustakaan Umum di negara kita ini, maka guru-guru yang berkenaan tidak dapat mengendalikan perpustakaan yang begitu lengkap kerana masa yang terhad. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran

dapat mengadakan guru khas atau pegawai khas yang bertugas mengenai dengan perpustakaan.

Timbalan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

Tuan Ishak bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua, dan sekarang saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1983.

Timbalan Yang Dipertua: Tuan Paramjit Singh.

7.13 ptg.

Tuan Paramjit Singh: Tuan Yang Dipertua, pada hari ini saya bangun untuk bersama-sama menyokong atas dasar peruntukan Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, inilah pertama kalinya kita sedang menghadapi kemelesetan. Walau bagaimanapun, saya merasa bangga mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita telah mempersembahkan satu Belanjawan yang pragmatik. Saya berkeyakinan bahawa Belanjawan ini akan mendorong pembangunan yang memuaskan di dalam ekonomi kita dan kita akan melalui masa kemelesetan ini dengan sederhananya. Kita juga semua maklum bahawa kemelesetan ini adalah suatu perkara antarabangsa dan para pakar ekonomi dunia juga telah menghadapi akibat-akibatnya.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk membawa kepada perhatian Tuan beberapa masalah yang dihadapi oleh negara kita ini.

Pertamanya, saya akan memulakan dengan masalah dadah yang serius yang sedang dihadapi oleh negara kita

ini. Beratus hingga beribu daripada pemuda kita terlibat dalam masalah dadah ini. Saya merasai undang-undang kita pada masa sekarang adalah tidak begitu memuaskan bagi menyelesaikan masalah ini. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan kita membentuk suatu Suruhanjaya Khas bagi memeriksa atau menyemak semula undang-undang berhubung dengan salah penggunaan dadah ini.

Saya juga ingin mencadangkan supaya mahkamah-mahkamah khas ditubuhkan di mana semua kes-kes dadah ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh. Ini akan membolehkan para penghisap dan pengedar dadah yang telah dituduh didakwa secepat mungkin dengan tidak diberi peluang bagi mempengaruhi rakan-rakan dan juga ahli-ahli yang lain di dalam golongannya itu. Pada masa sekarang apabila seseorang dituduh kesalahan dadah, masa selama 6 bulan hingga setahun diambil sebelum pengadilannya itu diakhiri. Pada masa itu si tertuduh itu boleh dijamin dan ia akan mengambil kesempatan untuk meneruskan aktiviti-aktiviti yang lama. Saya juga merasa bahawa dalam semua kesalahan dadah, ikat jamin tidak harus dibenarkan. Saya sedar perkara ini akan menghadapi pembangkangan, namun minat masyarakat dan negara seluruhnya juga harus diutamakan.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mencadangkan supaya undang-undang sekarang ini yang berhubung dengan para poengedar dadah disemak semula. Di bawah undang-undang sekarang ketua-ketua perkongsian dan pertubuhan ini dapat dilepaskan dengan hukuman yang ringan sahaja oleh kerana pemilikan dadah itu tidak dapat ditentukan daripada mereka maka ketua-ketua ini tidak dapat dituduh di mahkamah. Biasanya mereka ini akan dihantar ke Pulau Jerjak bagi masa selama dua hingga tiga tahun. Hukuman ini jauh dari

memuaskan kerana mereka ini akan kembali dan meneruskan aktiviti-aktivitinya yang lama dengan golongan itu. Saya sekali lagi ingin menegaskan supaya hukuman bagi pengedar dadah dinaikkan supaya ini akan menjadi penghalang kepada orang lain daripada melakukan perkara yang sama.

Seterusnya saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan kita menimbangakan pelaksanaan undang-undang baru bagi merampas dan menarik hak di atas harta para pengedar dadah di mana si pengedar tidak dapat menceritakan dengan memuaskan punca hartanya itu. Di setengah-setengah negara seperti Amerika pembentukan undang-undang seperti ini telah diperkuatkan supaya lalu saya ingin mengesyorkan supaya kamar Peguam Negara diminta mengemukakan cadangan yang perlu.

Tuan Yang Dipertua, saya mengesyorkan supaya Kerajaan menaikkan lagi peruntukan kepada badan anti-narkotik di mana pemberi maklumat dibayar dengan hadiah yang lebih tinggi bagi memberi maklumat yang bersangkutan dengan pengedaran dadah. Saya difahamkan bahawa skel bayaran pada masa ini adalah tidak berapa menarik dan saya ingin mencadangkan supaya skel bayaran yang sedia ada itu dibawa sama rata sepertimana pihak Kastam membayar kepada pemberi maklumat mereka.

Masalah dadah di Malaysia telah menjadi serius sekali dan adalah menjadi kewajipan setiap warganegara Malaysia untuk membasmikan keburukan ini daripada masyarakat kita. Andainya keburukan ini tidak dibenteras dari sekarang maka segala usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dan semua orang lain adalah sia-sia sahaja.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh masalah setingan di negara kita ini. Ini juga adalah suatu masalah yang serius dan saya ingin mencadangkan suatu polisi negara dibentuk oleh kerana perhatian yang diberi kepada masalah ini adalah tidak memuaskan. Saya ingin mencadangkan supaya beberapa Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dalam hal ini.

Saya juga ingin mengatakan sepatah dua tentang "Look East Policy" Kerajaan kita. Saya ingin memohon kepada semua supaya bekerjasama di dalam pelaksanaan polisi ini. Ini adalah suatu kenyataan hidup di mana orang-orang Jepun dan Korea telah menunjukkan kepada dunia keseluruhannya tentang tabiat kerja dan disiplin yang tertentu yang terdapat pada pekerja-pekerja mereka yang telah membawa kepada kemajuan ekonomi yang sungguh hebat. Walaupun negara Jepun tidak mempunyai punca-punca asli, namun mereka telah dapat menggunakan segala tenaga buruh yang ada dan ini telah mendatangkan kemajuan ekonomi yang pesat dan pada hari ini mereka terkenal di seluruh dunia.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua oleh kerana telah memberikan saya peluang menyatakan tentang peruntukan Belanjawan 1983 dan juga telah memberi saya kesempatan ini menyatakan sepatah dua pada hari yang berbahagia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Ada 10 minit lagi, Tuan Haji hendak berucap? Jemput.

7.20 mlm.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Tuan Yang Dipertua, saya mengambil peluang bercakap di dalam Dewan yang mulia ini, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan rasa junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Peluang yang diberikan kepada saya di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan ini, saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Pertanian iaitu apakah usaha-usaha Kementerian sekarang ini mengenai dengan nasib petani-petani 3K—ini istilah yang saya buat iaitu petani-petani penanam kelapa, koko dan kopi. Keadaan kemerosotan harga yang terdahulu jauh sejak akhir-akhir ini menyebabkan petani-petani 3K (kelapa, koko dan kopi) hidup di dalam keadaan gelisah. Kalau pada beberapa tahun yang lalu harga kelapa boleh memberikan pertolongan kepada sumber hidupnya tetapi hari ini tuan empunya kelapa dan ada masanya menerima 2 sen sebiji daripada harga kelapa.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan supaya Kementerian Pertanian di dalam usahanya selama ini, 25 tahun kita telah merdeka, tetapi satu perubahan yang sepatutnya dibuat ialah menerapkan ajaran-ajaran Islam di dalam perkembangan pertanian. Di dalam Al-Quran terdapat lebih daripada 200 ayat yang ada hubungannya dengan pertanian, tetapi setelah sekian lama kempen dan rancangan untuk menghidup dan menyuburkan kampung-kampung tradisional, kampung-kampung yang jauh di pedalaman, tetapi hari ini masih kelihatan lagi lalang, senduduk yang menjadi subur di kampung-kampung. Saya tidak mengatakan subsidi racun gagal, saya tidak mengatakan bantuan-bantuan yang diberikan kepada kaum tani tidak

mendatangkan faedah tetapi apa yang kita nampak selama 25 tahun lalang masih gemuk, senduduk masih subur. Ini menunjukkan bahawa kegiatan pertanian ini masih belum sampai ke tahap yang sebenarnya untuk mengguna dan memakmurkan bumi Allah yang subur ini. Kalau tebu tak boleh ditanam seperti jawapan Timbalan Menteri beberapa hari yang lalu, tanaman lain boleh ditanam. Kalau sebatang pokok pisang ditanam sehari, setahun ada 365 batang pokok pisang. Ertinya tidak akan ada tanah yang kosong. Jadi inilah satu revolusi pertanian, menanamkan satu perasaan kepada rakyat tani cintakan kepada tanah. Ini juga satu cara memandang ke Timur. Kalau orang Jepun, orang Taiwan boleh tanam cili di pasu bunga tetapi kita ada tanah, yang daripada tanah itu dijadikan pasu bunga, tetapi tidak ditanam dengan apa-apa. Kalau di Mekah sana tanah yang tandus—hari ini di Mekah dan Madinah sudah mula boleh ditanam dengan pokok-pokok yang subur untuk mencantikkan bandar Mekah dan bandar Madinah tetapi nampaknya keadaan itu tidak dapat digunakan oleh rakyat tani kita.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, yang sebenarnya saya ada beberapa perkara lain yang saya hendak cakapkan banyak

Timbalan Yang Dipertua: Ada lima minit lagi.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: 5 minit sahaja, Tuan Yang Dipertua. Kita ini di dalam kempen-kempen di dalam ceramah-ceramah, di dalam perjumpaan-perjumpaan daripada pemimpin besar sampailah kepada pemimpin kecil di kampung-kampung memberi jaminan setiap anak di luar bandar yang mendapat satu rungutan—yang sebenarnya rungutan ini banyak. Ada murid daripada sebuah sekolah rendah, 6 orang

mendapat 5A tetapi 5 terpilih, satu tidak terpilih, yang tidak terpilih itu akan mendapat sakit jiwa. Mengapa 5 dapat, yang satu lagi tak dapat. Saya cuba menghubungi pegawai di Kementerian Pelajaran, dia kata pemilihan ini melalui komputer. Takkan saya hendak bercakap dengan mesin, dia kata. Saya ingin jawapan mengapa yang satu itu tidak terpilih, tolong ambil yang satu ini dan dimasukkan ke mana-mana tempat yang kosong. Saya mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran kalau jumlah satu kelas itu di asrama penuh 25, jadikan 30, supaya boleh menampung badan-badan yang dapat 5A dari luar bandar yang mana tidak dapat masuk ke asrama penuh. Kalau pegawai daripada Kementerian Pelajaran berkehendakkan nama murid itu, boleh saya berikan kemudian.

Tuan Yang Dipertua, selama ini kita dapat tahu bahawa anak-anak bumiputera yang mengambil jurusan sains terutama kedokteran di universiti dijamin mendapat biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (J.P.A.) tetapi saya mendapat rungutan dan saya boleh membuktikan ada mahasiswa kita yang mengambil jurusan sains kedokteran tidak mendapat biasiswa daripada J.P.A. Mengapa? Ini akan mendatangkan, kata budak-budak sekarang "boring" dan budak-budak itu sendiri berkata "apa nak di kato". Apa nak dikata, sebab tidak ada jawapan apa-apa sedangkan kawan-kawannya yang menerima biasiswa negeri sudahpun mulai lega di komsis masing-masing.

Tuan Yang Dipertua, baru-baru ini banjir, saya hendak menyentuh mengenai dengan J.K.R. dan J.P.T. Banjir ini kuasa Allah daripada saya kecil-kecil lagi pun sudah banjir terutama sekali di kampung saya di Batu Pahat, Sungai Simpang Kiri, Simpang Kanan kalau di Terengganu

banjir 3 hari susut tetapi Sungai Simpang kiri, Simpang Kanan Sungai Batu Pahat banjir tiga bulan. Hari ini kulit pokok getah sudah merekah, pisang sudah tumbang, ubi sudah busuk, air masih bertakung. Jawapan daripada Pegawai J.P.T., Sungai Batu Pahat tohor. Daripada umur saya 10 tahun, saya Sungai Batu Pahat itu tohor sampai tahun 1982 pun masih tohor juga. Jadi apa yang dikorek, apa yang dicuci, apa yang dibersihkan, Kuala Sungai Batu Pahat dalam. Jadi kalau macam ini pada pendapat saya Sungai Batu Pahat itu istimewa kualanya besar, makin ke hulu, makin sempit, makin tohor.

Jadi saya minta supaya banjir yang melanda Simpang Kiri, Simpang Kanan di Batu Pahat itu di tahun-tahun yang akan datang apabila ramalan cuaca akan berlaku kalau banjir, air akan mengalir terus ke Selat Melaka.

Kepada J.K.R., Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyarankan ada satu jambatan di Sri Medan, saya ini bukan Wakil Rakyat yang dipilih tetapi kerana tempat ini saya tahu, satu jambatan di Sri Medan di mana berlaku jubah putih menyerang Balai Polis Batu Pahat. Ini kerana orang marah fasal itulah. Selama sekian puluh tahun daripada zaman Jepun mengorek bijih besi di Bukit Medan Batu Pahat, jambatan itu dibuat begitu tinggi membolehkan tongkang lalu, setelah merdeka 25 tahun, jambatan itu tak boleh diturunkan. Tak tahu berapa degree, saya bukan jurutera tetapi kalau musim gerimis basikal meluncur menghentam tembok. Saya tahu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang lalu telah meluluskan peruntukan untuk membuat satu jambatan, tak juga jadi-jadi, yang sebelumnya banjir, jambatan melengkung, sebelah sini banjir, timbul jubah putih mengamuk. Ini salah satu dari sebab orang-orang ini tidak puas hati.

Tuan Yang Dipertua, ada lagi masa?

Timbalan Yang Dipertua: Ada.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Baru-baru ini kita dengar heboh masalah dua Jumaat, dua imam. Mengapa ini berlaku? Setelah kita merdeka, setelah kita bertoleransi dalam beragama, saya hendak sentuh mengenai Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri. Dahulu kita heboh dengan dakwah songsang dan ajaran sesat. Kemudian hilang ajaran songsang, hilang dakwah sesat, hilang itu ini, kemudian diadakan Bulan Dakwah Allahyarham Tan Sri Syed Nasir menjadi hero di dalam Bulan Dakwah, mengapa Bulan Dakwah ini tidak diteruskan? Sekarang ini bulan Maulud, masyarakat menyambut Maulud di merata kampung, sempena bulan Maulud inilah diserapkan ajaran Islam yang sebenar ke dalam masyarakat supaya tidak timbul perpecahan.

Saya hendak bandingkan mengapa dakwah yang dianjurkan oleh golongan persendirian mendapat sambutan daripada golongan dakwah yang diberi kemudahan oleh Kerajaan, mengapa dan di mana silapnya, mengapa yang ini mendapat barchah dan mendapat sambutan, mengapa yang di sini tidak mendapat barchah dan sambutan. Sudahkah ini diteliti, sudahkah ini dikaji, sudahkah ini direnung, sudahkah ini difikir?

Allah s.w.t. berfirman di dalam Al-Quran: Haasibu an-fusakum qabla-antu-haasabu. Maksudnya: Kira diri kamu sebelum kamu dikira.

Sekarang ini kita hendak kira kerja kita dalam dasar pandang ke Timur dalam selogan bersih, cekap dan amanah. Mengapa keadaan ini berlaku di dalam masa kita menghadapi cabaran?

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Boleh sambung lagi esok, Tuan Yang Dipertua?

Timbalan Yang Dipertua: Tak boleh.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: 5 minit lagi, Tuan Yang Dipertua, ada hubungan dengan perkara ini.

Saya meminta kepada Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, kerana masyarakat kita Melayu ini kurang dengan kitab-kitab, apabila datang kitab soal-jawab karangan A. Hassan Bandung, heboh masyarakat masalah nawaitu, masalah Qunut, masalah tahlil. Yang sebenarnya masyarakat kita tidak ada panduan, mengapa Bahagian Agama tidak boleh memodenkan Mutla'al-badrin, tidak boleh memodenkan Hidayatus-salikin, sabilal-Muhtadin yang menjadi bacaan kepada orang-orang Islam.

Yang Berhormat saudara kita telah bercakap Islam agama pendamai, diakui, tetapi kita sebahagian daripada ajaran Islam mengenai Fiqah, Furuk Masail tidak dapat dipermodenkan supaya anak-anak muda boleh membaca kitab-kitab itu, maka dibacakan pedoman salat yang dibuat A. Hassan Bandung, dibacakan kitab soal-jawab A. Hassan Bandung, dibacakan kitab-kitab karangan baru yang kadang-kadang kita tidak tahu daripada mana pucuk-pangkal, timbul satu kitab mengenai dengan hadis, ada satu hadis yang digunakan selama ini "hubbul-watan-nisful-iman", kitab ini katakan hadis itu maudhuk.

Saya meminta buku karangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Menghadapi Cabaran itu disebarkan luas kerana merupakan kitab, kerana di dalamnya ada ayat-ayat Quran, juga ada Hadis-hadis Nabi. Orang Islam, orang Melayu kita ini kalau baca satu buku ada di dalamnya ayat Quran, ada Hadis

Nabi—itu kitab. Buku Menghadapi Cabaran yang dikarang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir itu merupakan satu kitab, kitab itu buku, buku itu kitab. Tetapi kerana dinamakan buku maka orang tidak baca, jadi kalau ini dijadikan salah satu daripada buku yang disebarkan ke seluruh negara, Kementerian Penerangan mengambil peranan hantar ke setiap kampung, setiap masjid, setiap balai raya supaya ditatap oleh rakyat, dibaca oleh angkatan muda, ada fikiran, apa renungan Perdana Menteri terhadap masyarakat Islam-Melayu di dalam menghadapi cabaran-cabaran ini dan disambung pula dengan buku Delima Melayu apa yang ada fikiran Perdana Menteri kita supaya dapat direnung dan dikaji. Tidakkah timbul bagaimana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Melaka semalam, ada pegawai-pegawai Kerajaan enggan terima perubahan. Kalau enggan terima perubahan ertinya tidak mahu kepada Bersih, Cekap, Amanah. Ini telah ditimbulkan terang sehingga hari ini kita merasa agak tidak sedap kerana ada kakitangan Kerajaan sendiri yang diberi gaji, yang diberi elaun, yang diberi kemudahan, tetapi hidupnya mencaci Kerajaan pagi-petang. Apakah tindakan Kerajaan kepada mereka ini? Betul negara demokrasi, boleh bebas bercakap, tetapi kita ada juga tatatertib, kita ada juga had-had yang tertentu. Kalau sudah orang Kerajaan, balik kampung cuti, menghentam

Kerajaan, menghentam Menteri, anak buahnya dengar, tokwannya dengar, paktehnya dengar. Betul engkau tu! Kau sekolah, betullah tu. Salah Kerajaan, mengapa ini berlaku? Sudahkah ini difikir dan apa pula tugas Bahagian Geraksaraf yang ada dalam Jabatan-jabatan yang tertentu. Dalam masalah ini kita tidak boleh salahkan orang kampung yang menghentam Kerajaan, kita tidak boleh salahkan rakyat jahil yang direndam oleh air sekarang ini, kalau marah Kerajaan, Welfare Department tidak hantar tepung, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak hantar gula, tidak hantar selimut, kita tidak boleh marah dia, sebab orang ini mahu benda-benda itu, itu jam dia mahu dapat, tetapi bagaimana dengan golongan yang dikatakan cerdik-pandai, cendekiawan, intelektual, kata orang sekarang. Saya datang daripada kaum tani ini.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat, masa saya beri 5 minit sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

Timbalan Yang Dipertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 12.30 petang hari esok, Rabu, 22-12-1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.35 malam.